



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

Shah Alam 10 November 2011 (Khamis)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)

(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim

PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)

(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali

DIMP., SMS. (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)
Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)
Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)
Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)
Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)
Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)
Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)
Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)
Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)
Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)
Y.B. Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)
Y.B. Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)
Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)
Y.B. Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)
Y.B. Tuan Edward Lee Poh Lin
Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)
Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)
Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)
Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)
Y.B. Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)
Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)
Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

Y.B. Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom, PJK

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Dato' Sri Subahan bin Kamal, SSAP., DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim, DPSM., AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

TIDAK HADIR

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
PJK. (Sungai Panjang)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Suliman bin Abd Rahman, PPT
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha I

Puan Noor Diana bt. Razali
Penolong Setiausaha II

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha III

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Abd. Halim bin Abd. Rahman
Bentara

Encik Ahmad Hafizan bin Yusof
Penolong Bentara

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah
Pelapor Perbahasan

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER: Dewan disambung semula.

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Persidangan Dewan Negeri Selangor yang ke 12, dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan sambungan.

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat sekalian, saya ingin memaklumkan oleh kerana Y.A.B Dato' Menteri Besar, dikehendaki menghadiri satu majlis bersama Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, maka saya akan tangguhkan semua soalan yang jawab oleh Dato' Menteri Besar, sehingga beliau hadir ke Dewan ini. Dipersilakan Taman Templer.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN B. KAMAL : Terima kasih Tuan Speaker, soalan no. 9

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : KEDUDUKAN TERKINI PROJEK PERUMAHAN BUKIT BOTAK

9. Difahamkan bahawa Pejabat Tanah Daerah Gombak telah mengemas kini data pemilik asal tanah projek perumahan Bukit Botak. Namun demikian, masih terdapat aduan dari beberapa orang pemilik tanah asal yang mengatakan bahawa nama mereka tiada/tercicir dari senarai pemilik asal tersebut.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Ingin mengetahui kedudukan data terkini berkaitan perkara ini.
- b) Ingin mengetahui berapa ramaikah nama mereka yang telah terkeluar dari senarai pemilik asal dan sebab-sebab perkara ini berlaku.
- c) Apakah jaminan mereka ini dapat menuntut semula tapak perumahan sebagaimana yang sepatutnya?

Y.B. TUAN ISKANDAR B. A. SAMAD : *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Bismillahi rahmani rahim*, terima kasih Y.B. Taman Templer. Untuk menjawab soalan projek perumahan Bukit Botak. Tawaran rumah berkembar Bukit Botak atau Taman Selayang Mulia, adalah berdasarkan kelulusan pemberimilikan di bawah Seksyen 76, Kanun Tanah Negara 1995 melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Tiga Mesyuarat iaitu pertama adalah MMKN bilangan 4/2003 bertarikh 29 Januari 2003 di mana 1182 peneroka telah dipilih atau dianugerahkan. Mesyuarat atau mesyuarat yang ke 2 ialah MMKN bil 26/2005 bertarikh 30 Mac 2005 di mana 185 peneroka telah dipilih ataupun dianugerahkan dan Mesyuarat MMKN yang ke 3 ialah pada bilangan 3/ 2009 bertarikh 21 Januari 2009 di mana keseluruhannya adalah 1406 yang telah dianugerahkan atau termasuk dalam tawaran rumah berkembar Bukit Botak ataupun Taman Selayang Mulia. Terdapat 39 orang penduduk asal yang tercicir dari pemberimilikan pada 2003 dan 2005 telah turut ditawarkan rumah berkembar di Bukit Botak. Yang ini diluluskan MMKN pada 2009.

Soalan ke 2 berapa ramai terkeluar dari senarai asal dan sebab-sebab berlaku bilangan penduduk yang ditawarkan seperti yang kita sebutkan tadi adalah 1406. Walau bagaimanapun terdapat 77 penduduk Bukit Botak yang telah ditawarkan rumah yang telah siap dibina oleh pemaju dari Del Puri Sendirian Bhd. Mereka tidak akan ditawarkan rumah berkembar yang dimajukan oleh PKNS. Disebabkan mereka telah menduduki dan memiliki rumah yang dibina oleh pemaju asal iaitu Del Puri Corporation.

Selain dari itu terdapat seramai 86 penduduk Bukit Botak yang dikategorikan sebagai setinggan tambahan tahun 1999 menggunakan pendaftaran STA atau STE ditawarkan rumah pangsa kos rendah yang dibina oleh Del Puri Corporation Sdn. Bhd.

Soalan terakhir, apakah jaminan mereka dapat menuntut semula tapak perumahan yang sebagaimana sepatutnya pihak kerajaan negeri telah mengadakan satu siasatan ataupun pemutihan pada tahun 2009 dan daripada itu kita telah memanggil mereka-mereka yang berkepentingan atau merasakan diri berkepentingan untuk kita melakukan siasatan. Kalau kita lihat secara keseluruhan penduduk Bukit Botak berjumlah 1046 secara dasar ditempatkan projek pelaksanaan dan semula setinggan Bukit Botak. Jaminan kerajaan negeri melalui surat Aku Janji untuk melaksanakan dan memiliki rumah semi-D yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Negeri Ekonomi Selangor, di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Kedudukan terkini adalah seperti berikut: mana yang saya umumkan tadi. Walau bagaimanapun saya masih mendapat permohonan atau pun mereka yang datang membuat aduan bahawa mereka tertinggal. Kita sekarang ini tengah mengkaji semula atau melihat kes-kes tersebut sama ada sah atau pun tidak. Permohonan-permohonan tersebut. Dan kita lihat ada dokumen-

dokumen yang telah dimajukan dan ini adalah dalam siasatan pihak kerajaan negeri. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya, Taman Templer.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN B. KAMAL : Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih daripada EXCO yang berkenaan mengambil perhatian berat tentang perumahan di Bukit Botak daripada awal lagi.

Soalan saya Tuan Speaker, Ada tak pihak Kerajaan Negeri untuk menimbang balik harga kos mahal walaupun dikatakan murah daripada harga pasaran tetapi memandangkan kebanyakan memandangkan kebanyakan orang di kawasan itu orang-orang yang telah begitu tidak berapa mampu dan sudah warga tua dan emas, maka ada tak ada cadangan harga kos kepada harga yang lebih rendah dan berpatutan. Walaupun menurut Y.B. EXCO nama yang tercicir semuanya 80 lebih tetapi kalau tidak silap saya. Minta maaf kalau silap. Tetapi memandangkan saya pernah berjumpa dengan Y.B. EXCO ramai lagi mengatakan nama mereka tidak tersenarai ada tak satu sistem pemantauan rapi yang dibuat yang buat oleh pejabat EXCO supaya memastikan supaya perkara ini hanya dibiarkan di peringkat Pejabat Tanah sahaja. Masih terdengar lagi ramai orang datang ke pejabat mengatakan bahawa penawaran semula kepada orang luar. Jadi kita takut bukan hendak menuduh tetapi takut mungkin ada orang memberi peluang untuk menyenaraikan orang-orang yang tidak sepatutnya duduk di situ. Terima Kasih.

Y.B. TUAN ISKANDAR B. A. SAMAD : Untuk menjawab soalan dari segi pengurangan harga setakat ini, kita belum buat keputusan untuk mengurangkan harga. Oleh kerana rumah itu saya rasa memang masyarakat dan orang ramai sedia maklum, Yang Berhormat sedia maklum bahawa harga yang ditawarkan kepada peneroka RM99,000. Walhal harga yang dibeli balik oleh PKNS ialah RM170,000 dan kalau kita lihat di kawasan tersebut bahawa harga sebenar di situ melebihi pada RM200,000. Jadi sesiapa yang memiliki rumah di Bukit Botak di Selayang Mulia, akan mendapat keuntungan lebih RM100,000. Walau pun kita memahami keadaan di antara mereka yang sudah tua atau mempunyai tanggungan yang tinggi atau pendapatan yang rendah. Saya rasa kerajaan negeri bukan kerajaan yang zalim. Saya akan mengusahakan supaya kita akan membantu mereka bukan dari penurunan harga tetapi apakah cara-cara lain. Macam mana kita hendak bantu mereka supaya mereka dapat memiliki rumah di Taman Selayang Mulia.

Perkara kedua, kalau kita hendak ikutkan peraturan yang telah dilakukan usaha-usaha kita telah membuka kepada satu pemutihan jadi mereka yang merasa diri mereka tidak ada di dalam senarai boleh datang selama 3 bulan pada 2009. Kita telah melakukan pemutihan dan malangnya ramai yang datang selepas 3 bulan itu, mengaku bahawa

mereka layak mendapat rumah. Walau bagaimanapun, sekali lagi ingin ditegaskan bahawa kerajaan negeri Selangor bukanlah satu kerajaan yang zalim. Saya hendak melihat sekali lagi mereka yang datang dan saya telah mendapat satu fail yang tebal daripada pihak penduduk pada Yang Berhormat Taman Templer dan kita akan lihat berdasarkan dokumen-dokumen itu sahah atau tidak. Bermakna kalau mereka hendak buat tuntutan mereka layak atas dasar apa? Adakah mereka telah duduk di situ sebelum tahun 1988 seperti mana yang ditetapkan. Ada dokumen atau pun tidak? Itu yang kita akan lihat. Jadi ianya akan terpendam di Pejabat Tanah atau Pejabat Daerah sahaja. Pejabat saya akan melihat kepada tuntutan-tuntutan itu kita akan buat keputusan sama ada ianya sahah atau pun tidak. Kalau tidak kita akan bawa kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri akan membuat keputusan yang selanjutnya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya, Batang Kali.

Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM : Sebelum saya memohon penjelasan, Tuan Speaker, soalan saya tidak berkaitan dengan Bukit Botak itu tadi, tetapi ada kaitan dengan EXCO dan projek perumahan yang terbengkalai. Boleh tak saya mohon penjelasan EXCO.

TUAN SPEAKER : Saya rasa itu di luar tajuk perbahasan.

Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM : Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Bharu.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Tuan Speaker, soalan 10.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)**

TAJUK : **PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

10. Objektif dan peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu diurus secara jujur dan telus dalam perkhidmatan terhadap rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah amalan ketelusan yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Selangor?
- b) Adakah 12 Pihak Berkuasa Tempatan di Selangor ada menerbitkan Buku Laporan Tahunan dan diberikan kepada pembayar cukai?

- c) Memohon kerajaan negeri untuk mengunjurkan pendapatan setiap PBT? Senaraikan unjuran daripada yang tertinggi hinggalah kepada yang terendah.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, Yang Berhormat Kuala Kubu Baru, ingin memberi pendapat objektif peranan Pihak Berkuasa Tempatan perlu diurus secara jujur dan telus dalam perkhidmatan terhadap rakyat dan dia nak tanya apakah amalan ketelusan yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Selangor. Tuan Speaker, ini merupakan sesuatu pandangan yang betul dan PBT iaitu Pihak Berkuasa Tempatan sama dengan kerajaan negeri memang telah mengamalkan ketelusan dan dalam semua pelaksanaan termasuk tender. Kita tidak macam Menteri Pelancongan ya yang apabila dipertikaikan mengapa menggunakan *direct legal negotiation* dipertikaikan oleh Kinrara dia kata lebih murah. Itu kita tidak percayalah.

Tuan Speaker, setiap Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor telah mempraktikkan pelbagai kaedah dalam melaksanakan mengamalkan ketelusan dengan bersandarkan pada prosedur, peraturan-peraturan dan undang-undang dan telah ditetapkan oleh pihak kerajaan negeri mahupun kerajaan persekutuan. Salah satu ketelusan yang diamalkan dilaksanakan oleh PBT adalah Pelan Integriti Nasional (PIN) yang melibatkan semua lapisan pegawai dan kakitangan PBT bagi tujuan memastikan semua proses kerja hendaklah mengikut piawaian yang telah ditetapkan. Bagi memantapkan amalan ini PBT telah mengambil inisiatif dengan mengadakan misteri *shopping* dan juga pengauditan di peringkat dalaman. Antara contoh-contoh lain, yang menjadi amalan ketelusan PBT, adalah dengan mewujudkan sistem pengurusan kualiti yang berkaitan dengan Integriti iaitu seperti berikut:-

1. Mematuhi prosedur ISO proses kelulusan OSC atau pun *One Stop Centre*,
2. Proses pengurusan bayaran, proses kutipan cukai,
3. Proses pengurusan cukai taksiran,
4. Proses pengurusan tender dan sebut harga,
5. Proses kelulusan lesen,
6. Pengurusan aduan,
7. Pengurusan sumber,
8. Pengurusan perolehan dan dua pemantauan oleh Jabatan Audit Dalaman dan Jawatankuasa Audit Korporat.

Tuan Speaker, KKB juga ingin hendak tahu adakah 12 Pihak Berkuasa Tempatan di Selangor ada menerbitkan Buku Laporan Tahunan dan diberikan kepada pembayar cukai. Berdasarkan maklum balas yang diterima kebanyakan Pihak Berkuasa Tempatan di Selangor telah mengamalkan penerbitan Laporan Tahunan yang

memuatkan kesemua maklumat, data serta laporan aktiviti di PBT. Buku laporan tersebut kemudiannya akan diedarkan kepada pejabat-pejabat kerajaan, agensi-agensi kerajaan negeri, perpustakaan dan sekolah. Untuk bacaan umum laporan tersebut juga turut dimuatkan di laman *web* PBT. Ya, semua PBT ada laman *web*. Seperti mana yang telah dilaksanakan di Majlis Bandaraya Shah Alam. Walau bagaimana pun kebanyakan PBT tidak dapat mengedarkan laporan tahunan tersebut kepada semua pembayar cukai memandangkan penerbitannya adalah terhad dan terdapat kekangan-kekangan yang perlu dihadapi oleh pihak PBT. Buat masa ini hanya Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sahaja berkemampuan untuk mengedarkan laporan tersebut secara percuma kepada pembayar cukai. KKB juga hendak tahu unjuran untuk pendapatan setiap PBT. Unjuran pendapatan setiap PBT di negeri Selangor berdasarkan penyata pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 mengikut jumlah tertinggi sehingga yang terendah adalah seperti berikut:

Saya akan membacanya:

MBPJ	RM 259,602,604.00
MBSA	RM 227,197,356.00
MPSJ	RM 213,884,924.00
MPK	RM 201,726,204.00

Keempat-empat PBT ini telah mencapai pendapatan yang lebih daripada 200 juta, dan ke lima

MPS	RM 128,005,701.00
MPAJ	RM 126,443,289.00
MPKJ	RM 125,530,769.00
MPSp	RM 66,586,425.00
MDHS	RM 48,876,636.00
MDKS	RM 40,604,169.00
MDKL	RM 39,484,301.00
MDSB	RM 21,501,308.00

Jumlahnya RM1,499,443,686.00 bilion.

Saya ingin mengambil kesempatan hari ini untuk mengucapkan tahniah kepada MPAJ dan juga Majlis Perbandaran Selayang kerana kedua-dua PBT di Selangor ini mendapatkan lebih daripada 90 markah dalam prestasi pengurusan kewangan mengikut Laporan Ketua Audit Negara dan iaitu mereka mencapai prestasi 4 bintang. Tahniah. Di antara 12 PBT di Selangor 11 dianggap pengurusan kewangan dianggap sangat baik dan satu dianggap memuaskan. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Soalan tambahan.

Y.B. TUAN SPEAKER : Ya, Kuala Kubu Bahru.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Speaker, seperti mana yang dikatakan oleh EXCO Kerajaan Tempatan bahawa PBT adalah, ada ketelusan, tapi mengapa untuk semua projek sebut harga pemborong masih perlu sokongan daripada wakil rakyat. Soalan saya..

Y.B. TUAN SPEAKER : Masa ini, bukan PBT.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : PBT kan.

Y.B. TUAN SPEAKER : Tak, pasir bukan di bawah PBT.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Tak, bukan pasir, pemborong.

Y.B. TUAN SPEAKER : Pemborong.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Pemborong kelas F yang ingin ambil bahagian dalam sebut harga masih perlu sokongan daripada wakil rakyat kerana saya wakil rakyat pembangkang, selalu disalah anggap boleh sokong, maka / beritahu kalau saya sokong *you* tidak akan dapat projek. Yang kedua, dalam, saya nak tanya dalam Jawatankuasa Tender di PBT berapa ahli jawatankuasanya. Saya tahu daripada dahulu 5 sudah turun kepada 3. Apa maksud ketelusan? Yang ketiga. Satu kenyataan selalu dibuat oleh Ahli Majlis Daerah Hulu Selangor bahawa kutipan cukai telah mencapai 80 % yang terbaik di Selangor. So, saya hendak tanya bagaimana cara kira-kiraannya. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa Bukit Beruntung ada 48 pegangan harta. Yang hanya dipenuhi 30%. Adakah 70% pemilik atau pun rumah kosong masih membayar cukai. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, saya rasa KKB ada sedikit kelirulah. Ini adalah kerana kontraktor kelas F, cuma kontraktor kelas F dia bukan perlu mendapatkan sokongan daripada ADUN, tidak. Mereka, ADUN, peranan ADUN hanyalah untuk menyemak syarikat itu yang tertentu, iaitu ingin menjadi kontraktor di Selangor itu, dia adalah syarikat yang ada profil, ada kedudukan kewangan dan sebagainya. Ini bukan surat sokongan. Ini hanya pengiktirafan, itu satu. Dan, memang

di Selangor kita mengamalkan satu sistem ada sedikit perbezaan tetapi lebih baik daripada negeri-negeri yang di bawah Barisan Nasional, iaitu mengikut prosedur *treasury*, semua Jawatankuasa Sebut Harga atau pun Lembaga Tender di PBT itu hanyalah dianggotai oleh pegawai-pegawai. Tetapi di Selangor kita mengamalkan satu *check and balance* dengan izin, kita menjemput Ahli-ahli Majlis menjadi *observer* dalam jawatankuasa sebut harga atau pun Lembaga Tender supaya mendapatkan semakan dan sebagainya untuk menjamin ketelusan. Dan, itu, itulah cara di Selangor. Dan, kita sentiasa, kita sentiasa mengamalkan ketelusan dan sebab itu tadi dalam ucapan saya kita telah mengadakan satu cara yang baru, satu pendekatan yang baru, iaitu kita di Selangor di semua PBT ada pertubuhan Jawatankuasa *Audit* dan *Corporate Governance*. Ini tidak ada di PBT yang lain di negeri yang lain. Ini, jawatankuasa ini dianggotai oleh khasnya daripada Ahli Majlis, dari NGO, profesional dan juga parti politik. Peranan mereka adalah untuk diberi kuasa untuk menyemak semua dokumen mengenai sebut harga, tender dan sebagainya supaya menjamin ketelusan dan sebagainya. Inilah caranya kita di Selangor untuk mengamalkan ketelusan. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM : Speaker, soalan tambahan Speaker.

Y.B. TUAN SPEAKER : Ah! Batang Kali.

Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM : Saya ingin penjelasan sedikit Speaker. Tadi, Y.B. EXCO berkata. Ada seorang Ahli Majlis duduk dalam sebut harga. Tetapi, di telinga saya ini masih terngiang-ngiang lagi dengan hebatnya Menteri Besar dalam ucapan di sidang Dewan ini berkata. Kita tidak akan meniru Barisan Nasional, Lembaga Tender, Sebut harga, Ahli Majlis duduk mengganggu pegawai-pegawai kerajaan. Saya masih ingat ucapan itu.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Mana ada?

Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM : Tetapi, hari ini dah ada arahan supaya Ahli Majlis duduk dalam sebut harga, duduk dalam tender, kononnya memantau. Kenapa, dah tak percaya dengan pegawai-pegawai kerajaan ke?

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Ini bukan,...

Y.B. TUAN SPEAKER : Apa soalnya?

Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM : Dah tak percaya dengan YDP. Dah tak percaya dengan Setiausaha ke? Atau pun ketua-ketua bahagian? Jadi, apa makna ini semua. Mana ketelusan? *you* kata, kita telus. Biarlah pegawai kerajaan laksanakan tugas, ya, kita laksana tugas kita. Apa ketelusan itu.

Y.B. TUAN SPEAKER : Apa soalnya.

Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM : Saya punya soalan, mengapa ada *double standard* macam ini. Terima kasih. Pengerusi.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, ini bukan *double standard* dan ini adalah ada sedikit unsur niat jahat. Sebenarnya, terjadi pemerhati sahaja, *observer* sahaja, ini satu perkara yang normal. Ini langsung tidak berkenaan dengan percaya atau tidak kepada pegawai. Sebenarnya pegawai-pegawai PBT termasuk Datuk Bandar, YDP dan sebagainya, mereka beritahu saya mereka lebih suka, lebih suka ada, ada pemantau di situ sebab kita, memang itu satu cara untuk menentukan *check and balance*. Jadi, ini satu *culture* yang baru dan saya rasa pembangkang tidak fahamlah. Saya maafkan,

Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM : Saya rasa ini satu penipuan. Saya berhubung dengan YDP-YDP bila keluar dewan, bila keluar mesyuarat, mereka kata, kami tak boleh buat apa.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Eh!

Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM : Ahli Majlis, ada. Kacau kami. Ganggu kami. Ini sampai kepada kami. Jangan hendak berbohong Y.B.. Terima kasih.

Y.B. TUAN SPEAKER : Ini bukan soalan lagi ni. Kalau hendak buat. Buat dalam perbahasan ucapanlah. Saya berharap Yang Berhormat sekalian, dalam soalan jawab ini, waktunya satu setengah jam. Jadi, gunakanlah dengan sebaik-baiknya. Dapatkan maklumat. Apa maklumat, apa perkara yang tidak puas hati. Bangkitkan dalam perbahasan. Kalau tidak, tak guna kita lanjutkan dari dahulu daripada satu jam kepada satu setengah jam. Sesi ini, kita bertemu dengan EXCO ini dapatkan seberapa banyak yang boleh. Bukan untuk ambil peluang ini untuk buat ucapan. Saya bagi amaran, saya tak hendak ini berlaku lagi. Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Tuan Speaker, soalan no. 11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : INDUSTRI PELANCONGAN

11. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan jumlah pelancong yang melawat ke negeri Selangor mengikut pecahan negeri bagi tahun 2007-2011.
- b) Destinasi manakah yang menjadi destinasi kunjungan utama pelancong yang melawat ke negeri Selangor.

- c) Apakah perancangan kerajaan negeri Selangor bagi mewujudkan destinasi tarikan pelancong khususnya tempat warisan dan kebudayaan yang berpotensi untuk menarik pelancong.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker. Soalan adalah dibahagi kepada 3 bahagian. Yang pertamanya adalah soalan berkenaan jumlah pelancong yang melawat ke negeri Selangor. Mengikut pecahan negeri bagi tahun 2007 sampai 2011. Jumlah pelancong adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH
Johor	2,500,859
Kedah	585,318
Kelantan	141,315
Melaka	326,283
N. Sembilan	346,734
Perlis	84,121
Pulau Pinang	1.12 juta
Perak	937,328
Pahang	555,911
Selangor	2.736,000
Serawak	339,815
Sabah	173,764
Terengganu	185,009
Kuala Lumpur	3.688 juta
Putrajaya	122,545
Labuan	46,928

Jadi jumlah pengunjung tempatan bagi tahun 2007 sampai 2011 jumlahnya adalah 13,498,646.

Soalan yang kedua Yang Berhormat Rawang adalah berkenaan dengan destinasi kunjungan utama pelancong yang melawat ke negeri Selangor. Jadi, di negeri Selangor kita bukan sahaja ada satu dua tapak pelancongan tetapi kita ada ratusan. Apa yang kita telah buat di negeri Selangor adalah untuk dengan izin *stream lined* beberapa tapak-tapak pelancongan dan terdapat 10 ikon destinasi tumpuan pelancong-pelancong ke negeri Selangor. Dan ini adalah merupakan destinasi yang amat popular di mana sering kali pelancong melawat ke tapak-tapak tersebut. Antaranya adalah

1. Masjid Biru, atau Masjid negeri Selangor, Di Shah Alam
2. Bukit Melawati, di Kuala Selangor
3. Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz di Kelang
4. *Sunway Lagoon* di Subang Jaya
5. Kelip-kelip di Kampung Kuantan, Kuala Selangor
6. Dong Zhen Monestry di Jenjarum, Kuala Langat
7. Sepang *Gold Coast* di Bagan Lalang, Sepang
8. Batu Caves, dekat Selayang, Gombak.
9. FRIM, Pusat Penyelidikan Hutan Malaysia di Gombak
9. Hutan Lipur Kanching, Daerah Gombak.
10. I-city yang merupakan *icon* pelancongan baru di Shah Alam.

Walau bagaimana pun, kita juga terdapat beberapa produk-produk baru yang semakin menjadi tarikan pelancong ke Selangor. Antaranya adalah:-

- 1) *Strawberry Leisure Farm* di Hulu Selangor.
- 2) *Rabbit Fun Land* di Semenyih.
- 3) *Gold Coast* di Morib.
- 4) Kuan *Wellness Centre*, iaitu Pelancongan Sarang Burong, layang-layang di Tanjong Sepat.
- 5) *Tubing* dan juga *wet water rafting*, Hulu Selangor dan Agro Tourism di Sekinchan, Sabak Bernam.

Jadi soalan yang terakhir dari Yang Berhormat Rawang ada perancangan kerajaan negeri Selangor untuk mewujudkan destinasi tarikan pelancong khasnya yang bertema

warisan dan kebudayaan. Memang juga kita ada beberapa destinasi dan juga tapak-tapak pelancongan yang ada ciri-ciri warisan dan kebudayaan. Dan ini semakin menjadi satu tarikan kepada pelancong-pelancong yang datang ke negeri Selangor termasuk juga penduduk tempatan Selangor. Jadi sebagai contohnya kita ada *Heritage Walk* yang kita telah membuat satu inisiatif di Bandar Klang dan ianya merupakan antara produk terbaru pelancongan di negeri Selangor. *Heritage Walk* di Klang mengandungi 18 bangunan atau pun struktur warisan yang menjadi daya tarikan utama. Melalui kerajaan negeri setiap bangunan dan struktur bangunan warisan telah disediakan informasi bagi memudahkan pengunjung dan pelancong untuk mendapat maklumat yang berkaitan dengan struktur bangunan tersebut sejarah dan sebagainya. Selain daripada itu kita juga ada risalah, brosur, peta yang berkaitan dengan *Heritage Walk* di Klang yang diterbitkan untuk menjadi rujukan dan panduan kepada pelancong-pelancong. Selain daripada itu kita juga memberi macam latihan kepada pemandu-pemandu pelancong atau pun *Tour Guide* yang membawa pelancong-pelancong menggunakan atau pun menikmati *Heritage Walk* di Bandar Klang.

Little India juga menjadi satu tarikan di *Heritage Walk* Klang dan ianya semakin menjadi pesaing Little India Kuala Lumpur. Jadi melalui promosi yang berterusan ia Little India telah menjadi antara lokasi popular pengunjung atau pelancong khususnya untuk mendapat aneka pelancong. Ini ditambahkan pula dengan kewujudan stesen KTM yang bersejarah tumpuan masyarakat setiap hari. Malah Stesen Klang juga merupakan antara 18 struktur warisan dalam program pembangunan *Heritage Walk*. Selain daripada itu kita juga telah mula dengan pengindahan dan pemuliharaan bangunan-bangunan di sekitar Jalan Tengku Kelana penganjuran pelbagai acara dan menaik taraf kemudahan sedia ada di sana.

Melalui Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor yang sebenarnya di bawah naungan Yang Berhormat Gombak Setia dan juga Yang Berhormat Batu Tiga pelbagai perancangan dan juga pelbagai produk warisan dan kebudayaan telah dan akan dilaksanakan. Jadi memang ada di bawah portfolio Warisan Negeri Selangor Yang Berhormat Gombak Setia yang ada maklumat yang lebih terperinci tetapi dari Tourism Selangor perancangan kita telah buat melalui promosi kita ada kerjasama dengan padat dan apa yang telah kita buat adalah mengadakan beberapa program-program atau aktiviti-aktiviti di tapak-tapak warisan dan juga yang bersejarah. Destinasi-destinasi dan produk pelancongan yang kita promosi adalah:-

- 1) Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
- 2) Muzium Daerah Sabak Bernam.
- 3) Muzium Daerah Kuala Selangor.

- 4) Istana Bandar Jugra, Kuala Langat.
- 5) Bukit Melawati di Kuala Selangor.
- 6) Bukit Belanda, Kuala Selangor.
- 7) *Heritage Walk* Klang.
- 8) Galeri Sultan Abdul Aziz di Klang.
- 9) Dong Zhen di Kuala Langat.

Dan pelbagai lagi beberapa tapak-tapak lagi. Antara acara-acara dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- 1) Karnival Fotografi Warisan Selangor yang bertempat di jambatan bersejarah kota di Klang.
- 2) Futsal *Blogging Competition* di seluruh negeri Selangor yang bertema makanan.
- 3) Festa Kajang yang bertema Kebudayaan makanan dan juga sejarah.
- 4) Festival Bon Odori di Shah Alam, Kebudayaan Jepun.

Dan lain-lain lagi. Bagi memperkenalkan produk kraf warisan Selangor, Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan UPEN Selangor telah menganjurkan program-program seperti Bazar Kraf di negeri Selangor, Kembara Kraf negeri Selangor bersama media dan pelancaran logo Kraf negeri Selangor. Kraf tangan yang merupakan antara tinggalan warisan dan kebudayaan merupakan antara yang penting dalam menonjolkan kepelbagaian produk dan destinasi pelancongan negeri Selangor. Jadi ini secara langsung telah membantu, mempromosikan kebudayaan dan produk-produk pelancongan warisan khas kita boleh dapati di negeri Selangor seperti Kraf tangan Orang Asli di Pulau Carey Kuala Langat, Budaya Seni Tembikar India di Kuala Selangor. Seni kraf songket dan batik Selangor di Shah Alam dan Sepang.

TUAN SPEAKER : Soalan Teluk Datuk

Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE : Soalan 14, Tuan Speaker.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : **PROGRAM JOM SHOPPING**

14. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan jumlah peserta yang telah mengambil bahagian dalam program ini mengikut kawasan DUN.
- b) Setiap DUN hanya boleh menghantar 200 orang peserta sahaja untuk setiap bulan. Adakah bilangan peserta boleh ditambah memandangkan jumlah warga emas adalah terlalu banyak?

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT. ALI : Terima kasih, Tuan Speaker, saya akan menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Hulu Klang No. 69, 160 Balakong, 197 Teratai dan 217 Hulu Klang kerana soalan-soalan ini berkaitan dengan Program Jom *Shopping* yang telah dijalankan kepada warga emas. Untuk makluman semua Yang Berhormat, Telok Datuk telah bertanya tentang jumlah peserta yang telah mengambil bahagian ikut DUN untuk program Jom *Shopping* jadi dengan ini saya membacakan status terkini sehingga 31 Oktober 2011.

1)	Sungai Air Tawar	191
2)	Sabak	468
3)	Sungai Panjang	93
4)	Sekinchan	482
5)	Hulu Bernam	437
6)	Kuala Kubu Bharu	290
7)	Batang Kali	217
8)	Sungai Burong	238
9)	Permatang	378
10)	Bukit Melawati	120
11)	Ijok	320
12)	Jeram	413
13)	Kuang	346
14)	Rawang	593
15)	Taman Templer	342

16)	Batu Caves	183
17)	Gombak Setia	292
18)	Hulu Klang	388
19)	Bukit Antarabangsa	128
20)	Lembah Jaya	107
21)	Cempaka	118
22)	Teratai	329
23)	Dusun Tua	132
24)	Semenyih	81
25)	Kajang	488
26)	Bangi	411
27)	Balakong	32
28)	Seri Kembangan	354
29)	Seri Serdang	146
30)	Kinrara	79
31)	Subang Jaya	428
32)	Seri Setia	234
33)	Taman Medan	209
34)	Bukit Gasing	115
35)	Kampung Tunku	213
36)	Damansara	93
37)	Bukit Lanjan	588
38)	Paya Jaras	292
39)	Kota Damansara	167
40)	Kota Anggerik	456

41)	Batu Tiga	700
42)	Meru	600
43)	Sementa	354
44)	Sungai Pinang	523
45)	Selat Klang	489
46)	Pelabuhan Klang	527
47)	Pandamaran	500
48)	Kota Alam Shah	450
49)	Seri Andalas	567
50)	Seri Muda	267
51)	Sijangkang	513
52)	Telok Datuk	677
53)	Morib	500
54)	Tanjong Sepat	440
55)	Dengkil	450
56)	Sg Pelek	256

Saya ingin menyatakan bahawa program ini juga dipanjangkan kepada Wilayah Persekutuan kepada warga-warga emas yang telah mendaftar kerana kita ingat kelayakan itu juga diberikan kepada warga emas yang kita tahu dulu Kuala Lumpur merupakan sebahagian daripada Selangor jadi saya bacakan juga untuk :

1)	Batu	380
2)	Titivangsa	229
3)	Lembah Pantai	295
4)	Seputeh	432
5)	Bandar Tun Razak	758

Jumlah keseluruhan yang telah pun mengikuti Program Jom *Shopping* ialah seramai 20,382 orang warga emas.

Untuk soalan seterusnya apakah setiap DUN hanya boleh menghantar 200 orang peserta sahaja setiap bulan. Saya ingin menjelaskan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa perkara itu hanya ditekankan semasa permulaan tetapi saya rasakan ianya tidak berlaku lagi kerana awalnya kerajaan negeri ingin membiasakan semua petugas khususnya pusat khidmat untuk mereka benar-benar mengikuti *standard operating procedure* dengan izin atau pun tatacara kerja yang benar kerana kita tahu bahawa ia melibatkan seramai 160,000 warga emas yang telah mendaftar jadi kita tidak mahu ianya berlaku pertindihan dan sebagainya dan alhamdulillah dengan sistem dalam data yang telah kita wujudkan kita telah dapat memastikan bahawa jumlah-jumlah atau pun mereka yang pergi itu tidak ada pertindihan tidak ada orang yang dapat lebih dan sebagainya. Jadi SOP ini diwujudkan bagi memudahkan pemantauan terhadap rekod data dan maklumat oleh petugas sambil mengelak berlakunya kesesakan di pasar raya. Kita pun tahu kadang-kadang hujung minggu mereka merupakan program yang ada yang diwujudkan oleh pusat khidmat itu kadang-kadang satu pasar raya mengambil dua atau tiga pusat khidmat untuk program ini. Tapi alhamdulillah setelah dalam dua bulan setengah program Jom *Shopping* telah dilaksanakan saya rasa pusat-pusat khidmat juga telah pun biasa dengan prosedur ini dan telah pun lancar program ini Alhamdulillah kita tidak lagi menentukan hanya 200 orang peserta sahaja.

Untuk soalan seterusnya yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Teratai saya telah jawab iaitu berapa ramai penduduk yang telah pun terlibat. Tetapi soalan berkaitan benarkah EXCO menarik diri dalam program ini. Ingin saya tegaskan di Dewan ini bahawa permulaan TESCO mempunyai beberapa masalah yang mana beliau dalam pengurusan itu tetapi setelah perbincangan dibuat dengan Dato' Menteri Besar alhamdulillah TESCO telah pun meneruskan program ini dan insya-Allah hujung minggu ini mereka akan terlibat secara semula. Dan bagi soalan daripada Hulu Klang, Hulu Klang bertanya tentang apakah objektif sebenarnya Jom *Shopping* ini ramai yang mungkin ingin bertanya juga. Jadi ingin saya jelaskan sini bahawa Program Jom *Shopping* ini adalah program bila Dato' Menteri Besar mengumumkan hasil pasir yang telah kita dapati sebanyak saya rasa dalam kos pengurusan RM40,000 yang telah didapati oleh SEMESTA RM40 juta, minta maaf oleh SEMESTA itu sebahagiannya diperuntukkan untuk warga emas. Jadi objektifnya adalah kalau dulu skim mesra usia emas hanya manfaat kepada mereka yang meninggal untuk bantuan kos pengebumian dan sebagainya tetapi ini adalah salah satu program yang sebenarnya kita memberi manfaat kepada warga emas yang telah daftar yang mereka masih dapat menikmati pemberian yang diberikan oleh kerajaan negeri. Jadi objektifnya adalah untuk membantu rakyat juga meringankan beban kos sara hidup khususnya warga emas. Memberi peluang kepada peserta bertemu rakan lama. Jadi kalau kita lihat bagaimana suasana Jom *Shopping* itu kita tengok warga-warga emas itu begitu ceria, begitu gembira, begitu seronok bukan sahaja berjumpa dengan pemimpin tetapi mereka juga berjumpa kawan lama yang mungkin mereka tidak berpeluang keluar dari rumah ia

disebabkan kesibukan anak-anak atau pun cucu-cucu untuk membawa mereka keluar. Tetapi suasana itu saya rasa adalah suatu suasana yang begitu positif, begitu santai tetapi akhirnya manfaat itu bukan selain daripada belian barangan tetapi akhirnya juga meningkatkan positif kehidupan mereka insya-Allah. Jadi di antara yang lain adalah kita ingin membina hubungan supaya hubungan kemesraan itu wujud antara pemimpin dan juga rakyat. Dan yang lain itu saya ingat saya telah jawab, ya, itu sahaja. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, soalan tambahan. Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih Tuan Speaker. Alhamdulillah kita pujilah tentang Jom *Shopping* ini tetapi apakah pendekatan secara Jom *Shopping* sahaja akan buat berterusan sehingga habis jumlah 160,000 warga emas yang telah didaftarkan. Apakah tidak fikir cara yang lain yang lebih mesra kepada warga emas ini umpamanya mengadakan majlis keraian dengan menjemput dan menyampaikan hadiah dan berbagai-bagai majlis yang boleh menyukakan mereka dibawa ke satu destinasi yang menggembirakan mereka umpamanya di tempat-tempat pilihan dari satu masa ke semasa. Pokoknya diadakan pelbagai cara, kami dah sampai empat kali dah nak habislah, kadang-kadang dah jemu empat kali. Kalau boleh tukar yang lain. Yang kedua RM100 ini agak kecil kadang-kadang habis tambang begitu keluar pergi ke tempat *shopping*. Tidakkah dia fikirkan saya pun ada syor dulu kalau boleh guna RM1,000 daripada RM2,500 untuk kepentingan warga emas sebelum dia meninggal. Macam mana yang boleh memberi faedah bagi mereka tidak R100 sahaja. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT ALI : Terima kasih Bangi. Bangi bertanya tentang kenapa program ini satu sahaja. Saya rasa sebenarnya program Jom *Shopping* ini kita telah janjikan. Program Jom *Shopping* ini salah satu program manfaat yang kita akan berikan kepada warga emas selain daripada skim mesra usia emas atau pun skim takaful tersebut. Maksudnya ini adalah program pertama, program pertama yang kita mulakan dengan Jom *Shopping* dan kita saya tidak nafikan bahawa program ini kita tidak buat ianya sepanjang masa. Kita mulanya dengan Jom *Shopping*, tahun depan kita akan kemukakan satu lagi program yang lain, yang bentuk lain supaya kita harap dengan adanya beberapa program ini kita akan lebih fokus dan kita akan dapat mengenali warga-warga emas di kawasan kita. Kita yakin apa yang dijanjikan oleh kerajaan bahawa dalam RM1,000 itu kita mula dengan RM100 dulu Jom *Shopping* ini. Walau pun kita lihat jumlah RM100 itu macam kecil tetapi sebenarnya saya tidak nafikan pasal pasar raya-pasar raya juga telah memberikan *added value* atau pun dengan izin nilai tambah kepada RM100 itu bila mana mereka membekalkan sagu hati

atau pun tambahan barangan yang ada dalam lingkungan RM20, kadang-kadang RM30 dan juga memberikan diskaun kepada setiap pembelian melebihi RM50 pastinya diskaun beberapa barangan yang ada. Jadi saya yakin RM100 ini bukanlah jumlah yang sedikit kalau kita tengok dari sudut material semata-mata kita kena ingat bahawa objektif yang saya bacakan tadi yang konsep utamanya atau objektif utamanya adalah untuk mengeluarkan warga emas daripada kekosongan atau pun kesepian dan sebagainya tapi kita mahu mencorakkan warga emas ke konsep kegembiraan. Satu lagi saya lupa nyatakan tadi bila kita bawa mereka ke pasar raya adalah objektif yang kita ingin tekankan bahawa sebenarnya kita juga telah membuat sesuatu audit di mana pasar raya-pasar raya yang tidak menyediakan bebas halangan atau pun *accessibility free* kepada warga emas ini dan telah menyarankan kepada mereka untuk menambahkan beberapa perkara yang boleh membantu warga emas untuk boleh memberikan ruang yang selesa untuk mereka keluar membeli belah. Jadi itu jawapan saya Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Sg. Pelek. Soalan.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Tak, tak, soalan, soalan.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Ini, no. oh MB yang tak datang.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Tuan Speaker, sebelum saya tanya soalan. Boleh tak saya dapat sedikit penjelasan dari Tuan Speaker mengenai soalan-soalan yang perlu di jawab oleh MB tetapi Menteri Besar kita pagi ini pula tak ada. Apakah perkembangan yang seterusnya? Jika ada yang tak datang soalan itu akan dijawab dengan bertulis jadi

TUAN SPEAKER : Tak ini, Dato' Menteri Besar sudah memberitahu saya beliau terpaksa menghadiri Majlis tersebut maka saya akan tangguhkan soalan beliau. Apabila beliau hadir nanti maka soalan yang dikemukakan kepada YAB Dato' Menteri Besar akan diberi keutamaan.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya yang no. 16.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

Y.B. TUAN YAP EE WAH

(SG. PELEK)

TAJUK : **RUMAH KOS RENDAH**

16. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah rumah kos rendah telah dibina oleh Kerajaan Pakatan Rakyat

sehingga hari ini?

- b) Berapa orang telah ditawarkan rumah kos rendah oleh Kerajaan Pakatan Rakyat?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : *Bismillahi rahmani rahim.* Terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk menjawab soalan beberapa rumah kos rendah yang dibina ketika kerajaan Pakatan Rakyat. Untuk rumah kos rendah yang sedang binaan semuanya adalah sembilan (9) projek yang dalam pembinaan iaitu sembilan (9) projek merangkumi sebanyak 3,317 unit. Jumlah rumah kos rendah pula yang sedang dalam pemuliharaan iaitu projek bermasalah atau projek ter bengkalai. Kesemuanya adalah 16 projek iaitu merangkumi 10,338 unit iaitu 10,338. Sementara jumlah rumah kos rendah yang telah diluluskan untuk dibina iaitu ianya telah mendapat kebenaran merancang. Keseluruhannya adalah 16 projek yang merangkumi sebanyak 8,579 unit. Oleh itu ini bermakna bahawa jumlah rumah kos rendah yang dalam pembinaan atau yang sedang dalam perancangan yang telah mendapat kelulusan kebenaran merancang iaitu jumlahnya adalah 11,896 unit. Untuk menjawab soalan kedua iaitu sehingga 31 Oktober 2011 seramai 3,156 pemohon telah ditawarkan rumah kos rendah sepanjang pentadbiran Pakatan Rakyat di negeri Selangor. Ingin saya menambah di sini bahawa jumlah rumah kos rendah yang ada di dalam pasaran sekarang ini yang boleh ditawarkan adalah sebanyak 15,545 dan golongan atau pun jumlah mereka yang menunggu adalah 31,081 iaitu 31,081. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Seri Setia.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD : Tuan Speaker, soalan no. 18 .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIAPDA
Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD
(SERI SETIA)**

TAJUK: TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG

18. Kerajaan negeri telah menubuhkan Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang pada 2008 dahulu.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah perbelanjaan kerajaan negeri dan pihak swasta untuk tabung ini setiap tahun dan berapa orang menerimanya?

- b) Adakah wujud rancangan untuk memperkenalkan tabung yang sama untuk golongan miskin bandar yang kini menjadi majoriti golongan miskin di Selangor?

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih, Seri Setia. Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang telah ditubuhkan pada tahun 2008 bertujuan untuk membantu anak-anak kerja ladang yang tidak berjaya melanjutkan pelajaran Institusi Pengajian Tinggi dengan mengajar mereka kursus kemahiran teknikal yang dijalankan di Kolej INPENS Kuala Selangor. Kursus ini dijalankan selama enam bulan hingga satu tahun bergantung kepada taraf keputusan mereka perolehi enam bulan pertama. Sekiranya mereka ini menunjukkan prestasi yang memberangsangkan maka kerajaan negeri akan menaja pelajar-pelajar ini untuk enam (6) bulan berikutnya. Dengan bantuan ini kerajaan negeri akan menanggung sepenuhnya yuran pengajaran mereka termasuk duit poket yang diberi secara bulanan. Tabung ini diberi peruntukan sebanyak RM2 juta setahun bermula tahun 2009 hingga 2010. Walau bagaimana pun, kerajaan negeri hanya memperuntukkan sebanyak RM1 juta pada tahun 2011 atas fakta kewangan dan pihak swasta tidak pernah menyumbang sejumlah peruntukan semenjak tahun ini ditubuhkan. Berikut adalah pelajar-pelajar yang dibantu sejak tahun 2008 sehingga kini.

Tahun 2008	112 pelajar
Tahun 2009	54 pelajar
Tahun 2010	157 pelajar
Tahun 2011	97 pelajar

Kerajaan negeri masih belum mengemukakan sebarang cadangan bagi menubuhkan tabung yang sama untuk pelajar miskin di dalam bandar tetapi kerajaan negeri ada peruntukan sebanyak RM2 juta di bawah peruntukan kemahiran teknikal. Peruntukan ini khas kepada mereka yang kategori miskin sama ada di bandar atau pun Luar bandar yang ingin menjalani latihan teknikal di Kolej INPENS atau pun di kolej-kolej yang lain. Selain itu di bawah hadiah anak nak masuk universiti kerajaan memberi peruntukan sebanyak RM1,000 setiap pelajar yang ditawarkan melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi yang berasal dari keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM1,500 isi rumah pada masa sekarang. Pinjaman pelajar kerajaan negeri Selangor turut ditawarkan kepada pelajar-pelajar yang layak melanjutkan pelajaran ke institusi Pengajian Tinggi awam atau pun swasta. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sekinchan, Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, soalan no. 19

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK: PROJEK LEBUHRAYA PANTAI BARAT (LPB)

19. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan apakah peranan kerajaan negeri dalam perancangan pembinaan projek tersebut?
- b) Sila nyatakan berapakah keluasan tanah kawasan negeri Selangor yang akan diguna pakai dalam proses pembinaan lebuhraya tersebut dan kesannya terhadap perkembangan ekonomi negeri dalam jangka masa yang panjang?
- c) Sila senaraikan berapakah persimpangan TOL yang akan dibina di kawasan negeri Selangor dan berapakah jumlah anggaran kos yang diluluskan?

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Tuan Speaker, *Assalamualaikum Wabarakatuh* salam sejahtera. Projek Lebuhraya Pantai Barat adalah merupakan salah satu projek megah yang dijalankan merentasi antara negeri Selangor, negeri Perak dan kerajaan negeri Selangor seperti biasa mengalu-alukan semua projek-projek yang dapat memberikan keuntungan langsung kepada rakyat terutama keuntungan dari segi ekonomi, keuntungan dari sosial dan berbagai-bagai keuntungan yang disalurkan melalui projek-projek seperti Lebuhraya dan berbagai-bagai projek besar dijalankan. Nombor dua kerajaan negeri berperanan secara langsung di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal sebagai Ahli Tetap kepada Jawatankuasa Projek Lebuhraya Pantai Barat ini. Sehubungan dengan itu pihak kerajaan negeri sentiasa mengingatkan agar pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan pihak syarikat konsesi di dalam mesyuarat tersebut supaya dapat mematuhi kehendak jabatan agensi berkaitan. Selain daripada itu, Tuan Speaker pihak kerajaan negeri juga menyatakan agar sesuatu projek itu tidak mencero bohi kawasan rizab terutamanya kawasan rizab hutan dan sungai. Yang ini kita dapati di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri dan Mesyuarat-mesyuarat MTES. Ini tiap-tiap kali ditekankan untuk kita menjaga hutan kita dan menjaga kawasan-kawasan sungai supaya dalam ghairah untuk kita membangun, kita masih mempertahankan kawasan-kawasan hutan dan kawasan-kawasan sungai untuk menjaga ekosistem dan untuk menjaga rakyat pada keseluruhannya. Projek pembinaan Lebuhraya Pantai Barat ini melibatkan pengambilan tanah milik kerajaan dan milik persendirian iaitu sebanyak 77.081 ekar bagi tanah milik kerajaan dan 1,523.92 ekar tanah milik persendirian yang

akan diguna pakai untuk pembinaan lebuhraya ini. Bagi jalan-jalan di kawasan Selangor Tuan Speaker lebuhraya ini akan melibatkan pembinaan sebanyak sembilan buah tol. Daripada jumlah keseluruhan tol ganjaran lebuhraya itu sebanyak enam belas buah tol. Ini akan melibatkan kos sejumlah RM3.54 bilion bagi jajaran di negeri Selangor. Keseluruhan jajaran ini akan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM6.5 bilion. Perlu juga di sebutkan di sini tentang kesan positif yang ditanyakan sebagaimana bukan dari peringkat awalnya tadi sudah tentulah lebuhraya yang keseluruhan panjangnya 600 kilometer yang merentasi Selangor ini sepanjang 150 km bermula dari Sungai Manggis sampai ke hutan merentang sempadan antara Selangor dan Perak sesungguhnya telah membuka ruang-ruang baru. Sebagaimana yang diketahui jajaran daripada Tanjung Karang sampailah kepada Hutan Melintang *South* jajaran itu memerlukan penggunaan lebuhraya yang sedia ada kenaikan taraf dan sudah tentulah sebagaimana yang kita telah lihat jajaran sedemikian kawasan Sekinchan dalam mana Yang Berhormat kita berada di dalamnya pun sudah dapat menikmati kesan-kesan positif daripada itu. Dan jalan ini di sambung lagi sampai kepada Sungai Manggis yang saya sebutkan tadi, jalan baru yang akan dibina lebuhraya baru, binaan baru yang akan dibina sudah tentulah kesan-kesan ekonominya begitu positif selain daripada sosial, pendidikan, kesihatan dan sebagainya yang akan menonjol dari segi pembaikan kepada rakyat di negeri Selangor. Terima kasih, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Soalan tambahan, Tuan Speaker. Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Gombak Setia berkenaan jajaran Tanjung Karang hingga ke Hutan Melintang, sama ada melintasi Sekinchan itu ada dikenakan tol dan seterusnya jalan menggunakan jalan yang sedia ada ataupun jalan alternatif supaya kita lebih jelas dengan perkara ini.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih, Sekinchan, untuk menjawabnya sebagaimana yang diketahui, tentang status terkini mengenai pembinaan lebuhraya ini masih di dalam reka bentuk lagi, masih dalam memperkatakan reka bentuk, jadi di peringkat awal-awalnya dah dikatakan bahawa di negeri Selangor ini sebagaimana kita sebutkan daripada 16 tol yang akan dibangunkan, 9 buah tol akan berada di negeri Selangor. Sama ada 9 tol itu betul-betul berada terpacak di Sekinchan atau tidak, itu bergantunglah kepada reka bentuk. Kalau Sekinchan mahu tol itu, saya pun boleh rekomenlah, supaya tol itu boleh dibuat di Sekinchan. Tapi apa pun saya merasakan bagi Sekinchan, saya merasakan projek-projek ini sudah tentunya akan memberikan manfaat kepada penanam padi dan masyarakat desa di Sekinchan. Tentang yang di sebut sama ada ini binaan baru, saya pun dah sebut dalam jawapan tadi, ini adalah pembaikan semula dan menaikkan taraf jalan yang sedia ada,

sebagaimana jalan yang disebutkan tadi daripada Tanjung Karang sampailah ke Hutan Melintang, di dalamnya juga termasuk Sekinchan. Terima kasih, Speaker.

TUAN SPEAKER : Meru.

Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN : Speaker, soalan 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN (MERU)**

TAJUK : OPERASI LEMBAGA ZAKAT SELANGOR

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa peratuskah umat Islam yang membayar zakat di Selangor dan berapa jumlah bilangannya?
- b) Apakah langkah-langkah yang dijalankan untuk meningkatkan kesedaran umat Islam untuk membayar zakat?
- c) Berapakah kutipan yang diperolehi tahun 2010 dan berapakah jumlah yang dibelanjakan untuk semua asnaf?

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih, Meru, Tuan Speaker. Untuk menjawab soalan yang berkaitan dengan operasi Lembaga Zakat Negeri Selangor ini. Bilangan umat Islam yang membayar zakat di negeri Selangor bagi tahun 2010 iaitu tahun lalu ialah seramai 168,002 orang bagi zakat harta. Bersama dengan kiraan enam peratus daripada potensi-potensi pembayar zakat harta, enam peratus telah pun menjelaskan bayaran zakat mereka. Maknanya masih ada, '*very big huge*' 94 peratus yang belum dapat menunaikan zakat mereka. Maknanya ruang masih hijau lagi, untuk pembayar zakat di negeri Selangor ini terutama pembayar-pembayar zakat harta. Kemudian, manakala 2,426,183 orang membayar zakat fitrah, ini pun saya menjangkakan 100 peratus orang membayar zakat fitrah, tapi 95 peratus, maknanya masih ada 5 peratus orang tidak dapat membayar zakat fitrah. Ini pun saya akan meminta Lembaga Zakat buat kajian kenapa masih ada zakat fitrah ini yang diwajibkan kepada setiap kepala tidak dapat membayarnya. Kemudian langkah-langkah yang dijalankan untuk meningkatkan kesedaran umat Islam untuk membayar zakat :

1. Ada lima langkah yang dijalankan;
 - i) Menyebarluaskan kewajipan berzakat melalui penggunaan media massa, sama ada media cetak, elektronik serta media baru *blog, facebook* dan sebagainya.

- ii) Mempromosikan zakat melalui *bunting, banner, billboard, flyers* dan berbagai-bagai lagi yang telah pun diusahakan oleh LZS, Lembaga Zakat Selangor.
- iii) Mengiklankan kewajipan berzakat di media-media utama. Ini kalau saudara-saudara lihat di tempat-tempat yang strategik di Shah Alam dan di luar Shah Alam ini dan juga di kawasan yang berdekatan dengan lebuh raya, di kiri kanan, kita akan dapati di beberapa *billboard* telah pun diletakkan berkaitan dengan Lembaga Zakat Selangor untuk menggalakkan masyarakat Islam untuk membayar zakat.
- iv) Kemudian tu, mengadakan taklimat, kuliah, forum, ceramah, khutbah, bengkel zakat dari masa ke semasa.
- v) Yang kelima, Tuan Speaker, mengedarkan surat galakan membayar zakat kepada majikan-majikan.

Ini telah diusahakan dan kita lihat usaha yang dijalankan makin lama makin agresif, sebab itu pungutan zakat sudah mencecah hampir RM350 juta bagi pembayaran zakat di negeri Selangor ini.

Jumlah kutipan yang diperolehi tahun 2010 dan jumlah yang dibelanjakan untuk semua asnaf sebagaimana yang diminta oleh Meru adalah seperti berikut :-

Bil	Jenis zakat	Jumlah
1.	Zakat pendapatan	RM189,981,000.00
2.	Zakat perniagaan	RM 60,497,000.00
3.	Zakat harta	RM 30,183,000.00
4.	Zakat simpanan	RM 26,446,000.00
5.	Zakat kumpulan wang simpanan pekerja (KWSP)	RM 6,182,000.00
6.	Zakat saham	RM 3,218,000.00
7.	Zakat tanam-tanaman	RM 2,245,000.00
8.	Zakat emas	RM 804,000.00
9.	Zakat ternakan	RM 73,000.00
10.	Zakat perak	RM 4,000.00
11.	Zakat fitrah	RM 17,333,000.00

	JUMLAH	RM336,934,522.00
--	---------------	-------------------------

Sementara dari segi agihan kepada lima asnaf, pada asnaf-asnaf yang telah ditentukan;

Bil	Asnaf	Jumlah
1.	Asnaf fakir	RM 50,340,000.00
2.	Asnaf miskin	RM 76,862,000.00
3.	Asnaf amil	RM 42,116,000.00
4.	Asnaf mualaf	RM 19,956,000.00
5.	Asnaf Ar-riqab	RM 22,454,000.00
6.	Gharim	RM 29,105,000.00
7.	Fi-sabilillah	RM198,303,000.00
8.	Ibnu-sabil	RM 1,223,000.00
	JUMLAH	RM330,364,503.00

Jadi jelaslah dengan Lembaga Zakat Selangor yang sedang diurus begitu profesional oleh insan-insan profesional yang telah dilantik untuk mengurus Lembaga Zakat di Malaysia ini, insya-Allah sekarang dan masa akan datang. Lembaga Zakat merupakan Lembaga Zakat contoh bagi Malaysia, dan kita mengharapkan percontohan itu dapat di teruskan untuk tahun-tahun yang akan datang. Tuan Speaker, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Meru.

Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN : Terima kasih. Yang Berhormat EXCO telah menjelaskan tentang Lembaga Zakat. Cuma saya nak tanya, baru-baru ni umat Islam telah dikejutkan dengan satu tindakan oleh Menteri Jabatan Perdana Menteri, yang menggunakan wang zakat untuk membayar sebuah syarikat untuk membekalkan 250 buah buku bertajuk “Bukti PAS Bukan Parti Islam”, yang diedarkan dalam satu program anjuran JAKIM. Soalan saya, adakah Dato’, setakat ini terdapat, tahu, bahawa terdapat usaha dari mana-mana pihak yang cuba menggunakan duit zakat ini ke arah itu. Wallahualam...

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Yang saya pasti itu tak berkaitan dengan Lembaga Zakat Negeri Selangor. Saya tak tau, dari sumber mana Lembaga Zakat yang mana. Apa pun, biasanya kalau misalnya perbelanjaan itu termasuk dalam asnaf yang telah ditentukan, maka itu diharuskan untuk dilakukan. Tetapi yang disebutkan oleh Yang Berhormat, saya tak tau, nak dimasukkan dalam kategori asnaf yang mana untuk menerbitkan buku yang sedemikian. Jadi, saya nak bagi tau lagi bahawa ini tidak ada kaitannya dengan Lembaga Zakat Selangor. Lembaga Zakat Selangor *has been professional*, dengan izin, dan harap profesionalisme ini dapat dipertahankan unsur-unsur sedemikian ini tidak menyelinap masuk dalam Lembaga Zakat Negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih Tuan Speaker. Kita mengucap tahniahlah kepada pihak Lembaga Zakat kerana telah memungut zakat berjumlah lebih daripada RM336 million. Tidak ada ke satu cara, umpamanya setakat ini mengeluarkan zakat untuk asnaf-asnaf di negeri Selangor sahaja. Kita dengar Kerajaan negeri Selangor nak membantu dengan apa pendapatannya yang lebih kepada negeri-negeri yang kurang maju, terutama kepada negeri Pakatan. Tidak ada ke kemungkinan zakat kita yang banyak ini kita bantu untuk setengah-setengah negeri, kalau tak semua negeri, negeri dalam Pakatan yang boleh kita salurkan sebahagian daripada hasil zakat untuk keuntungan umat bagi negeri-negeri lain daripada Selangor. Ataupun barangkali ke luar negeri di mana kita fikirkan tempat yang perlu dibantu seperti gempa, banjir dan berbagai-bagai-bagai masalah yang dihadapi oleh masyarakat setempat, supaya ada semangat ummah, bukan setakat semangat Selangor sahaja. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih, Bangi. Saya rasa Lembaga Zakat nampaknya lebih '*magnanimous*' daripada cadangan Bangi itu. Dalam pengertiannya bukan saja negeri-negeri Pakatan saja, kalau kita lihat yang kita bantu, Lembaga Zakat sedang dalam perancangan dan sedang dalam tindakan membantu termasuklah negeri-negeri, memanglah negeri-negeri dalam Pakatan Rakyat, termasuklah yang di luar daripada Pakatan Rakyat. Sebab zakat ini, Tuan Speaker, bukan hanya terkhusus kepada mana-mana, kalau kita sebut orang miskin sebenarnya di mana-mana. Termasuklah di Ethiopia pun orang miskin, termasuk di Sudan pun orang miskin dan sebagainya. Dan kita mengharapkan satu hari nanti Insha-Allah misi-misi yang pergi ke seluruh negara, macam Cambodia, Kemboja dan sebagainya kita dapati ada sumbangan. Dan saya ingin memberitahu, Lembaga Zakat pun memberi terus kepada teman-teman yang daif di Cambodia, di Kemboja dan sebagainya. Dan kita telah menghantar wakil kita ke Cambodia, ke Kemboja, untuk membantu mereka.

Bukan saja dalam bidang pendidikan, bukan saja dalam bidang kesihatan tetapi dalam bidang-bidang yang lain. Lembaga Zakat Negeri Selangor terus berurus dengan mereka untuk memanjangkan bantuan sebagaimana yang dicadangkan oleh teman daripada Bangi. Tapi apa pun untuk yang negeri-negeri memang dah ada peruntukan misalnya negeri Perlis, misalnya negeri Perak, Utara Perak, misal negeri Kedah, misalnya.. beberapa negeri lagi, termasuk Kelantan, yang sudah digariskan untuk menerima bantuan. Oleh kerana, alhamdulillah, bagi keseluruhan Pusat-pusat Zakat di Malaysia ini, kita dapati bukan kita mempunyai perolehan yang lebih. Tetapi sebagaimana Bangi mencadangkan ukhuwah itu, supaya ukhuwah itu di kembang luaskan. Supaya banyak lagi, ramai lagi berlindung di bawah payung ukhuwah yang dikembangkan oleh Lembaga Zakat negeri Selangor. Dan juga oleh institusi-institusi yang lain, tidak hanya terkhusus kepada Lembaga Zakat, bahkan kepada lembaga-lembaga yang lain, yang memikirkan perlu disambungkan jalinan ukhuwah itu, bukan sahaja *cross state* bukan sahaja *cross border* persekutuan, bukan saja *cross border regent*, tapi *cross border* ummah seluruhnya. Itulah misi yang ada kepada Lembaga Zakat Selangor. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Semenyih.

Y.B. DATUK HJ. JOHAN BIN ABDUL AZIZ : Soalan 23.

Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING : Tuan Speaker, Dengkil, sebelum 23, 22 ada soalan. Mungkin Tuan Speaker tertinggal.

TUAN SPEAKER : Ya, soalan itu akan dijawab oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Silakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : PUSAT SNUKER DAN HIBURAN DI DUN SEMENYIH

23. Pusat snuker dan hiburan (karaoke) telah dibuka seperti cendawan tumbuh di kawasan Semenyih.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah lesen yang telah diluluskan dan dikeluarkan untuk membuka pusat snuker dan hiburan tersebut.
- b) Adakah Pihak Berkuasa Tempatan membuat pemeriksaan dan pemantauan berjadual di atas pusat-pusat snuker dan pusat hiburan

tersebut kerana didapati pusat-pusat snuker dan hiburan tersebut juga dijadikan pusat judi.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih, Tuan Speaker. Semenyih ingin nak tau mengenai Pusat Snuker dan hiburan di DUN Semenyih. Beliau berkata pusat snuker dan hiburan karaoke dibuka seperti cendawan tumbuh di kawasan Semenyih. Sebenar tidak. Tuan Speaker, Semenyih nak tau berapa jumlah lesen yang telah diluluskan dan telah dikeluarkan untuk membuka pusat snuker dan hiburan tersebut di Semenyih. Jumlah pusat hiburan di kawasan Semenyih adalah sebanyak 4 buah pusat hiburan. Namun begitu, tiada pusat hiburan snuker berlesen di kawasan berkenaan. Barangkali ini tidak membawa hasil yang lumayanlah. Pusat hiburan di kawasan Semenyih adalah seperti berikut:-

Bil	Nama Syarikat	Aktiviti Lesen
1.	S & K Novelty Sdn Bhd	Pusat Hiburan Keluarga
2.	My Music Karaoke Box & Cafe	Karaoke Keluarga
3.	Star Lucky & Lounge	Pub & Lounge
4.	Happy Karaoke	Karaoke & Pub

Semenyih juga nak tau, adakah Pihak Berkuasa Tempatan membuat pemeriksaan dan pemantauan berjadual. Tuan Speaker, Jabatan Penguatkuasaan Majlis Perbandaran Kajang telah membuat pemeriksaan serta tindakan undang-undang di bawah Peruntukan yang di guna pakai. Kadang-kadang dibuat bersama dengan polis. Untuk rekod di kawasan Semenyih dari Januari hingga Oktober 2011, sebanyak 5 pusat snuker telah dibanci, dan 3 daripadanya tiada lesen perniagaan. Tindakan kompaun dan sitaan, *sorry*, telah dibuat terhadap premis tersebut. Sebanyak 5 pusat karaoke juga dibanci di sekitar kawasan Semenyih dan mendapati kesemua premis tersebut tidak mempunyai lesen. Tindakan kompaun dikenakan premis-premis tersebut. Sebenarnya sejak 1996, sebelum Pakatan mengambil alih, negeri Selangor telah membekukan semua permohonan lesen untuk hiburan tetapi hanya dibenarkan pusat membeli belah dan sebagainya. Dan apabila Pakatan mengambil alih, kita teruskan dengan polisi itu. Jadi apa yang dikatakan tumbuh di sini sana itu adalah *illegal*. Jadi apa yang PBT boleh buat adalah membuat tindakan dan sebagainya. Tapi kuasa kita adalah terhad. Kita tidak boleh menangkap, membuat siasatan dan sebagainya. Ini adalah kuasa polis. Tetapi sebab itu tindakan kita menjemput polis bersama. Mereka ada kuasa untuk menahan, membuat siasatan sehingga membawa mereka ke mahkamah. Setakat PBT, kita hanya boleh kompaun, sita, tetapi kerana tindakan sedemikian itu tidak menakutkan pengusaha-pengusaha haram itu. Sebab itu, saya

minta semua agensi kerajaan termasuk polis, imigresen dapat memberi kerjasama kepada PBT. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ : Tuan Speaker, soalan tambahan. Tadi, Pandamaran memberitahu ada empat sahaja lesen, bagi saya mungkin ketidakcekapan laporan ini. Kalau Pandamaran bercakap saya berbohong boleh Pandamaran turun padang, saya sedia menunggu bila-bila masa. Di Kampung Melayu, di Kampung Sentosa, Semenyih depan kampung sampai pukul tiga pagi karaoke. Gerai itu di bawah kawal selia MPKJ, dan saya sendiri yang membuat laporan. Orang kampung sudah bising, tiada tindakan dilakukan. Jadi penguatkuasaan, baru-baru ini kita ada buat satu dialog dengan Polis. Polis bagi tahu lesen di bawah MPKJ dan Polis tidak boleh menyerbu kecuali jika diajak bersama. Saya ingin mencadangkan supaya penguatkuasaan ini dilakukanlah segera kerana isu ini benar-benar cukup banyak, cukup merisaukan masyarakat dan ibu bapa, terlalu banyak gejala-gejala sosial seperti ragut, bila anak muda ini berjudi. Kalau tidak tahu tempat saya boleh bawa Pandamaran, saya boleh tunjukkan satu persatu. Terima kasih.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih Tuan Speaker. Kalau saya tidak silap contoh yang diberikan oleh Semenyih itu adalah salah satu jenis premis hiburan yang dikatakan haram maksudnya mereka tidak membuat permohonan untuk mengadakan lesen. Sentiasanya pengusaha yang haram ini memang bukan dalam rancangan mereka untuk meminta lesen, supaya tidak ada siapa yang tahu taukenya, wang daripada mana dan sebagainya. Itulah cara mereka menjalankan aktiviti yang haram tetapi kerana apa yang disebut tadi oleh Semenyih tadi adalah spesifik saya sendiri akan memberitahu YDP dan mengambil tindakan dengan segera. Kalau tindakan tidak dibuat segera terhadap premis yang tidak pasti ataupun yang haram itu. Maka ini adalah satu kesilapan YDP Kajang lah, saya sendiri akan menyiasat mengenai apa yang disebut tadi oleh Semenyih. Terima kasih.

Y.B. TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ : Saya memberi sedikit tambahan, Pandamaran, betul kalau ia tidak berlesen dan mereka hendak menipu tiada siapa yang boleh kontrol tetapi saya hendak maklumkan gerai itu di bawah dikawal selia oleh Majlis Perbandaran Kajang, itu yang saya beri tahu Kampung Sentosa, dan banyak di pekan-pekan Semenyih, Semenyih Sentral banyak terdapat pusat snuker. Jadi, saya harap sangat penguatkuasaan segera dapat dilakukan oleh Pandamaran dan pihak-pihak yang berwajib terhadap mungkin bukan Semenyih sahaja, seluruh Selangor ini kita dapat lihat banyak seperti cendawan tumbuh, pusat-pusat judi yang tumbuh di merata-rata tempat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Itu bukan soalan ya. Ya, sila Batu Caves.

Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING : Tuan Speaker, saya Y.B. Dengkil, saya ingin hendak betulkan mengikut penyata di sini soalan saya perlu dijawab oleh Yang Berhormat Puan Rodziah.

TUAN SPEAKER : Itu hanya catatan, portfolio ini dijaga oleh YAB Menteri Besar dan telah dimaklumkan soalan ini akan dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING : Saya berpandukan penyata yang diberikan.

TUAN SPEAKER : Sebab itu saya telah betulkan. Ini akan dijawab oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Kalau mengikut Peraturan pun semua soalan ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar cuma Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mewakili kepada EXCO untuk menjawab soalan-soalan yang mengikut portfolio. Batu Caves silakan.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Tuan Speaker, soalan no. 25.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : PROGRAM TUISYEN RAKYAT

25. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa ramaikan peserta Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) yang mengikuti program ini pada 2009,2010 dan 2011?
- b) Berapa ramaikah peserta PTRS yang telah mencapai keputusan cemerlang dan dapat melanjutkan pengajian di peringkat pengajian tinggi?
- c) Berapakah dana yang digunakan untuk melaksanakan program ini setahun / satu sesi?

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih kepada Batu Caves. Batu Caves bertanya berapa ramaikah peserta Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) yang mengikuti program ini pada 2009 hingga 2011. Untuk makluman Yang Berhormat Batu Caves dan semua Ahli-ahli Berhormat sekalian pada 2009 seramai 4333 orang peserta Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS), 2010: 4258 orang, pada 2011: 4526 orang, bermakna jumlah keseluruhan seramai 13 670 orang.

Kedua, berapa ramai yang telah mencapai keputusan cemerlang ini yang ditanya oleh Batu Caves. Untuk makluman kita tidak mempunyai statistik yang tetap masalah kita

untuk tepat keputusan SPM daripada Jabatan Pelajaran dan sebagainya dan juga daripada pelajar itu sendiri apabila mendapatkan keputusan, sukar untuk kita kumpulkan semua tetapi ada di antara koordinator Pembangunan Modul Insan masing-masing di peringkat sendiri telah berjaya melihatkan secara keseluruhannya keputusan SPM mereka ini memang 70% telah meningkat akademik mereka. Jadi keberkesanan program itu diukur berdasarkan perbandingan keputusan peperiksaan berbanding seperti berikut: keputusan PMR, keputusan peperiksaan akhir tahun tingkatan empat ujian prestasi PTRS itu sendiri dan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia. Dan, kita telah menganugerahkan seramai 20 orang sebagai penerima Anugerah Pelajar Cemerlang PTRS berdasarkan peningkatan daripada prestasi berdasarkan empat kriteria seperti yang saya sebutkan tadi. Maknanya, sebelum PTRS bagaimana prestasi pembelajaran mereka dan selepas PTRS.

Berapakah dana yang digunakan untuk melaksanakan program ini setahun atau satu sesi? Bagi 2009 kita telah menggunakan RM2,876,090. Bagi tahun 2010 kita telah melaburkan sebanyak RM2,876,090 dan untuk 2011 sehingga Ogos 2011 sebanyak RM3,441,800. Maknanya jumlah keseluruhan sembilan juta ratus tujuh puluh enam ribu enam puluh ringgit, Sekian.

TUAN SPEAKER : Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Soalan tambahan, Yang Berhormat EXCO jika diunjurkan dari kadar ataupun jumlah dari peserta-peserta kita PTRS menunjukkan kita gagal lagi mencapai penyertaan seratus peratus walau pun kita berikan perkhidmatan dan juga Program Tuisyen Rakyat ini secara percuma. Jadi apakah perancangan-perancangan khusus bagi pihak EXCO dan jawatankuasa tetap untuk memastikan penyertaan yang ramai untuk mencapai yang paling kurang atau semaksimum lima ribu enam ratus sesuai dengan 56 ADUN kali seratus orang, jangkaannya seramai lima ribu enam ratus ia diberikan secara percuma. Keduanya kepada EXCO. Saya melihat jawapan Yang Berhormat EXCO agak ironi disebutkan bahawa tiada pemantauan terhadap pencapaian tetapi untuk melihat kadar program ini salah satunya adalah dengan melihat kepada keputusan Sijil Pelajaran Malaysia. Saya cukup sedar dengan kekangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat EXCO namun adakah perancangan-perancangan tertentu seperti jawatankuasa tetap untuk memastikan kita dapat menyusul dan membuat program-program *follow up* (dengan izin) untuk memastikan kita mempunyai data sesiapa yang menyertai program ini dan apakah pencapaian akhir mereka lebih kurang dalam Sijil Pelajaran Malaysia. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih Batu Caves. Pertamanya, bagaimana kita hendak memastikan seratus peratus (100%) penyertaan kuota yang telah diberikan sebanyak seratus orang pelajar di setiap DUN. Pertamanya, kekangan kita, kita melihatkan seperti yang disebutkan semalam di mana penyertaan PTRS ini,

kerana kita mengambil kira pendapatan keluarga seperti RM1500.00 ke bawah, Jadi ia lebih mendapatkan sambutan yang hangat di luar bandar dan miskin bandar. Di kawasan bandar seperti Petaling Jaya tidak ramai mungkin mereka dalam golongan RM1500.00 ke bawah. Jadi mereka tidak layak dalam PTRS ini. Namun begitu kita telah mengagihkan yang lebih dikatakan di Sungai Panjang. Di Sungai Panjang walaupun kuotanya hanya seratus (100) tapi mereka mempunyai peserta 190 orang. Jadi ini dia punya perbezaan mengikut *locality* itu sendiri. Apa pun kita mengharapkan ini penambahbaikan yang kita mahu Pusat Khidmat Masyarakat di DUN masing-masing mengambil peranan lebih aktif dan proaktif mengenal pasti sendiri siapakah yang layak dan juga memberikan motivasi sendiri kepada mereka yang mempunyai RM1500.00 ke bawah ini anak-anak yang akan mengambil SPM pada tahun 2012. Dan, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga ingin mengingatkan semua calon-calon ini atau peserta-peserta PTRS adalah anak angkat Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi kita mengharapkan kalau Ahli Yang Berhormat mempunyai 3 - 4 anak sebelum ini, ini adalah masanya anak-anak Ahli Yang Berhormat menjadi 100. Jadi kita mengharapkan Ahli Dewan Rakyat itu sendiri, Ahli Dewan itu menjadikan orang yang proaktif untuk mencari 100 ini kerana Ahli Yang Berhormat lebih tahu keadaan di kawasan masing-masing.

Yang Kedua, saya mengakui data daripada SPM itu kita agak kurang dapat dengan lebih tepat dan lebih menyeluruh kerana mereka yang apa ini tidak dipantau oleh Pusat Khidmat itu sendiri. Maknanya, habis SPM mereka ke mana-mana dan tidak dikesan oleh KPMI kita. Jadi berharap Pusat Khidmat Masyarakat khususnya bagi wakil-wakil rakyat penyelaras DUN yang melantik dan memilih koordinator Pembangunan Modul Insan pastikan KPMI tuan-tuan yang dilantik oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah orang yang mampu dan cekap memainkan peranan ini. Itu sebabnya kita memberikan jawatankuasa tetap memberikan mandat sepenuhnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk melantik orang yang paling sesuai dan paling cekap untuk menjalankan program ini supaya memberikan impak yang maksimum, insya-Allah. Itu pun sekarang ini pelajar-pelajar ini akan menduduki SPM dalam beberapa hari lagi ada masa untuk tahun ini saya mengharapkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung terus dengan KPMI yang sedia ada di dalam DUN masing-masing untuk memastikan mereka mengambil data-data ini dan berhubung terus kepada pelajar-pelajar kita ini iaitu PTRS supaya tidak hilang, tidak habis hubungan itu sehingga Mac 2012 nanti. Yang Keduanya juga, insya-Allah kita akan buat modul yang lain sedikit untuk 2012 supaya ia lebih berkesan dan lebih lancar, insya-Allah.

TUAN SPEAKER : Sijangkang

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan 27.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

**TAJUK : PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT:
‘RANGSANGAN KERJAYA SISWAZAH SELANGOR’**

27. Program Tanggungjawab Sosial Korporat “Rangsangan Kerjaya Siswazah Selangor” Oleh Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (“Perangsang Selangor”)

Bertanya kepada YAB Dato’ Menteri Besar:

- a) Apakah status terkini program di atas ?
- b) Apakah susulan yang dirancang oleh kerajaan negeri terhadap siswazah yang telah mengikuti program tersebut?
- c) Adakah kerajaan negeri menyediakan dana kepada mereka yang berhajat untuk memulakan kerjaya?

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih Sijangkang. Sijangkang mahu tahu Program Tanggungjawab Sosial Korporat “Rangsangan Kerjaya Siswazah Selangor” Oleh Kumpulan Perangsang Selangor menjadikan siswazah menjadi modul insan produktif dan mampu menjadi orang yang dapat pekerjaan ataupun mencetus pekerjaan itu sendiri. Justeru program Rangsangan Kerjaya Siswazah Selangor (RKSS) adalah program yang dianjurkan oleh anak syarikat Kerajaan negeri Selangor iaitu Kumpulan Perangsang Selangor Berhad di bawah agenda tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka, dengan kerjasama Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modul Insan Negeri Selangor.

Program ini dilancarkan secara rasmi oleh YAB Dato’ Menteri Besar Selangor pada 30 September 2011 di Auditorium Dewan Jubli Perak berserta dengan Majlis Penerangan dan Taklimat untuk semua yang hadir termasuk Ahli Yang Berhormat yang dijemput.

Objektif utama program RKSS ini adalah untuk membantu para siswazah Selangor yang masih belum mendapat pekerjaan ataupun yang selalu disebut sebagai siswazah Menganggur selama ini tetapi kita memperpositifkan gelaran itu kepada siswazah yang masih belum mendapat pekerjaan atau sedang mencari pekerjaan. Untuk mempertingkatkan pengetahuan dan keupayaan diri mereka melalui penyediaan latihan sama ada dalam untuk kemahiran umum (*softskill*) (dengan izin) atau kemahiran-kemahiran khusus seperti kemahiran teknikal dan sebagainya.

Buat masa ini, Program RKSS menyediakan 14 kursus kemahiran yang pelbagai seperti berikut: -

- 1) Sijil Program Pembangunan Kerjaya yang dikendalikan Oleh *Malaysian Institute Of Management*;
- 2) Sijil Pembangunan Usahawan Muda yang dikendalikan oleh *Corporate Education And Development Centre*;
- 3) Sijil Perbankan dan Kewangan Islam yang dikendalikan oleh Pusat Pengajian At-Tibyan;
- 4) Sebelas (11) kursus teknikal yang dikendalikan oleh *Significant Technologies Sdn. Bhd.* Seperti Berikut:
 - a. Sijil Pentadbiran IT
 - b. Sijil Penyelenggaraan LAN
 - c. Sijil Membaiki Komputer
 - d. Sijil Analisa Data Dan Kualiti
 - e. Sijil Pentadbiran Pencemaran Dan Bahan Buang
 - f. Sijil Fiber ke Rumah untuk Juruteknik
 - g. Sijil Aplikasi dan Pembangunan LED. (Kedua-dua ini adalah yang paling *hotmarket* sekarang. *Demandnya* begitu memberangsangkan).
 - h. Sijil Penilaian Bunyi Industri & Alam Sekitar (yang ini juga sangat-sangat penting dan *high demand* di Selangor kerana 80% perindustrian)
 - i. Sijil Pembantu Perubatan (Ini adalah untuk klinik-klinik swasta)
 - j. Sijil Kreativiti dan Inovasi
 - k. Sijil Pengurusan dan Operasi Halal

Sehingga 25 September 2011, seramai 341 orang telah memohon untuk mengikuti kursus-kursus latihan di atas. Dan sehingga ini, dua sesi kursus telah dijalankan untuk Tahap 1 bagi sijil Pembangunan Usahawan Muda pada 4 Oktober 2011 di Tanjung Karang pada 18 Oktober 2011 di Bangunan PPAS Shah Alam, Shah Alam. Kursus-kursus Lain dijadualkan untuk bermula pada tarikh-tarikh berikut: -

1. Sijil Perbankan dan Kewangan Islam pada 29 Oktober 2011 di Bangunan PPAS, Shah Alam.
2. Sijil Pengurusan dan Operasi Halal pada 31 Oktober 2011 di Bangi, Selangor
3. Sijil *Fibre* ke Rumah untuk Juruteknik pada 14 November 2011 di Bangi, Selangor
4. Sijil Program Pembangunan Kerjaya pada 14 November 2011 di Ampang, Selangor.

Pihak sekretariat masih menerima permohonan dari para siswazah Selangor dan mensasarkan untuk mencapai sekurang-kurangnya seramai 1000 peserta untuk tahun 2011. Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat sila ambil perhatian, boleh bantu tengok-tengok siswazah yang mencari pekerjaan di DUN masing-masing. Promosi Program RKSS masih lagi diteruskan dan pihak sekretariat mengalu-alukan agar semua pihak dapat menghebahkan kewujudan Program RKSS ini.

Bagi peserta-peserta yang mengikuti kursus-kursus teknikal di bawah kendalian Significant Technologies Sdn. Bhd., mereka akan ditempatkan di syarikat-syarikat berkaitan untuk mengikuti latihan–dalam-kerja atau *on-job-training* selama 3 bulan. Pada kebiasaannya, syarikat-syarikat ini akan mengambil mereka bekerja selepas daripada tempoh tersebut.

Bagi Sijil Program Pembangunan Kerja Kendalian MIM, mereka akan dirujuk kepada syarikat-syarikat yang menjadi ahli kepada MIM dan syarikat-syarikat GLC kerajaan negeri Selangor

Bagi peserta Sijil Perbankan dan Kewangan Islam pula, usaha sedang dilakukan untuk menempatkan mereka di institusi-institusi kewangan yang memerlukan. Untuk peserta yang memilih Sijil Keusahawanan Muda, program susulan akan dijalankan untuk membimbing mereka menjadi usahawan berjaya.

Bagi soalan c, Adakah kerajaan negeri menyediakan dana kepada mereka yang berhajat untuk memulakan kerjaya? Seperti yang telah bantangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor dalam yang disebut RM300 juta Selangorku semalam maka kita lihat nombor 5 dalam senarai geran yang akan diberikan pada tahun 2012. Program Usahawan Muda sebanyak RM30 juta dan ini juga melibatkan kursus membantu belia berdikari dan sebagainya dan program itu sendiri bernilai 30 Juta di antara yang diperuntukkan khas untuk para belia termasuk siswazah yang mencari kerja. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Masa pertanyaan telah tamat. Saya menangguhkan sesi pertanyaan pada pagi ini dan diteruskan dengan Aturan Urusan Mesyuarat.

III. RANG UNDANG-UNDANG

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-undang Pembekalan (2012/2011).

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan. Seri Setia.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Speaker kerana mengizinkan saya dan memberikan peluang mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan 2012 yang baru sahaja dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor semalam. Tuan Speaker, jika di peringkat Parlimen, Malaysia Pakatan Rakyat yang diketuai oleh Penasihat Ekonomi Negeri Selangor iaitu Ahli Parlimen Permatang Pauh menyifatkan belanjawan Negara 2012 adalah belanjawan pilihan raya, belanjawan negara pada 2012 negeri Selangor yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar / DUN Ijok, Bandar Tun Razak belanjawan pilihan raya negeri Selangor. Belanjawan 2012 tidak banyak terdapat perkara-perkara baru. Penuh dengan retorik bajet 2009 dan 2010, penuh dengan janji-janji, cadangan-cadangan dan unjuran-unjuran yang gagal dilaksanakan. Dalam perbahasan Bajet 2012 di dewan yang mulia ini Ahli-ahli Dewan Negeri dari Barisan Nasional akan membuat secara terperinci bajet 2012 dan pelaksanaan bajet 2009, 2010 dan 2011. Kami juga akan mengkaji pelaksanaan mani faktor pilihan raya Pakatan Rakyat terutama janji-janji kerajaan negeri Selangor khusus Yang Amat Berhormat Menteri Besar sepanjang pemerintahan tiga tahun tujuh bulan. Selepas tiga tahun tujuh bulan di bawah Pakatan Rakyat, rakyat Selangor berhak untuk menilai prestasi kerajaan negeri Selangor semasa membuat pilihan raya umum yang lalu. Sebenarnya memanglah mudah hendak membuat pelbagai-pelbagai janji tetapi apabila telah mendapat kuasa dan berhadapan dengan masalah ke akar ubi dan realiti politik semua polisemi kita dapat dicapai. Di Selangor Pakatan Rakyat bertuah kerana mewarisi daripada Barisan Nasional sebuah negeri yang mantap dan stabil. Kedudukan sosial dan ekonomi kerajaan Pakatan Rakyat melaksanakan program ekonomi dan kebajikan walaupun kerajaan Pakatan Rakyat ini sentiasa mencari kesalahan kerajaan Barisan Nasional. Rakyat negeri Selangor dapat menilai sejauh manakah dalam tempoh tiga tahun tujuh bulan pemerintahannya. Pakatan Rakyat telah dapat memenuhi janji-janji kepada rakyat. Tuan Speaker, saya sendiri akan menyentuh tiga perkara penting dan lainnya akan dibangkitkan oleh rakan saya yang lain. Pertama, ulasan bajet 2012 secara umum. Kedua, pelaksanaan bajet 2009,2010 dan 2011 sebagai asas penilaian prestasi kerajaan Pakatan Rakyat Selangor selama tiga tahun tujuh bulan diberi mandat memerintah negeri Selangor dengan fokus dengan manifesto pilihan raya yang kedua belas khusus mengenai urus tadbir baik dan berwibawa, rangsangan ekonomi Selangor, Program Merakyatkan Ekonomi Selangor. Ketiga, ke seluruh politik

Selangor dan kemantapan pentadbiran kerajaan negeri Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar / DUN Ijok. Tentang bajet 2012 telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar semalam ialah 'Bajet berimbang'. Bajet 2012 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar memperuntukkan anggaran hasil negeri sebanyak RM 1.6 Bilion dan perbelanjaan RM1.6 bilion ini bermakna Selangor terus mengamalkan bajet berimbang. Kedua, penetapan bajet berimbang tidaklah perlu di gembarkan sangat kerana kerajaan Barisan Nasional dahulu mengamalkan penetapan yang sama tapi yang paling penting rakyat hendak tahu ialah sama ada bajet berimbang ini dapat dipertahankan dalam tempoh tahun 2012. Sama ada bajet 2012 disiapkan teliti dan profesional tanpa penambahan peruntukan yang terlalu besar di pada masa yang akan datang sama ada pelaksanaan bajet ini dilaksanakan mengikut jadual dan perancangan dan yang penting adakah bajet ini dilaksanakan dengan telus, cekap dan bertanggungjawab. Pengalaman kita dalam pelaksanaan bajet dalam Bajet 2009, 2010 dan 2011 oleh kerajaan Pakatan Rakyat ini semua bajet berimbang yang telah dirancang tidak dapat bertahan sepenuhnya dan tidak lagi menjadi bajet berimbang. Contoh bajet 2009, memulakan tambahan RM20 juta iaitu kenaikan 8.6% daripada RM1.4 bilion kepada RM1.5 bilion. Bajet 2010, tambahan RM1.4Juta kenaikan 8.4% daripada RM1.3 bilion kepada RM 1.49 juta. Bajet 2011 tiga kali tambahan berjumlah RM199, 981, 711.2 lebih kurang 98% daripada RM1.43 bilion kepada RM1.629 bilion. Ini amalan biasa dalam zaman kerajaan Barisan Nasional. Kita hanya membuat tambahan peruntukan asalkan munasabah dan jumlah yang berpatutan dengan syarat pendapatan hasil negeri dapat menampung kenaikan belanjawan. Jadi, Ahli Parlimen Shah Alam tidak perlu mewartarkan seperti kenyataan akhbar baru-baru ini bahawa kerajaan Pakatan Pembangkang / Pakatan Rakyat sangat cekap mengamalkan bajet berimbang dan mendapat lebih asas penting kenaikan gaji ADN-ADN negeri Selangor. Berdasarkan kepada pengalaman kita yang lalu kita tidak yakin bajet berimbang 2012 dapat dipertahankan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Sri Serdang, minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Nanti dulu Kampung Tunku. Speaker belum cakap, dah cakap ni. Yang Berhormat, Kampung Tunku minta penjelasan, bagaimana?

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Sabar dulu.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Berapa lama?

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Sabar dulu. Bagi saya penjelasan dulu lepas itu hendak tanya-tanya. Tuan Speaker, berdasarkan pengalaman kita pada masa-masa yang lalu kita tidak yakin bajet berimbang 2012 dapat dipertahankan. Dalam Mesyuarat Dewan Negeri ini pun kerajaan mohon lulus tambahan ketiga RM36,

534, 735.00 yang menjadikan jumlah peruntukan bajet 2011 RM199.8 tetapi Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar selalu menggembar-gemburkan kecekapan pentadbirannya bajet berimbang 2012 hendaklah dipertahankan. Dikotakan janji jangan ditambahkan terlalu besar melebihi 10% apatah lagi sebab-sebab yang tidak muhasabah. Jika berlaku membuktikan Yang Amat Berhormat Menteri Besar gagal menguruskan bajet dengan cekap, membuat perancangan dengan tidak teliti, kurang profesional. Sama-samalah kita pantau bersama. Tuan Speaker,

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Ya, Sila.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Yang Berhormat Seri Serdang. Tuan Speaker, saya hanya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak ataupun tahu atau tidak bahawa perbelanjaan kerajaan negeri Selangor ini ianya berasaskan bajet berimbang iaitu wang hanya boleh dibelanjakan sekiranya ada penambahan hasil. Jika kita lihat anggaran hasil 2012 ini pada tahun 2010 walaupun kita menganggarkan perbelanjaannya sebanyak RM1.4 bilion seperti apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang tetapi hasil sebenarnya dikutip, hasil sebenarnya dikutip adalah RM1.57 bilion maknanya ada penambahan. Jika ada penambahan baru boleh ditambah perbelanjaan itu. Adakah Yang Berhormat sedar tentang itu, ini berlaku pada tahun 2011 walaupun RM1.43 bilion tapi anggaran disemak ialah RM1.52 bilion maknanya ada penambahan hasil. Saya ingin minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker yang saya sebutkan bajet berimbang sekiranya Yang Amat Berhormat yang selalu menjanjikan mempunyai tadbir urus yang baik sudah tentu tidak akan berlaku tentang bajet-bajet tambahan. Ini yang saya maksudkan sehinggakan bajet-bajet tambahan itu melebihi daripada 10%. itu yang saya maksudkan. Tetapi kalau ada bajet-bajet tambahan dengan pendapatan kerajaan negeri pada ketika itu tak apa tetapi pendapatan negeri mesti melebihi 10%. Itu yang saya maksudkan kerana dia telah mengaku Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini adalah seorang pentadbir yang baik. Itu yang kita maksudkan. Tidak boleh lebih dari 10%. Itu yang saya nyatakan.

TUAN SPEAKER : Ya Batu Caves ada apa?. Batu Caves ada apa?. Ya, Batu Caves ada apa?.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Ya minta penjelasan Yang Berhormat.

TUAN SPEAKER : Oh nak minta penjelasan. Lain kali kalau Tuan Speaker tanya tu jawablah. Ini membisu saja.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker ada berhajat nak buang Batu Caves ke?

TUAN SPEAKER : Dia tak bising. Dia cuma membisu saja. Kita tak buang orang yang membisu. Ya silakan.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Gurauan Seri Serdang. Terima kasih Seri Serdang. Ada 2 soalan penjelasan dan soalan yang saya nak tanyakan. Pertama, asas ekonomi apakah yang Seri Serdang sebutkan agar perbelanjaan tambahan ini tidak boleh 10% sedangkan dalam amalan perbelanjaan atau belanjawan dan bajet sekitar belanjawan yang diamalkan di mana-mana negara termasuk oleh kerajaan Barisan Nasional kadar perbelanjaan tambahan yang dicadangkan adalah sekitar 15% atau 14%. Jadi sekitar 12% ke 13% saya rasa amalan biasa yang tidak bertentangan dan saya rasa ia diamalkan oleh Barisan Nasional dan kadang-kadang di peringkat *Federal* juga ia melaksanakan dasar-dasar tambahan belanjawan yang agak tinggi dan melebihi dari kadar yang dicadangkan.

Yang keduanya, Seri Serdang ada menyebutkan bahawa perbelanjaan tambahan yang dicadangkan oleh kerajaan negeri adalah perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak munasabah. Kalau Seri Serdang menganggap bahawa memberikan air percuma itu sebagai perbelanjaan tidak munasabah kami terima itu sebagai tidak munasabah dan munasabah sangatlah Barisan Nasional dengan cara itu. Adakah Seri Serdang setuju dengan cadangan saya.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker nampaknya soalan lebih kurang sama dengan Kampung Tunku. Jadi itulah jawapannya.

Tuan Speaker, bajet 2012 ialah bajet luar jangka. Luar jangka yang dimaksudkan ialah kerana memperkenalkan geran Selangorku dengan memperuntukkan sebanyak RM300 juta yang akan digunakan pada tahun 2012 untuk rakyat Selangor. Dana sumbangan dividen GLC negeri, keuntungan MBI dan sumber-sumber lain. Saya tidak mempersoalkan kuasa kerajaan negeri untuk mewujudkan geran tersebut atau bagaimana dibelanjakan. Yang kita nak tau sumber dana secara terperinci. Sila senaraikan semua GLC yang diberikan dividen dan jumlahnya. Berapakah keuntungan MBI dan daripada operasi mana keuntungan diperolehi? Setakat manakah kemajuan pungutan pinjaman Talam Corporation. Sama ada dalam bentuk tunai atau hartanah. Hasil penstrukturan semula projek *canal city* atau sumber-sumber lain yang perlu kita teliti bersama. Atas dasar ketelusan kebertanggungjawaban selaras dengan enakmen kebebasan maklumat Selangor 2010 kita menuntut Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjelaskan secara terperinci mengenai soalan-soalan di atas. Oleh sebab MBI sekarang terlibat secara aktif dalam operasi perniagaan sudahkah sampai masanya operasi MBI terbuka kepada rakyat. Kita mahu Jabatan Audit Negara menjalankan

pemeriksaan audit ke atas MBI dengan segera. Kita bangkitkan perkara ini kerana kemampuan GLC-GLC negeri boleh dipersoalkan. Terdapat kes salah laku dan salah guna kuasa dan penyelewengan dalam GLC-GLC negeri yang menjejaskan prestasi kewangannya. Ada yang jual aset dan hartanah untuk memaksimumkan keuntungan. PKNS labur dalam REIT serahkan harta bernilai RM270 juta hanya kuasai 30% saham dan dapat RM162 juta tunai. Maknanya dia jual harta itu walaupun Yang Amat Berhormat Menteri Besar kata tidak dan satu pelaburan rakan saya akan ulas terperinci isu ini kemudian. Banyak lagi kes-kes penjualan harta telah dibongkar rakyat. Ada kemungkinan ini semua telah dirancang dengan rapi. Semua GLC diarah memaksimumkan keuntungan dengan apa cara sekalipun termasuk jual saham dan hartanah. Supaya MBI dapat mewujudkan geran Selangorku dalam bajet 2012. Kita mahu Jabatan Audit Negara membuat pemeriksaan audit pengurusan ke atas semua GLC negeri yang diberi dividen dan bagaimana keuntungan diperolehi sama ada penjualan harta, jual saham atau keuntungan operasi perniagaan. Apakah kesan jangka masa panjang kepada GLC-GLC terlibat sila periksa segera. Kita tidak mahu nanti bankrap kerana mahu mengekalkan kuasa dalam pilihan raya yang ketiga belas. Kemungkinan-kemungkinan ini boleh berlaku. Baik bangkitkan sekarang. Jangan menyesal kemudian.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Penjelasan lagi?. Banyak sangat.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya, ya. Banyak soalan. Tadi Yang Berhormat Ketua Pembangkang menyatakan bahawa mungkin kerajaan negeri Selangor akan bankrap dalam tahun 2012. Saya nak tanya masihkah Yang Berhormat ingat pernah sekali Barisan Nasional mengatakan bahawa negeri Selangor akan bankrap dalam masa enam bulan sahaja pada tahun 2008. Tapi sekarang pula bertukar dalam tahun 2012. Jadi apakah penjelasan. Bilakah akan bankrap, 2008 atau 2012?

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Sabar. Nanti akhir saya jawab. Saya yang mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita berdasarkan kajian dan perancangan perwujudan dana Selangorku. Adakah semua GLC mampu untuk mendukung dana ini dalam jangka panjang atau dalam hanya bajet 2012 bagi memenangi undi rakyat untuk memenangi pilihan raya selepas PRU ke-13. Itulah sebabnya saya panggil bajet 2012 bajet luar jangka. Luar jangka untuk PRU13. Bajet berimbang dengan peruntukan sebanyak 1.6 bilion ditambah dana luar jangka RM300 juta semuanya berjumlah RM1.9 bilion. Kita akan pantau pelaksanaannya.

Prestasi kakitangan kerajaan. Berdasarkan kepada laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2011, kita dapati prestasi pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan kerajaan negeri sama ada peringkat persekutuan dan negeri dalam konteks tadbir urus baik jauh

lebih baik dari anak syarikat negeri terutamanya KDEB, PKPS dan PKNS. Terdapat kes-kes salah laku penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang telah didedahkan oleh laporan Jabatan Audit Negara. Sebab utama kerana tidak mematuhi pekeliling Perbendaharaan Malaysia dan amalan terbaik tadbir urus korporat dan kod tadbir urus korporat Malaysia semakan 2007. Kerana ghairah dengan KPI keuntungan maksimum kepantasan membuat keputusan kuasa eksekutif berlebihan dan yang penting pemantauan yang lemah dan tidak berkesan kerana kerajaan negeri yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat dari Ijok walaupun terkenal dan digembar-gemburkan sebagai tokoh korporat tersohor negara. Bagi pihak ADUN Barisan Nasional saya ingin mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang menjalankan kerja-kerja dengan memuaskan sama ada jabatan-jabatan persekutuan atau negeri. Secara kebetulan majoriti dari pada ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan adalah terdiri daripada kerajaan perkhidmatan awam persekutuan yang telah mendapat latihan dan pendedahan pentadbiran berkualiti semasa berterusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Sumbangan perkhidmatan awam dalam sosioekonomi negeri tidak dapat dinafikan. Merekalah bertanggungjawab membantu kerajaan persekutuan dan negeri sejak Merdeka sehinggalah Malaysia hari ini muncul sebagai salah sebuah negara membangun yang berjaya di dunia ini. Oleh itu kita berasa kecewa dengan kenyataan Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara daripada DAP yang telah dengan sombong dan angkuh berjanji kepada rakyat bahawa jika pakatan mengambil alih Putrajaya mereka akan mengurangkan jumlah perkhidmatan awam didapati terlalu ramai dan tidak cekap, katanya. Saya cabar. Saya cabar kepada Pakatan Rakyat tidak perlu tunggu sampai Putrajaya dalam pilihan raya umum ketiga belas. Laksanakanlah sekarang di negeri-negeri di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat seperti Kelantan, Kedah, Pulau Pinang dan khususnya di negeri Selangor ini. Jangan tunggu lagi sehingga PRU13. Sekarang laksanakan segera di negeri Selangor. Apa ulasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar nanti.

Elaun Ahli Parlimen Malaysia ADUN Selangor saya terima kasih kepada Sekinchan. Sekinchan ni hebatlah kerana dia menyokong kenaikan elaun apatah lagi mencadang. Elaun Ahli Parlimen Malaysia dan Selangor yang saya nak tujukan adalah sikap hipokrit Pakatan pembangkang ini dalam usul cadangan kenaikan elaun Ahli Parlimen Malaysia. Kami Ahli Dewan Negeri Selangor sangat kesal dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor yang tidak bertanggungjawab dan mengelirukan seperti yang dilaporkan oleh akhbar Sinar Harian pada 15 Oktober 2011. Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyatakan bahawa kenaikan elaun ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Selangor adalah merupakan insentif kepada mereka yang telah berjasa memberi sumbangan kepada rakyat dan negeri Selangor. Menteri Besar Selangor menjelaskan penambahan elaun Ahli Dewan Undangan Negeri lalu bukan melibatkan elaun pada semua ADUN di negeri ini sebaliknya elaun tambahan kerja ADUN. Itu sebenarnya satu insentif dan layak diberikan kepada sekiranya ADUN

memenuhi syarat yang ditetapkan. Kerajaan negeri memberikan elaun tersebut kepada ADUN berasaskan kerja yang mereka lakukan. Apa yang sebenarnya berlaku ialah Dewan Negeri yang bersidang pada 31 Mac 2011 telah meluluskan Rang Undang-undang mengenai Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri 1980 yang bertujuan untuk memberikan kenaikan elaun bulanan kepada setiap Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor dari RM4112.79 kepada RM6000. Kelulusan kenaikan elaun tersebut berkuat kuasa pada 1 Januari 2011 dan memerlukan tambahan sebanyak RM1187.21 sebulan bagi setiap Ahli Dewan Undangan Negeri. Rasional kenaikan elaun ialah sebagai menghargai sumbangan dan jasa yang telah diberikan oleh semua Ahli Dewan Undangan Negeri kepada rakyat dan kerajaan negeri Selangor.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Tuan Speaker, penjelasan.

TUAN SPEAKER : Ya, sila.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih Yang Berhormat Seri Serdang. Ada 2 persoalan yang ingin saya bertanyakan pada Seri Serdang. Pertama sekali kenapa soal kenaikan itu tidak dibahaskan sewaktu dibentangkan dalam Dewan 31 Mac lepas. Itu yang pertama.

Yang kedua, tidak ada isu berbangkit kalau dinaikkan kepada RM4112.79 pun kepada RM6000 kerajaan Selangor perbelanjaan tahunannya adalah perbelanjaan berimbang bukan defisit belanjawan seperti kerajaan pusat selama 15 tahun berturut-turut. Kita kena tengok rasional kita yang meluluskan bersama sekarang ni Yang Berhormat nak bising saya rasa itu tidak wajar nak dikaitkan semata-mata untuk politik kekampungan Seri Serdang. Saya tidak setuju.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker, terima kasih ADUN Sri Muda yang begitu *handsome* sekali pada hari ini. Saya berucap dan bercakap ini adalah kerana ada percanggahan di kalangan ahli-ahli sekutu sendiri. Yang saya nak jelaskan akhirnya kepada penjelasan ini apa itu ulasan dari Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana dia adalah Ahli Parlimen.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Baik saya nak mencelah sikit lagi.

TUAN SPEAKER : Bagaimana boleh?

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Sikit boleh.

TUAN SPEAKER : Sila...

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Baik saya Seri Serdang keliru semua Ahli Dewan diberikan RM6,000 itu semua sudah dipersetujui yang disebut oleh Dato' Menteri Besar dan mungkin disalah lapor oleh akhbar kebiasaannya akhbar ini selalu

salah petik salah lapor ada, kita kena terima hakikat itu, yang disebut oleh Dato' Menteri Besar itu ialah tambahan lagi RM1,500 untuk mana-mana Ahli Dewan yang menjalankan atau pun melakukan aktiviti-aktiviti lebih daripada 5 kali sebulan, yang itu diberikan inisiatif yang RM6,000 itu sudah diluluskan dalam Dewan tidak boleh bangkit. Saya rasa Seri Serdang kena rujuk balik pada *Hansard* Dewan untuk tengok bukan hanya main ambil petikan surat khabar yang kita tidak tahu kebenaran dan juga keaslian tulisan untuk dibangkitkan dalam Dewan ini.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Tuan Speaker

TUAN SPEAKER : Belum jawab nanti dululah. Itu soalan belum jawab, sabarlah belajar sikit.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker, silalah Sungai Pelek kalau dia ada nak cakap, silalah...

TUAN SPEAKER : Ini nak jawab ke tidak?...Saya yang katakan nak jawab ke tidak? Nak jawab, ok jawablah.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Kalau tak jawab nanti Tuan Speaker halau saya dah susah pula kang.

TUAN SPEAKER : Seri Serdang, Yang Berhormat sendiri pernah jadi Timbalan Speaker takkan tak tahu peraturan....saya tanya jawab, jawab sajalah....

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tapi tak pernah buang orang.

TUAN SPEAKER : Itu sebab dia tidak tahu peraturan. Bila orang yang pengerusikan peraturan jadi tak ada masalah.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker, saya jawab Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya jawab. Sekarang baru mengaku.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Pokoknya di sini ialah soal kenaikan, soal kenaikan. Walau pun RM1,000 walau pun RM100 kenaikan, kenaikan ya kenaikan dan ini ada percanggahan yang saya sebutkan dengan ulasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang keluar daripada Sinar Harian, ini yang saya nak jelaskan dalam dewan yang mulia ini.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Tuan Speaker dah dijelaskan tadi bahawa itu kebarangkalian memetik apa, petikan itu mungkin tidak tepat. Yang kita setuju Ahli Dewan semua setuju, semua Ahli Dewan daripada Pakatan Rakyat daripada Pembangkang semua naik sama RM6,000.00 yang itu sudah diluluskan dalam sidang

dewan. Kalau nak bangkitkan sekarang ia bukan berkaitan dengan kita bincangkan hari ini.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Ya itu bukan soal kenaikan tetapi ulasan yang saya nak nyatakan ini.

TUAN SPEAKER : Baiklah semua orang nak cakap, yang Sri Muda dah habis tanya duduklah, biar dia jawab.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Bagilah pula kita bercakap.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Bukan dia berbelit-belit.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Saya nak jelaskan, saya nak jelaskan. Saya nak jelaskan, saya nak jelas. (dewan riuh rendah)

TUAN SPEAKER : Eh yang lain ni kenapa ni...(Tuan Speaker menutup pembesar suara) eh yang lain ni sibuk apa ni. Biarlah Speaker uruskan. Bila saya tegur Pembangkang, Pembangkang marah, bila saya tegur yang penyokong kerajaan pun marah juga, macam manalah ni. Baik, baik cukup, sila Seri Serdang nak jawab, jawab tak jawab sudah.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker, ekoran daripada itu tindakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor dan lain-lain Ahli Parlimen Pakatan Rakyat negeri Selangor yang juga Ahli Dewan Negeri Selangor menyokong kenaikan elaun Adun Selangor tetapi hah...ini dia tetapi menolak cadangan kenaikan elaun Ahli Parlimen menunjukkan sikap hipokrit dan kepura-puraan mereka mengapa Yang Berhormat Ketua Pembangkang Parlimen Permatang Pauh yang merangkap Ahlinya Ketua Pembangkang yang Ahlinya Permatang Pauh yang menjadi penasihat ekonomi Selangor membenarkan

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Yang Berhormat Speaker....

TUAN SPEAKER : Ya bagaimana.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Seri Serdang, Yang Berhormat Seri Serdang saya nak bagi penjelasan sedikit. Kalau nak bangkitkan isu untuk dijadikan hujah kita kena fikirilah ia berasaskan fakta, penolakan di peringkat Pusat itu di Parlimen itu kerana defisit belanjawan 15 tahun berturut-turut, di Selangor kita tidak ada defisit belanjawan, logik kena pakai, fakta kena ada kalau nak hujah jadi Ketua Pembangkang kena ada fakta kalau tak ada fakta jadi macam inilah, fakta tak tepat.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Dia bukan soal fakta, ini soal yang dimainkan oleh politik mereka.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Kalau hujah tak ada fakta....

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Ini ialah kerana Penasihat Ekonomi juga terlibat dengan negeri Selangor dan juga adalah Ketua Pembangkang.

TUAN SPEAKER : Cukup-cukup, baik, baik, tenang, tenang, tenang ya. Tenang, sabar tenang kita kena datang dengan fikiran yang tenangkan.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tenang ni, itu sebab berucap pun senyum. Tenang. (dewan ketawa)

TUAN SPEAKER : Patut yang tegur pun senyum. (dewan ketawa) Ya Sungai Pelek.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Tuan Speaker minta celah sikit.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Hah dia nak mencelah.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Seri Serdang. Setuju tak dengan saya kalau kerajaan negeri mendapat walau pun lebih keuntungannya dan menaikkan elaun Adun, setuju tak dengan saya dengan secara yang munasabah yang berpatutan tetapi bagi saya soalan yang saya nak tuju kepada Seri Serdang kalau *lawyer's fees* atau yuran kehakiman itu sesuatu orang Adun pun perlu ditanggung oleh kerajaan negeri adakah itu berpatutan?

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Hah itu sepatutnya pada saya mungkin kerajaan negeri itu kesian tapi pada logiknya ini hal masing-masing hal sendiri patut tanggunglah sendiri. Tuan Speaker, tetapi apa yang saya sebutkan tadi peringkat Parlimen Malaysia ada lagi, ialah bagilah dia puas hati. Saya takut dia tidak boleh tidur kang.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih Seri Serdang, saya nak komen sikit perkara yang disebut oleh Sungai Pelek, saya rasa pelik sungguhlah Sungai Pelek ini, kenyataan akhbar pun samalah kalau seperti mana yang Seri Serdang sebut ada kenyataan akhbar yang dikeluarkan jadi rujuk kepada surat khabar. Dato' Menteri Besar jelaskan bahawa atas kapasiti sebagai Ahli Dewan perkara itu jelas dan ia dilakukan atas kapasiti sebagai Ahli Dewan, saya tidak berhasrat untuk bermaksud memanjangkan soal itu kerana ia sedang dalam perbicaraan sedang disebut di mahkamah. Tetapi yang dimaksudkan itu ialah sesuatu yang cuba untuk mempertikaikan keputusan kerajaan negeri. Perkara sudah dibuat sudah diputuskan kita tidak minta, saya tidak mohon tapi kalau nak bagi saya terima itu satu bantuan sebagai Ahli Dewan yang bertanggungjawab mempunyai perkara mempunyai asas untuk bercakap. Dan kita bercakap itu berpandukan kepada undang-undang tubuh kerajaan negeri. Jadi kena jelas, jangan cuba nak kaitkan dan alihkan isu daripada perkara pokok. Perkara pokok yang kita sebut kita bincang tadi ialah asas kenaikan di

Parlimen itu kerana ditolak kerana 15 tahun defisit, di Selangor tidak ada defisit itu perbezaan dia dan kalau tidak setuju kali pun kenapa tak sebut dalam sidang dewan dulu sewaktu pembentangan, dah habis dah dapat rasa lima enam bulan dah, sekarang baru nak tanya.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Tuan Speaker...

TUAN SPEAKER : Nanti dulu, Sungai Pelek tak fahamlah, bila orang tanya, tunggu orang jawab dulu kalau ada pertanyaan baru bangun, ini orang tanya belum jawab, tambah-tambah. Tiga tahun dah kena belajar sikit. Sila Seri Serdang.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker, walau pun apa alasan yang saya maksudkan itu ialah mengapa ada percanggahan itu saja kerana rakan sekutu dan di sini saya ulaskan bahawa

TUAN SPEAKER : Ya Yang Berhormat Seri Serdang...Sungai Pelek bangun.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tak apa nanti saja, kemudian. Tunggulah dia, tak pe..

TUAN SPEAKER : Saya tak bagi, peraturan kata kena jawab dulu apa yang dia cakap, Sungai Pelek ini minta kebenaran daripada siapa. Dan sekarang ini Seri Serdang kata duduk, duduk dia tak bagi peluang,

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Saya tak suruh dia duduk. Tuan Speaker saya tak suruh dia duduk.

TUAN SPEAKER : Tadi kata tak nak jawab, tunggu dulu duduklah. Peraturan kata kena dapat kebenaran. Bila kebenaran tak ada, duduklah.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Seri Serdang tak benar.

TUAN SPEAKER : Sila, sila.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tak apa, tak apa biar saya teruskan dulu.

TUAN SPEAKER : Ya sila, sila.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker yang saya sebutkan tadi ialah di peringkat Parlimen Malaysia menolak cadangan kenaikan elaun Ahli Parlimen atas alasan Ketua Pembangkang Parlimen supaya kerajaan meletakkan terlebih dahulu gaji minimum pekerja sebanyak RM1,100.00. Mengapa kerajaan Selangor tidak menetapkan gaji minimum di Selangor terlebih dahulu atas warga kerja

di bawah pentadbirannya sebelum meluluskan kenaikan elaun Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor itu yang saya sebutkan tadi ada percanggahan.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Yang itu biar Dato' Menteri Besar jawab.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Hah itu sebab supaya biar dia jawab...

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Saya cuma nak menyentuh kerana dia sebut tadi kedudukan kewangan ...

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tapi kalau

TUAN SPEAKER : Kalau nak Menteri Besar jawab, biar Menteri jawab. Kenapa bangun lagi.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Itu yang saya sebut tadi, mengapa ada percanggahan. Di sini, itu saya sebutkan mengapa ada percanggahan faham. Faham tak tu, fahamkan. Jadi dengan ini Tuan Speaker, saya mencabar Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menyenaraikan ADUN-ADUN yang berprestasi tinggi yang layak untuk mendapat kenaikan elaun. Yang jelas semua adil sama ada dari Pakatan Rakyat sama ada daripada Barisan Nasional sekarang telah pun mendapat kenaikan elaun-elaun mereka sama ada yang berprestasi tinggi atau tidak. Rakyat akan menentukan prestasi mereka dalam PRU Ke-13 akan datang. Hah, itu jawapan dia, termasuklah jelas.

TUAN SPEAKER : Baiklah bila semua prestasi tinggi penggal datang kena masuk semula. Jadi tetap Barisan Nasional pembangkang tetap PR kerajaan. Baik silakan. Bagus saya suka. Saya pun akan balik ke sini juga.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Hah itu yang kita maksudkan di sini, jadi ada percanggahan kesian Ahli-ahli Parlimen itu kerana tak dapat kenaikan gaji pasal dek apa Penasihat Ekonomi Selangor. Yang Berhormat Kinrara tak apalah dia dapat berapa elaun, Ahli Parlimen dia dapat elaun, DUN dia dapat elaun, EXCO dapat elaun banyak, kesian Ahli-ahli Parlimen itu kalau kita lihat.

TUAN SPEAKER : Baik sekarang Sungai Pelek bangun lagi. Bagaimana?

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tak payahlah biar, tak apa, tak apa. Biar saya teruskan...

TUAN SPEAKER : Dia sendiri tak bagi bukan saya tak bagi, baik sila Seri Serdang teruskan.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Ini bagusnya kita ni muafakat supaya duduk nanti dia akan bercakap lebih dari kita.

TUAN SPEAKER : Kita cakap satu dia sudah beredar dah. Keluar sendiri tengok ...Baik sila Seri Serdang. Itu saya tak halau ya, jangan salahkan saya kemudian ya.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker boleh saya teruskan.

TUAN SPEAKER : Nanti dulu, Sri Muda kalau ada soalan saya bagi, kalau penjelasan saya tak bagi.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Soalan, soalan.

TUAN SPEAKER : Ya, soalan bagaimana?

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tak bagilah dah lama sangat bagi, letihlah. Biarlah nanti Yang Amat Berhormat jawab. Tak payah soal-soal.

TUAN SPEAKER : Sri Muda, Sri Muda sila duduk, dia tak bagi dah.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker, pelanggaran janji-janji kerajaan Pakatan Rakyat. Prestasi kerajaan negeri Selangor pelaksanaan bajet 2009 dan 2010 dan 2011 pelaksanaan manifesto PRU Ke-12. Bajet 2012 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah retorik daripada bajet 2009 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 20 Oktober 2008 iaitu bajet yang pertama kerajaan Pakatan Rakyat yang menjadi landasan penting hala tuju pentadbiran kerajaan Pakatan dan bajet-bajet berikutnya pada 2010, 2011 dan 2012. Dalam konteks ini saya ingin memfokuskan kepada satu isu asas iaitu manifesto PRU 12 dan penekanan ketiga-tiga bajet 2009 hingga 2011. Untuk mewujudkan pentadbiran yang telus bertanggungjawab selaras dengan prinsip-prinsip urus tadbir baik *good governance* dengan izin, Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri dengan imej tokoh korporat tersohor negara selalu menggembar-gemburkan pentadbiran berwibawa, telus, adil selaras dengan prinsip tadbir urus baik. Dalam bajet 2009 Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mempersoalkan sumbangan kerajaan Barisan Nasional dalam menjadikan negeri Selangor negeri maju pada tahun 2005. Menuduh pentadbiran kerajaan Barisan Nasional tidak telus, ikhlas dan bertanggungjawab memberi kontrak kepada syarikat-syarikat kroni mengamalkan dasar penswastaan yang berat sebelah kepada syarikat-syarikat swasta dan tidak cekap dalam menguruskan perbelanjaan kerajaan negeri tetapi akhirnya selepas memerintah selama 3 tahun 7 bulan cakap tak serupa bikin. Terdapat banyak kes-kes dan keputusan-keputusan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri boleh dipersoalkan tahap integriti dan kewibawaannya di antaranya adalah seperti berikut Tuan Speaker :

i. Penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan di PKNS dan Yayasan Selangor.

- ii. Penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan ketidak kecekapan pelan pengurusan industri pasir oleh Syarikat kerajaan negeri Kumpulan Semesta Sdn Bhd.
- iii. Prestasi masalah pengurusan industri Selangor atau UNISEL
- iv. Penyelesaian pinjaman TALAM Corporation sebanyak RM361 juta
- v. Isu tanah yayasan basmi kemiskinan
- vi. Pelantikan dan peranan pasukan perunding dan penasihat kerajaan dan agensi-agensi kerajaan negeri
- vii. Isu pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- viii. Isu kontroversi pemeriksaan Gereja Methodist Damansara Utama oleh Jabatan Agama Islam Selangor

Rakyat Selangor masih menunggu dan menuntut janji-janji Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk mengeluarkan kertas putih mengenai isu Talam Corporation, tanah yayasan basmi kemiskinan, pengisytiharan umum aset-aset Ahli-ahli EXCO, laporan isu rakaman video di Pejabat Menteri Besar yang telah luput tempoh dan sehingga sekarang tidak ada sebarang berita. Inilah contoh pemerintahan yang telus, ikhlas dan bertanggungjawab seperti yang selalu digembar-gemburkan kita cabar dan beri tempoh kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menuntut janji-janji tersebut sehingga akhir Disember tahun ini. Kalau gagal terbukti Yang Amat Berhormat seorang pemimpin yang tidak bertanggungjawab dan pembohong cakap saja tapi tak serupa bikin.

Dasar penswastaan. Dalam bajet 2009 Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyatakan bahawa negeri Selangor kehilangan RM30 bilion dalam tempoh 30 tahun pemerintahan kerajaan Barisan Nasional kerana penyelewengan dalam projek-projek penswastaan dan usaha sama hartanah. Malahan beliau telah mengumumkan bahawa kerajaan negeri tidak akan, hah! Ini saya ulang kerajaan negeri tidak akan lagi memberikan projek-projek hartanah secara usaha sama dan penswastaan. PKNS telah diarahkan supaya menghentikan projek-projek penswastaan dengan serta-merta tetapi realitinya, realitinya apa yang berlaku sekali lagi cakap tak serupa bikin. Projek penswastaan dan usaha sama hartanah negeri masih diteruskan bukan itu sahaja malahan telah terdapat yang bertentangan dengan ekspresi dan kehendak rakyat serta matlamat penubuhan agensi-agensi kerajaan yang terlibat. Rakyat di negeri Selangor terutama mereka yang terlibat sekarang menuntut kerajaan negeri khususnya Yang

Amat Berhormat Menteri Besar memberi penjelasan mengenai projek-projek penswastaaan dan usaha sama berikut:-

Pertama: Projek PKNS Tanjung Sepat seluas 22.39 ekar usaha sama PKNS Holding yang mempunyai 30% ekuiti dengan Syarikat UAPE yang menguasai 70% ekuiti.

Dalam bajet 2009 kerajaan negeri mengumumkan akan menghentikan projek usaha sama yang diamalkan oleh kerajaan Barisan Nasional dengan perkongsian keuntungan nisbah 70:30. Ini merugikan kerajaan negeri. Jika dibandingkan sendiri keuntungan yang diperolehi sebanyak 7 atau 8 kali ganda. Dimanakah sebenarnya kredibiliti Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Mengapa usaha sama ini diteruskan. Siapa pemegang saham UAPE? Bagaimana pelantikan dibuat?

Kedua: Projek *Sport City* di Seksyen 7, Kelana Jaya. PKNS bercadang mahu membangunkan Kompleks Sukan PKNS sebagai *Sport City* termasuk pembinaan 7 blok pangsapuri 36 tingkat. 2 blok kompleks pejabat dan 10 tingkat dan sebuah kompleks perniagaan 15 tingkat.

Jawatankuasa bertindak yang mewakili 4,000 pemilik rumah di kawasan tersebut membuat bantahan kepada PKNS. Saya yakin ADUN Seri Setia sendiri pun tidak setuju dengan cadangan tersebut. Beliau berjanji untuk bersama-sama mengkaji semua projek tersebut. Apakah pandangan Yang Amat Berhormat mengenai projek ini? Syarikat manakah yang telah dipilih oleh PKNS untuk menjalankan projek ini? Jika benar mengapa projek ini diswastakan sedangkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar berjanji tidak lagi mahu membangunkan tanah PKNS secara usaha sama. Mengapakah Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah meluluskan projek tersebut walaupun proses pendengaran bantahan belum lagi selesai selaras dengan garis panduan perancangan Kerajaan Tempatan.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Minta laluan.

TUAN SPEAKER : Bagaimana Seri Serdang.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Ya.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Terima kasih saya ucapkan pada Seri Serdang kerana menyokonglah Seri Setia dalam isu melibatkan kawasan Seri Setia. Cuma untuk makluman, projek ini belum diluluskan oleh MBPJ. Petang ni merupakan pendengaran awam. Sebab itu hanya cadangan. Jadi saya berharap Seri Serdang perbetulkan kenyataan tersebut. Kita bukan macam dulu, zaman Khir Toyo, dia boleh luluskan projek di Desa Mentari dan tipu minit MTES. Kita bukan macam dahulu jadi saya nak perbetulkan. Itu saya minta celah.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Bantahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Seri Setia

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Peraturan

TUAN SPEAKER : Saya... saya tengah cakap ni. Speaker tengah cakap. Siapa jadi Speaker sekarang ni? Saya ingatkan Seri Setia supaya jangan sebut nama Ahli Yang Berhormat ya. Ya, sila. Ya dia baru tapi Seri Serdang lama.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Ya. Ada apa-apa? Tak ada? Boleh saya teruskan.

TUAN SPEAKER : Boleh teruskan. Saya ingatkan, ikut peraturan ya. Silakan.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : ADUN Seri Setia, sebenarnya yang membuat peraturan supaya pendengaran bantahan tu pun semasa dalam Barisan Nasional dulu pun tapi saya difahamkan oleh lebih kurang 4,000 di situ menyatakan projek ini sudah pun diluluskan sebelum garis panduan perancangan itu dapat didengar. Ini yang saya dimaklumkan. Terdapat juga beberapa projek usaha sama yang dijalankan oleh PKNS dan Yayasan Selangor yang akan dibangkitkan oleh rakan-rakan saya kemudian nanti.

Tuan Speaker, projek rangsangan ekonomi Selangor, pada 23 Mac 2009, Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga telah mengumumkan pakej rangsangan ekonomi Selangor sebagai kombinasi projek jangka panjang dan sederhana bagi menarik pelaburan RM50 bilion dan mencipta sekitar 150,000 peluang pekerjaan. Pakej ini meliputi 6 projek berikut:-

- Pemulihan Sungai Klang
- Pemulihan Projek Terbengkalai
- Pembaharuan Bandar
- Peningkatan Hasil Padi
- Meningkatkan Pengangkutan Awam dan
- Penstrukturan Khidmat Industri Air Selangor

Selepas 2 tahun 7 bulan dilancarkan kita tidak melihat pelaksanaan secara menyeluruh dan impak kepada pembangunan negeri Selangor. Hanya retorik dan janji-janji kosong. Sejauh manakah projek-projek tersebut telah membantu pertumbuhan ekonomi Selangor bagi tahun 2009, 2010 dan 2011. Projek Pemulihan Sungai Klang, apakah kemajuan projek pemulihan Sungai Klang yang telah diperuntukkan sebanyak RM2

bilion dalam tempoh pelaksanaan 2 hingga 3 tahun? RM1 bilion untuk pembersihan Sungai Klang dan RM1 bilion lagi untuk pembangunan. Bagaimanakah prestasi 4 buah syarikat yang telah dipilih termasuk Syarikat DPZ Asia yang telah dipilih sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tanpa melalui tender terbuka. Tanpa melalui tender terbuka. Dapatkah peruntukan RM2 bilion? Apakah kemajuan yang telah dicapai dari segi fizikal dan kewangan. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah berjanji untuk menyediakan laporan dan pameran mengenai projek tersebut kepada umum tetapi mengapa hingga sekarang belum lagi dilaksanakan? Oleh kerana projek ini berkala besar, Presiden Transparensi Internasional Malaysia atau TIM mencadangkan supaya kerajaan negeri menandatangani integriti PAXS dengan izin dengan 4 syarikat yang telah dipilih bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa dan meminimumkan kos. Memastikan integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban. Mungkin oleh kerana projek ini menghadapi masalah pelaksanaan. Kerajaan negeri tidak menimbang cadangan tersebut. Rakyat Selangor menuntut janji-janji Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Tuan Speaker, pembaharuan dan pembangunan semula bandar. Pembaharuan dan pembangunan semua kawasan bandar dan perumahan merupakan salah satu projek di bawah pakej rangsangan ekonomi Selangor. Dalam konteks ini, ada cadangan untuk membangunkan semula kawasan Pangsapuri Impian Baiduri di Jalan 224, Petaling Jaya yang mengandungi 4 blok 1,300 unit pangsapuri. Jawatankuasa Penduduk membantah sebarang pengambilan balik tanah untuk Blok A bagi membolehkan pembangunan semula. Apa rasionalnya projek tersebut kerana mereka baru sahaja menduduki kediaman tersebut pada tahun 2005. Adakah untuk menguntungkan pemaju? Bagaimana dengan tunggakan bilion dianggarkan RM500 5,308 subsidi air percuma yang sepatutnya dibayar oleh kerajaan negeri. Di samping itu, PKNS dengan kerjasama dan usaha sama syarikat DKLS Berhad akan membangunkan semula kawasan rumah pangsa Seksyen 17, Petaling Jaya. Penduduk bimbang masa depan mereka, harga rumah mungkin di luar kemampuan mereka melainkan mendapat pampasan yang mencukupi. Kalau ikhlas nak tolong rakyat, mengapa kerajaan negeri dan PKNS tidak majukan sendiri. Pihak swasta ambil kesempatan meraih keuntungan maksimum di atas tapak yang strategik. Kalau PKNS majukan sendiri mungkin harga rumah tidak tinggi. Boleh menetap sendiri, Kerajaan cakap prihatin kepada rakyat tapi swasta lebih diutamakan. Oleh itu, kami mendesak sebarang projek pembangunan semula bandar dan kawasan perumahan hendaklah mengutamakan kepentingan rakyat terlebih dahulu daripada kepentingan pemaju swasta.

Program membasmi kemiskinan. Program membasmi golongan kemiskinan semua lapisan masyarakat merupakan salah satu pendekatan dan strategi bajet 2009 dan 2010. Dalam bajet 2009, kerajaan negeri telah menaikkan paras pendapatan garis kemiskinan atau PJK, PGK kepada RM1,500 sebulan berbanding dengan RM731.00 di

peringkat nasional kerana 90% penduduknya tinggal di bandar dengan kos sara hidup yang tinggi. Berpandukan kepada PGK baru-baru ini, kadar kemiskinan rakyat Selangor berada pada paras 30% bukan 1.1% seperti yang diutarakan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Dalam bajet 2010, kerajaan negeri telah melancarkan pelan tindakan pembasmian kemiskinan yang merangkumi program perumahan, pendidikan, kesihatan dan pewujudan peluang-peluang pekerjaan baru. Kerajaan Pakatan Rakyat berjanji untuk menyelesaikan masalah 30% rakyat miskin di negeri Selangor seramai lebih kurang 1.56 juta daripada jumlah 5.2 juta rakyat Selangor pada tahun 2009. Kita pegang janji Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dalam tempoh 3 tahun 7 bulan sejak janji dibuat berapa peratuskah kadar kemiskinan telah dapat diturunkan? Berapakah kadar kemiskinan relatif yang dan kemiskinan tegar negeri Selangor pada masa ini? Berapakah rumah kos rendah dan mampu milik telah dibina oleh kerajaan? Berapakah peluang-peluang pekerjaan baru telah diwujudkan. Kita tidak nampak program-program pembasmian kemiskinan yang agresif telah dibuat sama ada di bandar atau di luar bandar. Satu lagi pelanggaran janji kerajaan.

Tuan Speaker, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor ataupun PKNS. Saya ingin menyentuh isu tadbir urus yang melibatkan salah laku, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dan pihak pengurusan PKNS. Sebuah syarikat kerajaan negeri yang paling penting dalam pembangunan sosioekonomi negeri Selangor. Dalam konteks ini saya akan memfokuskan kepada integriti pasukan pengurusan PKNS khususnya Pengurus Besar PKNS yang sekarang gagal menunaikan janji-janji kerajaan negeri Pakatan Rakyat khususnya Yang Amat Berhormat dari Ijok yang pelantikan Pengurus Besar PKNS. Pengurus Besar PKNS sekarang dilantik secara kontrak selama 2 tahun mulai 1 Februari 2009 melalui surat yang ditandatangani oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor merangkap Timbalan Pengerusi PKNS pada 13hb Jun 2009 dengan gaji berserta elaun lain mulai 1 Februari 2009 hingga 31 Januari 2011 seperti berikut:

- Gaji dan elaun dari PKNS termasuk gaji pokok, JUSA A menerima sebanyak RM7,766.66. Jadi kalau dikira sebanyak RM16,933.32.
- Elaun tambahan daripada 4 anak syarikat PKNS berjumlah RM23,000.00 jadi jumlah dia RM39,933.32.

Status Pengurus Besar adalah sebagai kakitangan awam di dalam makna Kanun Keseksaan di bawah Bahagian 3 Perkara 9(3) Enakmen PKNS 1964 No.4 Tahun 1904. Melalui surat tawaran bertarikh 25 November 2009 yang ditandatangani sendiri oleh Y.A.B. Menteri Besar Selangor merangkap Pengerusi PKNS, PKNS telah menawarkan skala gaji baru Pengurus Besar PKNS iaitu gaji pokok sebanyak RM40,000-00 sebulan di samping kemudahan-kemudahan dan elaun-elaun yang lain. Untuk tempoh dua tahun dari 1 Februari 2009 hingga 31 Januari 2011, gaji pokok inilah yang menjadi asas

pengiraan bonus PKNS. Keputusan YAB Menteri Besar tersebut telah pun diperakukan oleh mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kewangan PKNS yang dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri Selangor. Ini bermakna YAB Menteri Besar Selangor telah menggunakan kuasa eksekutifnya untuk menawarkan skala gaji baru tersebut tanpa dibincangkan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Perjawatan PKNS yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Begitulah keputusan dibuat tanpa mengikut amalan biasa pentadbiran PKNS iaitu keputusan skala gaji baru sepatutnya dibuat di peringkat jawatankuasa perjawatan dan kemudian dipanjangkan untuk kelulusan Ahli Lembaga Pengarah PKNS. Gaji pegawai-pegawai dan kakitangan PKNS adalah berdasarkan gaji yang ditetapkan oleh kerajaan melalui pekeliling perkhidmatan yang sudah berkuat kuasa. Status gaji baru Pengurus Besar PKNS sepatutnya dirujukkan terlebih dahulu kepada Jawatankuasa Permitan Malaysia untuk ulasan. Tidak dinafikan Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor mempunyai kuasa eksekutif dalam perkara ini. Yang menunjukkan gaji pengurus besar sekarang mempunyai kedudukan agak istimewa kepada Y.A.B. Menteri Besar Selangor. Soalannya mengapa ini berlaku. Pengurus Besar PKNS adalah seorang penjawat awam yang tertakluk kepada peraturan-peraturan kerajaan ataupun JPA . Mengapakah beliau memperoleh pendapatan tidak mengikut skala gaji yang ditetapkan. Apakah status beliau.? Keputusan berkenaan dibuat pada awal 2011 dan bayaran di *backdated* pada tarikh pelantikan beliau sebagai Pengurus Besar, bukannya sebelum 2011 anak syarikat PKNS telah membayar elaun sebanyak RM5000.00 sebagai cara untuk mencukupkan gaji bulanan sebanyak RM40,000.00. Adakah beliau memperoleh bayaran berganda. Apa asas bayaran RM5000.00 sebulan oleh anak syarikat jika beliau turut menerima bayaran yuran bulanan. Sehingga hasil siasatan audit Selangor selesai, kontrak perkhidmatan Pengurus Besar PKNS disambung bulan ke bulan. Walau bagaimana pun difahamkan bahawa kontrak beliau telah disambung 2 tahun lagi. Dasar dan matlamat KPI Pengurus Besar PKNS. Di bawah pengurusan baru, PKNS akan menerokai projek-projek pembangunan mewah. *High end* projek (dengan izin). Yang boleh memberi keuntungan lebih tinggi, yang dapat disalurkan semula kepada projek-projek perumahan mampu milik, memberi subsidi silang ataupun *cross subsidies* (dengan izin). Soalan dalam tempoh 3 tahun 7 bulan, dan di bawah pentadbiran Pengurus Besar yang baru, berapakah jumlah rumah-rumah mampu milik terutama rumah kos rendah, sederhana rendah dan sederhana telah dibina oleh PKNS dibandingkan dengan pencapaian tahun 2006 , 2007 dan 2008. Yang jelas, yang jelas , projek mega Jelatik Pusat Bandar Keramat, menawarkan rumah paling rendah RM600,000 seunit. Yang di luar kemampuan majoriti pemilik asal yang diberikan pampasan, hanya RM250,000. Begitulah juga untuk projek-projek mega sport city SS 17, Kelana Jaya, Eco Villa Seksyen 7 Shah Alam, Western Digital SSB Kelana Jaya, PJ CC, SS19 Subang Jaya dan banyak lagi projek-projek mega PKNS. Projek-projek yang diserahkan kepada PKNS Holding, pula PKNS tiada kuasa, dasar dan banyak

menguntungkan syarikat usaha sama yang memaksimumkan keuntungan .
Sebenarnya ada yang tersurat dan tersirat di sebalik dasar ini.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Speaker, Speaker..mohon penjelasan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, sila.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Saya amat teruja dengan apa yang disampaikan oleh Ketua Pembangkang. Dan apabila saya meneliti ucapan beliau, saya merasa amat sedih sebenarnya apabila kita mendengar begitu hebat Pakatan Rakyat berkata dia tak mahu kroni, dia nak hentikan penswastaaan, dia nak stop, dia nak, tidak akan berlaku lagi penswastaaan untuk menjaga kepentingan rakyat, kita nak bina rumah murah untuk rakyat, tetapi hari ini setelah didedahkan oleh ketua pembangkang jauh sekali bezanya. Mungkin soalan saya, apakah mereka lakukan ini kerana nak menjaga kroni-kroni mereka juga. Terima kasih.

TAMAN SERDANG : Seri Serdang.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Telah saya sebutkan tadi bahawa YAB Menteri Besar cakap saja tapi bikin tak ada. Lebih hebat dan lebih teruk daripada kerajaan Barisan Nasional. Sebenarnya ada yang tersurat dan tersirat di sebalik dasar ini.

TUAN SPEAKER : Y.B. Sapa ni, Batu Caves ada apa ni, soalan.

Y.B. TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI : Soalan.

TUAN SPEAKER : Ya.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Saya tak izinkan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, sila duduk.

Y.B. TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI : Ya, ya.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Sebenarnya yang tersirat dengan keuntungan besar membolehkan PKNS membayar bonus yang tinggi kepada pegawai-pegawai dan kakitangannya. Bonus PKNS, pembayaran bonus yang dibayar kepada pegawai-pegawai dan kakitangan PKNS adalah tinggi jika dibandingkan dengan banyak syarikat-syarikat swasta dan syarikat milik kerajaan pusat dan negeri. Apalagi PKNS adalah agensi berkanun kerajaan, bonus 5 bulan bagi tahun 2009 dan 7 bulan bagi tahun 2010. Usaha Pengurus Besar PKNS sendiri dalam tempoh perkhidmatannya dengan PKNS sejak bulan Februari 2009 , jumlah anggaran pendapatan dan bonus

yang dibayar kepada beliau berjumlah RM1.4 juta iaitu seperti butir-butir seperti berikut :

Tahun 2009 Gaji jumlahnya RM440,000 iaitu 40,000 x 11bulan

Bonus 22,000.00 – 40 x 5 berjumlah 280ribu

Jumlahnya RM640,000.

Tahun 2010

RM480,000 - RM40,000 x 12 bulan

Jumlah dia RM520,000

RM40,000 x 17bulan bonus

Jumlah dia RM480,000

Jadi keseluruhan jumlahnya ialah RM790,000. Jadi bila dijumlahkan RM640,000 dan RM790,000 , jumlah selama dia menjawat hanya beberapa tahun sahaja , sudah menjangkau kepada RM1.4 juta. Ini tidak termasuk lain-lain faedah tambahan sebagai Pengurus Besar PKNS. Wah, gaji dan kemudahan-kemudahan lain Pengurus Besar PKNS mungkin lebih baik daripada YAB Menteri Besar sendiri. Atau Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri , apa komen Y.B. dari Bukit Antarabangsa, yang melaungkan keadilan, kesaksamaan, ya, dia juga adalah Ahli Lembaga Pengarah PKNS. Mungkin inilah yang tersirat, memaksimumkan keuntungan untuk menghalalkan bonus besar. Walaupun rakyat terpaksa menanggung beban dengan harga rumah PKNS yang melambung tinggi. KPI PKNS akan, bukan memaksimumkan keuntungan semata-mata tanpa mengira tanggungjawab sosial, buat keuntungan ke satu tahap yang mampu memberi objektif subsidi silang.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Tuan Speaker, minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Ya. Taman Templer.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Tuan Speaker , saya ingin bertanya kepada Ketua Pembangkang , apabila mendengar juga cerita-cerita yang begitu mengemparkan dewan ini, sebenarnya bukannya tujuan utama PKNS ditubuhkan untuk membela golongan kurang berada di luar bandar tetapi juga dengan program-program atau projek-projek mega yang dijalankan, keuntungan itu sepatutnya disalurkan balik kepada rakyat miskin di negeri Selangor , khususnya rakyat contoh di perumahan Bukit Botak. Di mana harga rumah yang sepatutnya dulu diberikan RM45,000 tetapi hari ini dimaklumkan oleh Y.B. EXCO bahawa kerana harga pasaran telah begitu tinggi, maka walaupun mereka tak mampu, tetapi mereka masih perlu membeli dengan harga RM

99,000 campur kos infra RM112,000. Maka saya rasa bukannya Y.B. Ketua Pembangkang ini satu perkara yang harus diberhentikan, aa..terus dan juga rakyat negeri Selangor perlu celik bahawa matlamat asal PKNS ini telah tersimpang jauh ataupun matlamat itu telah jauh daripada matlamat asal ditubuhkan PKNS. Terima kasih.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker. Biarlah rakyat di negeri Selangor tahu sekarang ini siapakah sebenarnya yang mengamalkan kroni. Siapa sebenarnya kononnya merakyatkan ekonomi yang hari ini mereka kroninya yang diutamakan daripada rakyat diutamakan. Pelantikan perunding, pelantikan perunding dan pegawai kontrak , di bawah pengurusan baru PKNS melantik ramai pakar perunding dan pegawai kontrak kerana tidak percaya dengan kebolehan pegawai-pegawai PKNS yang sedang berkhidmat. Kebanyakan pegawai-pegawai kontrak diletakkan di bawah anak syarikat PKNS Holding , mendapat gaji lumayan mengikut pasaran semasa. Tidak perlu lantik ramai pegawai-pegawai kontrak , pegawai-pegawai yang ada sudah banyak pengalaman terbukti keberkesanannya. Ada yang melakukan tugas semasa pegawai-pegawai yang ada, tidak banyak nilai tambah. Pelantikan ramai pegawai kontrak dan pakar-pakar perunding menaikkan kos pengurusan PKNS dan anak-anak syarikatnya. Contoh pelantikan *Veon Plan Communications*, sediakan teks ucapan Pengurus Besar, RM7000.00. Perkhidmatan perunding RM400,000. Perkhidmatan perunding komunikasi RM400,000, tuntutan Julai 2010, RM34,000. Program *Re-branding* PKNS RM200,000. Ulasan, tidak perlu dan mendesak. Dalam pasaran hartanah PKNS mempunyai imej dan jenama yang kukuh dan terbukti hingga sekarang. Tidak perlu perkhidmatan berlebihan melalui pakar perunding yang memerlukan bayaran tinggi. PKNS mempunyai Bahagian Perhubungan Awam dan pemasaran yang cukup berpengalaman. Mengapa harus membelanjakan begitu banyak wang PKNS kerana nak membayar pakar-pakar perunding seperti ini. Pelantikan syarikat web iaitu Profesor Ilman Papazian, perunding pembangunan hartanah selama 6 bulan, bayaran RM450,000 untuk Sains Park dia dan RM485,000 untuk Bernam Jaya. Pelantikan tanpa kelulusan Jawatankuasa Tender PKNS, diberi kuasa memilih pelabur-pelabur luar negara . Soalannya berapa banyak kah pelaburan yang telah diperolehi oleh PKNS dan berapa nilai pelaburan.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Tuan Speaker

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Yang Berhormat Permatang bangun. Permatang ada apa, soalan.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Y.B., nak mohon penjelasan.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM : Terima kasih Tuan Speaker. Seri Serdang, saya, dalam sidang yang lepas ada dibangkitkan , saya masih ingat ada

disebut dan dibawa oleh rakan kita bahawa ada senarai hampir lebih 500 kakitangan PKNS yang menandatangani usul ataupun melahirkan rasa ketidakpercayaan kepada Pengurus Besar PKNS dan pengurusan PKNS. Jadi ini menunjukkan ada rasa tidak puas hati daripada kalangan kakitangan PKNS yang hampir 500 orang. Jadi saya nak tanya balik Y.B. Seri Serdang, sama ada adakah dimaklumkan apa-apa tindakan mengenai protes yang dibuat oleh kakitangan-kakitangan PKNS ini daripada kakitangan-kakitangan rendah sampai kepada kakitangan tinggi PKNS terhadap prestasi Pengurus Besar kerana ini akan menjejaskan sudah tentunya pengurusan PKNS. Saya nak tanya Seri Serdang, adakah maklumat mengenai perkara ini. Terima kasih.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker, oleh sebab sudah pun disambung kontrak Pengurus Besar berkenaan, sudah barang tentu kita faham bahawa saranan daripada kakitangan yang merasakan rasa ketidakpuasan hati itu tidak ditimbang oleh YAB Menteri Besar. Kesian pada mereka. Tuan Speaker, soalnya yang saya sebutkan tadi. Berapa banyak kah pelaburan yang telah diperolehi oleh PKNS dan berapa nilai pelaburan. Kita tengok tempat-tempat itu, dengan pelantikan-pelantikan pakar-pakar perunding ini, adakah mendapat kemajuan ataupun lain daripada yang lain. Kalau kita lihat pergi turun ke bawah pun, kita lihat projek-projek ni lebih kurang sama. Lagi lebih baik lagi, yang telah dibuat pegawai-pegawai PKNS sebelum ni. Kita bagi contoh, bandar raya Shah Alam ini, kita bagi contoh bandar raya Bangi, yang hanya diguna pakai oleh pakar-pakar dan kakitangan PKNS. Tidak pernah pun ada syarikat-syarikat pakar-pakar perunding seperti ini dan kalau kita lihat pun kepada kedua-dua projek ini, tidak ada bezanya. Lagi teruk daripada yang dulu. Tuan Speaker, suasana politik Selangor dan kemantapan pentadbiran kerajaan negeri di bawah kepimpinan YAB Menteri Besar dari Ijok. Kelicinan pembangunan sosioekonomi dan pentadbiran negeri Selangor banyak bergantung pada kestabilan dan kemantapan pentadbiran kerajaan negeri. Dalam tempoh 3 tahun 7 bulan kerajaan negeri di bawah kepimpinan YAB Menteri Besar Selangor dari Ijok didapati kurang stabil, ini tidak memeranjatkan kerana kerajaan Pakatan Rakyat dibentuk oleh 3 parti yang berlainan ideologi, dan peningkatan mereka bersatu hanya untuk dapatkan kuasa, kata orang putih hanya '*merit of convenient*'. (dengan izin). PKR konon dengan penekanan kepada keadilan, sosial terutama untuk Ketua umumnya, DAP dengan konsep Malaysian Malaysia, PAS dengan konsep Negara Islam dan Hukum Hudud, sekarang dibuang negara Islam beralih kepada Negara Berkeadilan. Mereka mempunyai kepentingan berbeza dan bertentangan dalam beberapa isu pokok, agama, budaya, bahasa dan kepentingan etnik. Sebab itu terdapat banyak isu-isu rakyat dan negeri tidak diputuskan secara muktamad dan sepakat oleh kerajaan. Rakyat keliru dan kakitangan kerajaan berbelah bagi dan serba salah, ada keputusan dibuat, tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Contoh ..

Y.B. DATUK MOHD. ISA BIN ABU KASIM : Speaker, mohon penjelasan.

TUAN SPEAKER : Silakan.

Y.B. DATUK MOHD. ISA BIN ABU KASIM : Saya nak bertanya Ketua Pembangkang, kalau kita tengok tiga (3) parti tadi, di mana letaknya kebebasan seks ni. Parti mana yang bawa ni?

TUAN SPEAKER : Kebebasan seks apa?

Y.B. DATUK MOHD. ISA BIN ABU KASIM : yang sekarang yang disokong oleh kawan-kawan kita, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Seksualiti, itu yang dimaksudkan?

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Inilah cara mereka. Kalau boleh nak diadakan tanpa halangan-halangan kerana dia tak tau bahawa enakmen-enakmen apa yang perlu dipakai, itulah kelemahan kerajaan Pakatan Rakyat. Contoh saya sebutkan Tuan Speaker, isu penjualan arak, isu kalimah Allah, hotel-hotel bajet, lesen-lesen hiburan, isu pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, dan baru-baru ini pemeriksaan gereja Methodist Damansara Utama oleh Jabatan Agama Islam Selangor. Perhimpunan atau himpun di Stadium Shah Alam. Ini diakui sendiri oleh Yang Berhormat ADUN Gombak Setia merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Kebudayaan, Warisan dan Infrastruktur, Hal Ehwal Agama Islam, Kebudayaan, Warisan dan Infrastruktur dan mantan Pesuruhjaya PAS Selangor. Beliau mengakui menghadapi masalah dalam isu penjualan arak secara terbuka kerana tidak mendapat sokongan daripada beberapa rakan sejawatnya dalam Pakatan Rakyat. Dalam isu pemeriksaan gereja Methodist Damansara Utama, oleh JAIS, pendirian beliau didapati bercanggah dengan pendirian Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan lain-lain rakannya dalam EXCO. Ketidaksepakatan ini tidak baik untuk kelicinan pentadbiran kerajaan negeri Selangor. Dalam konteks ini, yang menjadi serba salah dalam..dalam..yang menjadi serba salah dan sentiasa mengalah ialah PAS. Dua (2) lawan Satu (1). Ada beberapa isu di peringkat PBT, PAS tak setuju kerana ideologi dan dasar parti..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : tapi kedua-duanya...

TUAN SPEAKER : Ya

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : rakan lain bersetuju dan veto PAS akhirnya perjuangan mati di tengah jalan.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat. Kg. Tunku bangun.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Saya ingin bertanya dalam isu penjualan arak ini. Apakah pandangan Yang Berhormat Sri Serdang tentang pendirian MCA bahawa kerajaan negeri Selangor tidak harus menyekat penjualan arak ini kepada golongan bukan Muslim. Adakah jikalau ini pendirian daripada MCA, apa pula pandangan Yang Berhormat dari UMNO. Adakah ini juga menunjukkan bahawa UMNO dan MCA bercanggahan antara satu sama lain?

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Speaker, yang saya sebutkan di sini ialah ketidaksepakatan dalam menangani isu berkenaan. Kesepakatan. Sepatutnya sebagai sebuah kerajaan harus bersepakat dalam menangani isu ini, kenapa ada perbezaan sehingga menjadikan rakyat di negeri Selangor ini keliru. Ini..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : ini yang saya sebutkan, persepakatan dalam peruntukan dasar dan polisi.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya, minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Itu kena faham.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : sebagai sebuah kerajaan mesti bersepakat untuk menentukan dasar dan polisi bukan bercanggah antara satu dengan yang lain.

TUAN SPEAKER : Ya, silakan.

Y.B. TUAN LAU WENG SANG : Minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Jadi bagaimana rakyat nak hidup aman..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya, minta penjelasan..beri penjelasan.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : hidup tenteram kalau andai kata kerajaan tidak boleh bersepakat dan menentukan sebuah polisi atau dasar itu. Ini yang saya bangkitkan, bukan soal MCA..bukan soal UMNO. Tetapi

TUAN SPEAKER : Baik, baik..dah, dah..baik, baik.. Yang Berhormat

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : ialah dasar kerajaan negeri..

TUAN SPEAKER : Baik, baik..Yang Berhormat, saya tak nak lihat dua (2) orang ahli Yang Berhormat berdiri. Nak bagi ke tak nak bagi?

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Saya tak nak bagi.

TUAN SPEAKER : Tak nak bagi? Sila duduk.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Saya tak nak bagi. (riuh)

TUAN SPEAKER : Tak bagi? Cuma saya nak ingatkan (riuh)..dengarlah..nanti dengar dulu, ya, cuma yang berucap dan yang mencelah tu, saya mintalah, sebab sekarang ini adalah perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2012, 2011 jadi saya minta supaya kita bahas atas asas-asas utama perbekalan ini seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan 66. Ingat selalu lah peraturan ini, ya. Boleh, semua perkara boleh sentuh tapi jangan melencong sangat ya. Kalau sini yang bahas melencong, yang mencelah pun melencong, ke mana kita nak pergi? Ya, perbahasan, sila, ya, sentuh pada asas-asas utama Rang Undang Perbekalan itu sendiri. Lihat Peraturan 66.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Ini Tuan Speaker saya rasa ada hubung kaitnya kerana dalam soal menentukan polisi, soal untuk mengagihkan peruntukan mesti ada persepakatan. Kalau misalnya politik di negeri Selangor yang dibuat oleh Pakatan ini tidak ada ketenteraman, mana mungkin boleh terlaksana perbelanjaan yang begitu baik. Ini yang menjadikan inilah perbahasan yang harus saya ketengahkan juga, ya, contoh umpamanya bila sesuatu perkara tentang contoh sebagai contoh, tentang bajet, bajet hotel, ya, tentang pusat-pusat hiburan takkan bertumbuh, kalau ada nak kawal, kawallah, buatlah satu keputusan dekat PBT kerana ialah dulu, PAS kata memperjuangkan agama Islam, ya, dan hari ni tengok, pusat hiburan, bajet hotel, tumbuh di mana-mana. Shah Alam dulu tak pernah ada bajet hotel. Tak pernah ada pusat hiburan. Sebagai kawasan Melayu 78% sepatutnya menghormati, tapi hari ini dah terlampau banyak bajet hotel dan pusat hiburan di Shah Alam sendiri, di Bangi pun dah ada. Haa, ini yang saya kata persepakatan. Kesian sebenarnya, saya kesian kepada ADUN Gombak Setia. Kesian. Yang Berhormat, saya ingatkan

TUAN SPEAKER : Dah la jangan melencong sangat. Ya. Itu perbezaan gini. Kalau kita kalau perbahasan. Sekinchan tolong duduk ya. Kalau perbahasan untuk kegagalan kerajaan untuk melaksanakan dasarnya saya setuju tapi bila dah masuk pada peribadi pada parti saya rasa ini bukan perbahasan ke atas.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Baiklah Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Nanti dulu, apa ni saya cakap pula nak celah.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Ya lah, kang kena buang susah, tak habis debat.

TUAN SPEAKER : Ya, betul, betul. Kena tau batasannya. Ha, kena tau batasannya. Ya. (ramai ketawa). Jadi saya minta, kalau nak soal politik, masa kita membahaskan usul berterima kasih titah ucapan Tuanku. Memang boleh sebut semua sebab itu dasar politik masuk. Tapi bila ke atas perbekalan ni sentuhlah perbekalan selalu jangan jauh sangat melencong. Ya, saya minta jangan sangat tu. Kalau tidak, tak abis kita bincang perkara yang tak berkenaan. Masa kita terhad. Ya, waktu kita bermesyuarat di sini pun yang ditetapkan cuma 8 hari kalau ada '*staff*' pun ada 80 hari, lain. Ini 8 hari jadi saya berharap semua pihak ya semua pihak ya, semua ahli Dewan Negeri ini, bukan sahaja pembangkang, semua penyokong dan juga EXCO juga sama, gunakan masa dengan sebaiknya janganlah kita apa tu, melibatkan perkara-perkara yang tidak berkaitan. Sila Serdang.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Saya bangkitkan isu ini kerana

TUAN SPEAKER : Sekarang ni Sekinchan bangun pula. Ya, bangun.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Saya tak izinkanlah.

TUAN SPEAKER : Sila duduk.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Saya bangkitkan isu ini ialah kerana kita tidak mahu bahawa keadaan negeri Selangor ini merupakan satu keadaan yang tidak tenteram, ya, yang nantinya perpaduan akan terhakis ya, kita nak supaya ia memberikan kesan kepada kelicinan dan kestabilan sosial politik serta kemantapan pentadbiran kerajaan negeri Selangor. Apatah lagi yang melibatkan kredibiliti Yang Amat Berhormat Menteri Besar selaku ketua eksekutif negeri Selangor. Yang sepatutnya mempunyai '*strong central command*' dengan izin, apa komen? Apa komen? Komen Yang Amat Berhormat Ijok, Gombak Setia, Bukit Damansara dan Kinrara nanti. Akhirnya, Tuan Speaker. Ini lebih kurang macam mak dan ayah bertahun-tahun hidup rukun dan damai, membuat harta, harta banyak tetapi entah apa silapnya mak dan ayah ini dibuang oleh anak. Sama ada anak ini derhaka ataupun tidak, kita pun tak tahu hanya penilaian masing-masing. Setelah harta ini begitu banyak sekali, dengan sewenang-wenangnya ibu atau emak ataupun bapak telah dibuang, anak yang tinggal ini menghabiskan harta dengan menjual-jual harta begitu banyak. Dan harta-harta yang dijual ini begitu banyak dapatnya, katanya dia pun dengan ghairah mengagihkan ke sana ke mari. Nah kau ambil, nah kau ambil. Kau ambil ni, kau ambil, kau ambil asalkan kita hidup kononnya. Kononnya. Kerana mempunyai

kekuatan kewangan duit yang banyak, hidup aman damai. Tapi saya nak cabar, sampai bila? Wang ini boleh digunakan. 2012 ...

Y.B. TUAN LAU WENG SANG : Minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : 2012..Saya tak izinkan. Kerana ini penutup.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Eh, saya..

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : 2012, bagaimana 2013, dan mana, bagaimana 2014 dan seterusnya. Adakah dengan wang ini yang kononnya..

TUAN SPEAKER : Sri Serdang tak bagi..

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Saya tak bagi, ini penutup, ini penutup..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tapi dia janji..

TUAN SPEAKER : Dia tak bagi..so duduklah..

(sorakan)

TUAN SPEAKER : Dia tak bagi..saya bagi amaran pertama Kg. Tunku..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya, saya..

TUAN SPEAKER : Saya bagi amaran kedua Kg. Tunku..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ok, ok.. (riuh)

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Dan akhirnya, wang ini mungkin habis, kalau habis, mana lagi harta yang nak dicari, akhirnya macam negara-negara yang lain, khususnya Greece. Nak bayar penjawat awam gaji pun sampai tak dapat. Inilah sebenarnya keghairahan kerajaan Pakatan Rakyat, seolah-olah konon-kononnya, konon-kononnya nak menunaikan janji manifesto PRU kali ke-12 dan konon-kononnya untuk mengekalkan kuasa tetapi Insya-Allah rakyat di negeri Selangor ini bukan boleh diperbodohkan (sorakan). Rakyat di negeri Selangor ini bukan boleh diperbodohkan dan Insya-Allah PRU ke-13 kita akan bangkit balik untuk memerintah dengan keras, dengan menghalang kerakusan kerajaan Pakatan Rakyat. Terima kasih Tuan Speaker, mohon maaf banyak.

TUAN SPEAKER : Ya, Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Kakitangan Kerajaan serta para pemerhati yang saya muliakan. Salam sejahtera, salam bersih dan salam reformasi untuk semua. Saban hari matahari tetap terbit di subuh hari. Kitaran ini pasti berlaku pada setiap saban hari. Budaya tipu, songlap, rasuah Barisan Nasional masih menjadi tradisi. Pakatan Rakyat adalah pilihan terbaik pengundi untuk menyelamatkan negeri. Tuan Speaker, saya ingin, sebelum saya membahar secara terperinci belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, semalam, ingin saya kupas sedikit tentang hujah-hujah dan kritikan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang Sri Serdang sebentar tadi dan saya kecewa kerana beliau berjanjian menjawab soalan daripada pertanyaan daripada rakan seperjuangan saya Yang Berhormat Kg. Tunku tentang bilakah tempoh masa kerajaan negeri Selangor akan bankrap. Bila? bila? *'kapan? nyong arek takon kapan, bien ngomong enem bulan'* (bahasa Jawa) dengan izin, dulu cakap 6 bulan tahun 2008, 6 bulan *'ngomong'* (bahasa Jawa) karo sopo? Dengan Sg. Panjang sekali cakap, dalam *'handsard'*, 6 bulan kalau kita bagi program Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor bagi *'banyu'* percuma, air percuma bankrap 6 bulan Pakatan Rakyat. Tapi sampai hari ini, 3 tahun 7 bulan hampir 4 tahun rakyat negeri Selangor tak nampak kerajaan Pakatan Rakyat bankrap. Malah kita ada geran tambahan, geran Selangorku RM300 juta untuk rakyat Selangor. Ha ini, jadi..

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker..

TUAN SPEAKER : Ok, ok, nanti dulu, nanti duluuu. Ini dah terus masuk *gear* ke empat ni. *'Slow'* sikiti tak apa. Sri Serdang, ada apa ni? Ada nak tanya, penjelasan?

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker..

TUAN SPEAKER : Ya, nak minta penjelasan ke?

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Nak minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Ya, ok.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker, kena faham. Yang akhir tadi. Harta dah di kumpul begitu banyak. Dan akhirnya senang saja nak menjual. Siapa pun boleh, siapa pun boleh. (sorak) Orang-orang yang tak bersekolah pun kalau ada harta ni, dah rasa-rasa tak boleh ha jual, itu jalan selamat. (sorak) Itu jalan selamat. Itu sebab saya kata saya jelaskan tadi, macam mak bapak ni yang dah begitu lama mengumpul harta ada datang anak mungkin tak adalah saya kata Yang Berhormat Sekinchan. Pasal Sekinchan ini bagus orangnya. Tetapi yang saya nak sebutkan ialah kerajaan, kalau hanya setakat nak menjual, ini jual, itu jual, ini jual, nak dapat KPI yang baik..waah..lepas itu bagi pula kepada RM300 juta AVI semua orang

boleh buat macam tu. Yang kita nak sebenarnya ialah hasil pelaburannya bukan penjualan, hasil pelaburannya.

TUAN SPEAKER : Ya, soalnya mana?

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Ha, itu dia yang perlu diperjelaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ataupun saya. Bukan Sekinchan.

TUAN SPEAKER : Ya lah..tunggulah tu. Soalan tak ada penjelasan. Minta penjelasan itu. Sila.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, saya ucap terima kasih lah kepada Sri Serdang kerana beri pengiktirafan kepada kawan lama Sekinchan ya. Terima kasih. Tetapi yang saya nak kata, tegaskan di sini, kalau nak bicara soal lelong jual harta, jual harta Pakatan Rakyat tak sehebat Barisan Nasional. Tidak sehebat. Barisan Nasional bukan sahaja boleh serah satu Putrajaya, satu Putrajaya..

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Siapa kata..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Lapangan Terbang Sungai Besi.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tak, cuba, cuba bagi tahu, tak cuba bagi tahu apa kata

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Eh, saya boleh bagi lah Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, tunggu

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya boleh bagi..

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, sila duduk, sila duduk Yang Berhormat..Sekinchan, sila duduk. Sri Serdang sila duduk. Sri Serdang, saya tadi pun bagi membantu Sri Serdang bila dalam keadaan macam gini. Jangan lah buat kacau. Sila.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Haa, kalau nak celah saya bagi, Sri Serdang sebab kawan lama, saya bagi. Sebab dia Timbalan Speaker zaman Barisan Nasional. Jadi tak perlu lah saya belum habis cakap 'you' terus celah. Malulah orang-orang you.

TUAN SPEAKER : Teruskan, teruskan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Maknanya, apa yang saya sebut tadi, kalau nak bicara soal menjual harta, Pakatan Rakyat di belakang. Baru nak belajar, belum lagi, di belakang Barisan Nasional. Nombor wahid itu adalah Barisan Nasional. Ini yang saya nak perbetulkan fakta dan juga Sri Serdang.

Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Ya lah Tuan Speaker, saya nak minta penjelasan. Boleh? Laluan, laluan.

TUAN SPEAKER : Baik, masa sudah menunjukkan 1 petang. Dengan ini saya menangguhkan sehingga 2:30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 petang)

Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER : Dewan disambung semula, Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin menyambung perbahasan saya. Tuan Speaker saya merasa kesal dan sedih tentang kehadiran sebelah petang ini khususnya untuk pihak pembangkang kerana saya nak beri jawapan tetapi nampaknya tak ada yang datang. Inilah peranan pembangkang yang tidak bertanggungjawab dan gagal menjalankan kerja. Tuan Speaker saya ingin memberi sedikit penjelasan berkenaan dengan apa yang dituduh oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang Seri Serdang yang mengatakan kerajaan negeri memperolehi keuntungan-keuntungan dan geran sebanyak RM300 juta melalui jual aset, jual tanah. Saya nak minta Yang Berhormat Ketua Pembangkang sebagai seorang Ketua Pembangkang yang *senior* tolong berikan secara *detail* dan spesifik mana buktinya, jangan cakap main lepas, ini satu penipuan, satu pembohongan kepada Dewan yang mulia. Satu penipuan dan pembohongan, kalau ada kita bagi tanah tolong bagi bukti secara *detail* satu persatu jangan *omong-omong kosong*. Ini yang saya nak nyatakan dan seterusnya saya juga kesal dengan cara Ketua Pembangkang di mana beliau menyerang PKNS kandungan data-data satu persatu. Kalau dia nak serang soal kita jual tanah kena bagi satu persatu secara *detail* jangan main lepas, tipu, cuba mengelirukan dewan seolah-olah kita menjual tanah walhal kita tidak pernah melakukan kerja-kerja seperti itu dan Tuan Speaker, apa yang dinyatakan oleh Ketua Pembangkang tadi tentang PKNS sebenarnya banyak *detail-detail* yang saya dengar, saya perhatikan, saya teliti sudah saya panjangkan, pernah saya bangkitkan di dalam dewan ini bersama dengan Yang Berhormat dari Hulu Klang tentang medianya, iklannya yang menelan belanja yang agak besar dan ini pernah kita tegur dah, kita pernah minta Yang Amat Berhormat Tan Sri ambil perhatian soal ini jadi benda yang diperbesarkan oleh Sri Serdang ini sebenarnya surat khabar lama, isu lama, isu yang saya sudah pernah nyatakan. Beliau rasanya tidak mempunyai butiran yang baru, fakta yang baru hanya meniru ataupun *copycat* untuk cuba memperdayakan pada media dan sebagainya kononnya beliau adalah hero untuk cuba hendak buat tuduhan yang liar ini yang saya hendak nyatakan di sini. Pada masa yang sama tuduhan Barisan Nasional mengatakan kita bankrap sekejap 6 bulan, sekejap tahun 2012 jadi saya cukuplah, saya minta pembangkang, Yang Berhormat Permatang mintalah Ketua Pembangkang kita bersama kawan-kawan, teman-teman yang boleh, Kuala Kubu bertaubatlah. Kalau ada angka, ada butiran mengatakan kita akan bankrap seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri Idris Jarah akan bankrap pada 2019 itu ada fakta dengan *detail* dengan butiran. Ini tidak, sekejap 6 bulan sekejap 2012 jadi sudah cukuplah, jangan buat tuduhan yang tidak bertanggungjawab dan tidak munasabah walhal kewangan kedudukan negeri Selangor cukup kukuh dan pada masa

yang sama berbalik kepada PKNS saya ingin sentuh sedikit tentang PKNS. Dalam negara tuduh PKNS bermacam-macam dan sebagainya tetapi kita jangan lupa, kita jangan lupa PKNS pada tahun lepas telah mencatat keuntungan yang berlipat ganda lebih daripada RM200 juta. PKNS mencatat keuntungan RM200 juta. Ini satu rekod satu sejarah di mana satu syarikat hartanah yang begitu berkemampuan berkeupayaan dan pada masa yang sama PKNS walaupun mencapai keuntungan yang besar, memberi bonus yang agak besar kepada kakitangan pada masa yang sama PKNS tidak lupa pada tanggungjawab sosialnya, CSRnya terus memberi bantuan dan subsidi kepada rakyat yang miskin. Saya bagi contoh bukan *omong-omong kosong*, saya bagi contoh tentang penyelesaian masalah setinggan Bukit Botak pada sebelah pagi juga dinyatakan oleh Taman Templer tentang Bukit Botak ini. Bukit Botak ini sebenarnya penyelesaian masalah setinggan di situ adalah lanjutan daripada Kerajaan yang lepas Barisan Nasional. Mereka menipu rakyat di situ dengan bermacam alasan tanah tergadai dan sebagainya tetapi perkara tidak selesai akhirnya Kerajaan yang bertanggungjawab Pakatan Rakyat kita dapat mandat kita selesaikannya dengan cara yang terbaik. Seramai 1600 keluarga di Bukit Botak dan kita bagi rumah untuk selesaikan PKNS membelanjakan RM78 juta untuk subsidi kepada projek tersebut. Bayangkan mana ada satu kerajaan yang sanggup belanja RM78 juta untuk satu projek memulihkan projek RM78 juta, PKNS telah subsidikan. Kita patut kenang jasa PKNS dan seterusnya PKNS juga membelanjakan 4 juta untuk melaksanakan rumah mampu milik sebanyak 200 buah unit rumah akan dibuat secara berperingkat dan rumah tersebut harga kosnya dalam RM150,000 satu rumah tetapi Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar prihatin mengambil kepedulian kepada rakyat tahu masalah rakyat dibelunggu kos sara hidup yang tinggi maka dengan itu kerajaan negeri jual dalam sekitar 100 ribu dan kerajaan tampung RM50,000 satu biji rumah. Mana ada syarikat yang sanggup buat kerja macam itu tidak lain tidak bukan kerajaan negeri Pakatan Rakyat dan dibantu oleh PKNS, RM4 juta kita bagi projek tersebut. Saya minta yang rumah mampu milik ini akan datang ditambah bukan sahaja 200 unit, 400 unit dan 600 unit pada masa-masa yang akan datang untuk kesejahteraan, kepentingan rakyat di Negeri Selangor ini dan pada masa yang sama lagi satu projek yang di subsidi yang dibantu oleh PKNS dengan tanggungjawab sosialnya ialah persimpangan bertingkat di Seksyen 7, ICT Shah Alam.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Kubu Baru.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Oh Kuala Kubu, kawan saya.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih kepada Y.B. Sekinchan. Saya nampak Y.B. Sekinchan ini memang hebat seolah-olah soalan EXCO, soalan MB pun dia boleh jawab. Saya ingat dia sepatutnya diberikan dilantikan sebagai EXCO Negeri Selangor ini. Saya nak tanya bahawa apakah matlamat PKNS, PKNS dulu adalah supaya dapat membenakan rumah yang kos rendah kepada

pendapatan miskin ataupun rendah supaya mereka mampu milik tetapi tadi *you* sebutkan bahawa RM100,000, itukah kos rendah, RM100,000 untuk rakyat Selangor? Jadi di mana projek? Bila akan mula? Bila akan memberi tawaran kepada penduduk selama 3 tahun 7 bulan tak nampak kos rendah lagi. Di mana projeknya?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Kuala Kubu. Saya ucapkan terima kasihlah kepada Kuala Kubu atas pujian dan sebagainya walau bagaimanapun saya minta Kuala Kubu tolong nasihatkan teman-teman pembangkang yang lainlah dan kalau nak jadi pembangkang biar bertanggungjawab janganlah datang pagi petang tak datang. Ini memalukan, malu kepada rakyat. Kita bayar gaji bulan naik tapi tak datang dan seterusnya berkenaan dengan mana rumah mampu milik yang dibina oleh PKNS nampaknya Kuala Kubu kena banyak baca Selangorkini lah, beliau tidak membaca Selangorkini. Walaupun saya tahu mungkin berlainan ideologi, kiblat berlainan tetapi Selangorkini yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri boleh baca sekali sekala tak salah, tak akan terganggu akidah, tak ada, terpesong akidah tidak. Baca Selangorkini akan tahu akan faham mana kita buat rumah mampu milik, boleh pergi ke EXCO Perumahan aturkan masa jemput Kuala Kubu pergi ke mana rumah Bangi tengok rumah mampu milik yang kita buat. Kalau tak ada rumah mampu milik nanti kita baru bincang balik.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ok.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Sekinchan faham ataupun tahu juga tentang projek rumah mampu milik yang disiapkan selepas Mac 2008, mari sini saya baca. Saya ingin Yang Berhormat tahu atau tidak, saya baca sikit-sikitlah. Pangsapuri Taman Pesona – 500 unit, Taman Andalas 28 unit, Taman 30 unit, Taman Pinggiran Batu Caves - 196 unit, Apartmen Taman Tema Selayang - 220 unit, Taman Hulu Langat Jaya – 36 unit, Taman Wawasan Tanjung Karang – 33 unit, Taman Yayasan Kuala Selangor - 77 unit, Pangsapuri Pinggiran Subang- 580 unit, Pangsapuri – 369 unit. Itu selepas Mac 2008. Tahun 2011 Apartmen Sri Puteri Shah Alam – 200 unit, RKRUK Bestari - 146 unit, Saujana Putera - 177 unit, Lestari Putera -86 unit, Saujana Putera – 110 unit, Putera Kondo Sepang – 300 unit.

Jadi ingin bertanya adakah Yang Berhormat faham bahawa kita telah membina rumah-rumah ini.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ya terima kasih kepada Kampung Tunku kerana telah memperkuat hujah dan beri bukti yang begitu bernas kepada Kuala Kubu supaya Kuala Kubu faham di mana tanggungjawab Kerajaan Negeri kita tidak pernah abai tanggungjawab kita untuk membela golongan rakyat termiskin di Negeri Selangor, ini tanggungjawab kita. Kuala Kubu Baru ada lagi. Ok.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Terima kasih Tuan Speaker, itu sebab saya tak faham, saya hendak tanya projek-projek yang sudah siap ini adalah projek berterusan daripada BN kah atau projek yang selepas pemerintahan PR?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Kuala Kubu. Sebagai sebuah kerajaan yang didukung oleh rakyat, mendapat mandat penuh daripada rakyat kita punya tanggungjawab tidak kira sebelum BN dan selepas BN kita perlu buat sebab masalah di Bukit Botak kalau kira tak boleh buat sebab masalah BN dulu tapi di atas kapasiti sebagai kerajaan yang didukung oleh rakyat negeri Selangor kita kena selesaikan jadi soal itu tidak timbul kalau tidak timbul perkara polemik politik ini, penat kita, tak ada masa nak jaga negeri dengan baik. Saya rasa hujah ini tentu Yang Amat Berhormat Tan Sri setuju. Seterusnya Tuan Speaker, saya terus kepada bajet.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ada lagi Sungai Pelek. Ok.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Setuju. Dasar-dasar kerajaan dahulu dan sekarang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan yang menerajui. Soalnya Bukit Botak itu dahulunya yang hendak bikin bukan murah sekarang yang apa Sekinchan cakap adalah PKNS mengeluarkan duit berapa juta ? RM4 juta untuk menolong, RM78 juta untuk menjayakan projek ini tapi hakikatnya projek ini bukan projek kos rumah rendah yang dapat dimiliki oleh golongan berpendapatan rendah. Setakat RM100,000 hingga RM150,000 rasa saya kalau gaji sekurang-kurangnya perlu RM3, 000 hingga RM5, 000 jadi berapakah rumah kos rendah di Bukit Botak?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih untuk Yang Berhormat daripada Sungai Pelek. Saya nak bagi nasihat kepada Sungai Pelek. Zaman sudah berubah, sekarang ini zaman globalisasi, zaman dunia tanpa sempadan. Kita tidak boleh terus hidup zaman 60- an, zaman 70-an, zaman 80-an di mana kos saraan hidup tika itu dengan zaman sekarang lain. Dulu tahun 70 – 80 rumah dalam setakat RM40,000.00 lebih ribu boleh munasabah untuk rumah kos rendah. Tetapi bagi negeri Selangor untuk terus maju ke depan. Negeri Selangor peneraju ekonomi utama di seluruh Malaysia, maka kos hidup di negeri Selangor, rumah kos rendah sekarang ini, kita dah tarik tidak boleh lagi pada RM40,000 lebih. Jadi kita kena buat anjakan paradigma. Jangan terus, ya berada di takuk yang lama. Jadi ini kita tidak akan progresif. Tidak akan maju ke depan. Jadi perkara itu tidak perlu dipanjangkan, maka kita kena selaras dengan peredaran dunia. Dan seterusnya.....

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat. Yang Berhormat. Tunggu dulu. Ya, Batu Caves ada nak bertanya?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Saya nak minta penjelasan sedikit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ok, terima kasih.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih, Sekinchan. Saya dengar daripada luar sampai ke dalam dan saya dengar tadi Taman Templer. Saya rasa dalam isu.....saya nak minta penjelasan. Daripada isu Bukit Botak, jangan mengambil fakta yang separa. Kepada rumah-rumah ataupun setinggan-setinggan ataupun peneroka bandar yang ditawarkan. Rumahnya harga RM99,000. Kalau dia menolak, Kerajaan akan membeli balik dan membayar kepada mereka RM70,000. Ia jauh daripada nilai RM7,000 subsidi yang ditawarkan oleh Kerajaan sebelum ini. Apa pandangan Sekinchan?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, Batu Caves. Inilah bukti satu Kerajaan yang cukup prihatin. Kita ambil contohlah, tak perlu pergi jauh sangat. Sekarang Perdana Menteri, Y.A.B. Perdana Menteri kita war-war sana sini konon hebat nak bina rumah juga untuk rakyat. Tapi berapa harga dia? RM220,000 paling kurang. Ha, tengok kalau beza dengan..... Nak naik jadi RM400,000.00. Kita tak nak bicara soal RM400,000 bicara RM200,000 lebih. Berbanding dengan kita mampu milik negeri Selangor. Jauh beza. Jadi, kenapa mereka tak nak buat RM40,000 lebih. Ha, itulah, kita harus ambil perkiraan di sini. Dunia dah lain. Kos hidup pun lain, material pun sudah lain. Barang-barang material pembinaan pun dah naik dengan mendadak. Jadi tak perlulah cuba kita nak heboh-hebohkan kononnya kita tidak membuat rumah kos rendah.

Dan seterusnya Tuan Speaker. Dalam dewan yang mulia, saya ingin menekan. Setelah meneliti dan memperhalusi kandungan belanjawan reformasi yang bertemakan 'Selangorku', 'Hasil Negeri Untuk Rakyat 2012'. Di negeri Selangor, saya mendapati ia merangkumi semua aspek sosioekonomi, pendidikan, kebudayaan, pembangunan wanita, modal insan, pembangunan belia, kebajikan rakyat dan sebagainya yang diperlukan untuk memastikan kesinambungan pembangunan negeri Selangor. Pada masa yang sama, pendekatan yang diambil oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar juga amat bertanggungjawab, amat bertanggungjawab dan sesuai serta berhemah mengurus kewangan negeri di atas landasan, landasan yang betul. Dengan erti kata lain, kita berbelanja mengikut keperluan dan juga kemampuan. Ada sesuatu yang unik dalam pembentangan belanjawan kali ini dan saya cukup bangga dengan cara pengurusan kewangan yang berhemah dan bertanggungjawab. Y.A.B. Dato' Menteri Besar mengamalkan prinsip belanja mengikut pendapatan dan kemampuan yang sedia ada iaitu di landasan kemampuan pendapatan, kemampuan kewangan kita yang realistik demi menjaga kepentingan rakyat negeri Selangor. Jangan kita belajar, jangan kita belajar mengurus kewangan dan berbelanja ikut cara Barisan Nasional. Ikut cara Barang Naik. Yang suka boros dan belanja luar daripada kemampuan pendapatan.

Walaupun mereka sedar akan implikasinya terhadap kedudukan kewangan yang semakin parah. Bajet defisit yang dibentangkan oleh Kerajaan Persekutuan, 15 tahun berturut-turut defisit. 15 tahun, kalau satu (1) tahun, dua (2) tahun mungkin boleh diterima. Kalau sebagai satu ketua keluarga isi rumah, setiap bulan memerlukan belanja RM5,000.00 sebagai contoh. Kalau isterinya membelanjakan RM7,000.00 pada bulan tersebut, untuk bulan tersebut mungkin ada sedikit *reserved* untuk kita tampung. Tapi bulan yang seterusnya RM7,000.00 lagi, mungkin menghadapi masalah. Bulan yang seterusnya RM7,000.00 lagi dan 15 bulan berturut-turut defisit, saya rasa pinjam Ah Long pun kena lari. Ha, inilah masalah kritikal perbezaan di antara Pakatan Rakyat, cara mengurus ekonomi. Jadi saya ingin beritahu pihak pembangkang, jangan demi untuk memancing undi dan menang dalam PRU akan datang. Cuba untuk menang, mereka tidak peduli kerana yang mereka utamakan adalah kuasa, untuk terus berkuasa supaya kepentingan suku sakat dan kroni dapat terus dipertahankan. Soal kepentingan rakyat hanya sekadar slogan waktu kempen Pilihan Raya sahaja bagi Barisan Nasional.

Tuan Speaker. Belanjawan reformasi 2012 yang memperuntukkan RM1,600 juta iaitu peningkatan sebanyak 11.89% berbanding dengan RM1,430 juta pada tahun yang lalu. Selain itu, berita terbaik buat seluruh rakyat negeri Selangor yang telah bijak mendukung dan mengangkat kepimpinan Y.A.B. Dato' Menteri Besar bersama seluruh barisan pentadbiran yang bekerja kuat, cekap, amanah dan bersih dari amalan rasuah dan kronisme. Justeru itu, geran Selangorku dengan peruntukan sebanyak RM300 juta akan dibelanjakan, telah diumumkan melalui MBI, Perbadanan Menteri Besar untuk faedah seluruh rakyat negeri Selangor. Inilah *value added* nya yang kita dapat daripada pemerintahan Pakatan Rakyat.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar kerana telah berjaya mengutip hutang-hutang. Hutang-hutang lapuk daripada syarikat Talam Corporation, sumbangan dividen daripada GLC negeri serta hasil penstrukturan projek *Canal City* dan keuntungan daripada pelaksanaan polisi pemilikan tanah mengikut harga pasaran. Ini yang menyebabkan kita dapat duit ini. Cuba kita bayangkan dalam tempoh masa tak sampai empat (4) tahun, Kerajaan Pakatan Rakyat sudah mampu lakukan reformasi. Ini untuk faedah seluruh rakyat. Insya-Allah, kalau ditakdirkan PRU 13 akan datang, Putrajaya milik Pakatan Rakyat, maka saya yakin dan percaya rakyat akan mendapat faedah yang lebih baik dan masa depan mereka yang akan lebih terjamin. Kita sedia maklum, sebentar tadi Y.A.B., sesi sebelah pagi kita dituduh, dituduh oleh pembangkang yang tidak bertanggungjawab. Ketua pembangkang mengatakan MBI, geran RM300 juta Selangorku ini adalah kerana, kita dapat duit ini bukan kerana kemampuan kita mengurus dengan baik, kerana kita jual harta. Ini satu pembohongan oleh Seri Serdang, oleh ketua pembangkang. Kita jual harta. Saya tanya, saya cabar. Kawan-kawan yang ada Kuala Kubu, Sungai Peleknya, Moribnya, Tanjung Sepatnya, Permatang tolong bagi butiran mana satu tanah kita jual? Butiran

secara terperinci. Jangan cuba nak tipu rakyat. Cuba bagi dan kita akan dengar dan kita sedia mendengar. Jangan tuduh melulu, kita jual tanah kononnya. Kita mengutip hutang, hutang dari mana? Hutang daripada Talam Corporation, milik siapa? Tan Sri Tan Ah Chai. Siapa dia? Kroni kepada Sungai Panjang, dulu, kini dan selamanya. Ha, hutang berapa kita kutip? Kita pernah dimaklumkan oleh dewan yang mulia ini, RM392 juta. Kalau ini daripada buku akaun kita dulu, tak ada tercatat hutang-hutang ini. Tetapi, mujurlah, nasib baik ada Menteri Besar kita. Seorang tokoh korporat yang handal, yang bukan keparat. Tak seperti mereka inilah. Jadi telah menyemak semula, audit semula, kejar semula. Akhirnya duit itu dapat dikembalikan kepada rakyat, kepada negeri Selangor untuk diberikan, demi manfaat, faedah rakyat negeri Selangor. Ini contoh dia, mana nak cari? Satu Menteri Besar yang pintar mengurus kewangan.

Dan seterusnya. Kita sedia maklum, *reserved* Kerajaan Negeri sewaktu tahun 2008 sekitar RM600 juta. Bagaimanapun, selepas tiga (3) tahun lebih Pakatan Rakyat menerajui negeri Selangor, kedudukan *reserved* telah bertambah dengan mendadak sehingga RM1,212 juta. Jumlah *reserved* yang tertinggi dalam tempoh 28 tahun. Simpanan tunai yang tinggi dan selesa pasti akan menambah keyakinan kepada pelabur terhadap kemampuan dan keupayaan pengurusan kewangan negeri Selangor. Sebagai contoh, iklim pelaburan di negeri Selangor yang semakin subur diyakini oleh pelabur telah berjaya menarik sejumlah RM5.2 bilion dalam tempoh suku tahun yang pertama tahun 2011. Ini adalah yang tertinggi jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain di Malaysia ini dan inilah antara contoh kejayaan Pakatan Rakyat.

Tuan Speaker. Tahniah dan syabas sekali lagi diucapkan kepada kepimpinan Y.A.B. Dato' Menteri Besar kerana telah mentadbir dan mengurus negeri Selangor dengan begitu cemerlang walaupun negeri Selangor menjadi sasaran, sering kali diserang bertubi-tubi, bertali arus daripada UMNO Barisan Nasional. Namun ia tidak sekalipun mematahkan semangat dan kesungguhan pimpinan negeri untuk terus membangunkan negeri demi untuk membela rakyat. Buktinya kita telah dalam tempoh tiga tahun, kita telah berjaya melaksanakan seluruh program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) seperti pemberian air percuma 20 meter padu, skim Mesra Usia Emas, TAWAS (Tabung Warisan Anak Selangor), hadiah masuk universiti RM1,000, program Kesihatan Wanita, Jom *Shopping* Bersama ADUN dan sebagainya. Hampir sekitar RM500 juta dalam tempoh tiga tahun lebih ini telah dibelanjakan. Angka sebesar ini membuktikan kepada kita bahawa kepimpinan yang telus, bertanggungjawab, amanah serta berintegriti pasti akan memberi manfaat yang terbaik kepada rakyat selaras dengan matlamat kerajaan negeri iaitu 'Selangorku, Hasil Negeri Untuk Rakyat'.

Sebagai contoh, saya nak petik sedikit tentang program-program yang telah berjaya dilaksanakan. Ini bukti, bukan omong-omong kosong. Program Jom *Shopping* Bersama ADUN telah mendapat sambutan yang cukup luar biasa daripada golongan warga emas di seluruh negeri Selangor. Tak kira mereka ini Melayu, Cina, India dan

sebagainya. Yang kita tekankan adalah anak Selangor. Rata-rata mereka terharu dengan keikhlasan dan keprihatinan kerajaan negeri yang tidak lupa kepada jasa dan khidmat bakti mereka ketika mereka masih muda untuk berjasa kepada negeri Selangor. Jasamu dikenang. Sehubungan itu, pada warga emas begitu gembira sewaktu menyertai program Jom *Shopping*. Sebagai ADUN, saya sudah enam (6) kali membawa warga emas ke pasar raya untuk sama-sama *shopping*. Walaupun nilai RM100.00 bukanlah sebesar mana kerana harga barangan semakin naik, padan dengan nama BN, barang naik. Namun, mereka sendiri meluahkan perasaan, pengalaman mereka kerana menurut mereka, ramai yang bagi tahu saya, umur 60 lebih sampai sekarang tidak pernah disanjung oleh Kerajaan yang lalu. Yang mereka dapat, yang mereka harus bayar adalah cukai-cukai termasuk saman dan penghargaan daripada kerajaan negeri tak pernah. Baru ini pertama kali, walaupun RM100.00, mereka cukup gembira dan puas hati. Ini dia, cara Kerajaan Negeri Selangor mengurus tadbir hasil negeri untuk rakyat dan saya yakin kalau pengurusan hasil pasir oleh Kumpulan Semesta bertambah pada masa-masa akan datang tahun hadapan, manfaat kepentingan pada warga emas akan lebih kita sanjung, akan diberi peruntukan yang lebih pada masa akan datang. Kita minta Y.A.B. Dato' Menteri Besar pertimbangkan mengikut masa ke semasa.

Tuan Speaker. Saya ingin membangkitkan satu perkara yang sangat mustahak untuk diselesaikan dengan kadar segera. Isu cadangan pembinaan Pusat Kebudayaan Cina dan India adalah lanjutan daripada cadangan Kerajaan yang lalu. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab kita wajar membuat kajian terperinci tentang keperluan cadangan tersebut memandangkan ia memang sesuai untuk dibangunkan. Dalam usaha kita memelihara budaya masyarakat majmuk di negeri Selangor, maka dengan itu cadangan tersebut telah ditambah dengan pembinaan Pusat Kebudayaan Melayu yang pada asal oleh kerajaan yang lalu tidak dimasukkan. Saya yakin dan percaya bahawa warisan budaya kita yang kaya dengan sejarah dan penuh dengan keunikan serta kepelbagaian pasti dapat dikembangkan dengan meluas khusus dalam konteks dijadikan Pusat Kebudayaan ini sebagai satu lagi destinasi tarikan pelancongan yang unik. Oleh yang demikian, saya menyokong supaya pelaksanaan tersebut dapat disegerakan tanpa melengah-lengahkan masa. Akan tetapi sehingga hari ini, selepas tiga tahun kita memerintah, cadangan tetap dengan cadangannya. Persoalannya kenapa sudah tiga tahun, kerja-kerja pembinaan tidak dapat dilaksanakan, dijalankan. Apakah kekangan, apakah masalah yang wujud sehingga terus dengan cadangan sahaja bagaikan lepas batuk di tangga. Saya meminta EXCO yang berkenaan tolong berikan penjelasan yang *detail* tanpa berdolak-dalih dengan 1001 macam alasan. Saya kesal beberapa jawapan sebelum ini. Saya kesal di mana apabila diajukan perkara permasalahan, berbagai alasan diberikan. Tiada penyelesaian. Seolah-olah begitu sukar dilaksanakan. Kalau tak silap saya isu ini sudah bertukar tangan daripada EXCO A hingga ke EXCO B dan kemudiannya ke

EXCO C. Nampaknya semua sudah dijadikan bola untuk dihantar dan dilontarkan ke sana sini tanpa sasaran. Bola yang hilang hala tuju itu memeningkan kepada YAB Tan Sri selaku pengadil. Cara menangani isu seperti hantaran bola akan memberi gambaran yang cukup negatif terhadap imej pentadbiran kerajaan negeri yang cukup lembap kepada rakyat jelata. Di samping itu, isu ini telah dijadikan, digunakan, dieksploitasi serta digembar-gemburkan oleh pihak pembangkang yang mutakhir ini sudah ketandusan isu untuk menarik sokongan rakyat. Maka mereka gunakan isu pusat kebudayaan ini untuk menyerang kita. Sehubungan itu saya meminta kerajaan negeri, EXCO yang bertanggungjawab bagi satu *time frame* kapan boleh lakukan, jadi kerana alasan teknikal dan sebagainya kita sebagai kerajaan wajib ada satu matlamat, *time frame* supaya perkara ini dapat disampaikan dalam tempoh masa yang kita jangka dan rakyat gembira kerana budaya kepelbagaian ini tetap didokong oleh masyarakat majmuk ini.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Sungai Pelek berdiri.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Haa..Sungai Pelek lagi. Ok.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Sekinchan. Ungkit pemikiran saya ingatan saya tetapi bukan yang disebut oleh Sekinchan memutarbelitkan Pusat Kebudayaan Cina dan India dan tiada pun kawan-kawan saya menggunakan isu untuk mengaut undi pada Pilihan raya yang akan datang. Saya masih ingat lagi Sekinchan mengatakan di dalam dewan yang mulia ini bagilah sedikit masa, baru kita menjadi Kerajaan seperti mana yang disebut dalam dewan ini. Kalau nak cari pasangan pun perlu ada masa, selepas itu kahwin pun kena ada masa, kemudian dapatkan cahaya mata, anaklah pun perlu ada masa. Sehingga hari ini, 3 tahun 8 bulan 2 hari Pusat Kebudayaan Cina masih macam tu. Jadi saya tak tahu, saya sokong kepada Sekinchan bahawa perkara ini perlu dilaksanakan. Itulah, kadang-kadang jangan anggap apa yang Sekinchan buat dan letak di atas bahu Barisan Nasional bahawa kita menggunakan isu ini memutarbelitkan isu ini tidak, tidak sama sekali. Kita soal dalam dewan selepas tu tunggu dan tengok apa Kerajaan yang buat. Jadi saya setuju dengan Sekinchan.

TUAN SPEAKER : Ini bukan minta penjelasan. Kalau Ahli Yang Berhormat buat, nak buat ucapan bila minta penjelasan saya akan tolak masa daripada masa bila Yang Berhormat berbahas nanti. Ya, sila.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Tuan Speaker. Saya mohon laluan tadi.

TUAN SPEAKER : Laluan untuk minta penjelasan, baca peraturan. Laluan bukan untuk memberi penjelasan. Laluan adalah untuk meminta penjelasan. Sila.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, ya banyak kita mungkin dalam dari banyak kiblat kita berlainan dalam politik tetapi dalam isu ini konteks ini apa yang dinyatakan oleh Sungai Pelek ini saya setuju dan kita sama-sama minta Kerajaan cepat siapkan Pusat Kebudayaan ini, konteks ini memang betul, ada kelewatan ada lambat minta supaya cepat dilakukan. Tuan Speaker, saya terpanggil untuk menyatakan permasalahan ini bukan kerana ada dendam dengan siapa-siapa, EXCO dan sebagainya tetapi adalah satu tanggungjawab sebagai Ahli Dewan yang mahukan semua perancangan yang terbaik, tersusun dari kerajaan negeri dapat di segera dilaksanakan demi kebaikan, kesejahteraan dan kepentingan rakyat negeri Selangor. Kalau kita terus lambat-lambatkan saya khuatir kos-kos pembinaan yang kita jangkakan yang kita anggarkan dulu akan berlipat ganda. Ini akan menjadikan satu bebanan kepada Kerajaan. Tuan Speaker, setelah meneliti Laporan Ketua Audit Negara terhadap aktiviti Jabatan dan Agensi Negeri Selangor khususnya pengauditan dan teguran terhadap Jabatan Kerja Raya. Saya terkejut dengan cara pengurusan JKR yang masih menganugerahkan projek lebih RM500,000 melalui rundingan terus, rundingan terus yang tanpa melalui tender terbuka. Projek menaik taraf Jalan Klang Lama, Daerah Petaling yang dilakukan secara rundingan terus bernilai RM19 juta kalau kita renung kembali sejarah dan pengalaman lalu terdapat banyak projek yang dilakukan secara rundingan terus akhirnya pasti mengundang seribu satu macam masalah sampingan yang tidak sepatutnya berlaku kepada Kerajaan Negeri. Dalam konteks kes Projek naik taraf Jalan Klang Lama ini telah berlaku kelewatan selama 23 bulan untuk tempoh siap kerja dari jadual yang sepatutnya. Tambahan pula, sewaktu penganugerahan projek secara rundingan terus ini dijalankan, kedudukan kewangan syarikat berkenaan sangat lemah dan mengalami kerugian, di samping itu kualiti kerja tidak memuaskan dan banyak kerja yang dijalankan tidak mengikut kriteria yang ditetapkan. Saya kesal dengan pendedahan ini yang membuktikan kita bahawa cara pengurusan JKR Negeri yang jelas membelakangi dasar, dasar Kerajaan Negeri iaitu prinsip ketelusan, keupayaan, ke pertanggungjawaban serta '*value for money*'. Jangan kita lupa sejarah masa silam di mana kerajaan yang lalu iaitu UMNO-Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Berhormat Sungai Panjang telah membina sebatang jalan yang cukup mahal oleh JKR juga di dunia ini iaitu Jalan Cross Ban 4 dari Sekinchan menuju ke Sungai Hj Dorani sepanjang 20.5 km. Dengan cara rundingan cara yang sama juga iaitu '*Direct Nego*' rundingan terus kepada sebuah syarikat kronik yang lemah dari segi apa kedudukan kewangan dan prestasi kerja yang buruk dan mempunyai rekod apa, rekod 2 projek terbengkalai. Tidak boleh siap kerja terbengkalai oleh kerana dilakukan secara rundingan terus '*Direct Nego*' tanpa tender terbuka maka akhirnya kos projek tersebut, kita ambil pengalaman ini sekitar jangkakan permulaan RM60 juta telah naik secara mendadak kepada RM118 juta untuk menyiapkan jalan sepanjang 20.5 km, maknanya kos untuk setiap kilometer menelan belanja RM5.75 juta. Saya sifatkan jalan ini sebagai pernah saya bangkitkan dalam dewan banyak kali

cepat kaya dan cepat maut. Kerana syarikat yang dilantik untuk menjalankan kerja-kerja ini sudah kaya raya dalam sekelip mata. Manakala jalan yang disiapkan tidak mempunyai banyak pengguna dan tidak ekonomi serta sebaliknya telah dijadikan sebagai litar lumba '*Formula One*' untuk mat rempit kampung yang akhirnya mengundang berbagai kemalangan maut dan akhirnya meragut maut nyawa pengguna jalan raya. Oleh yang demikian, saya menyambut baik pendedahan Ketua Audit Negara ini terhadap JKR Negeri dan pertanyaan saya apakah rasionalnya pemberian projek RM500,000 ke atas ini secara rundingan terus kita wajib belajar pengalaman lalu yang daripada Sungai Panjang yang suka melakukan, melaksanakan projek Gajah Putih kita jangan ada sifat sedemikian, kesilapan yang lalu kita jangan ulangi. Bagaikan pisang jangan berbuah dua kali.

Tuan Speaker, Pakatan Rakyat sebagai pemegang amanah rakyat melalui mandat pada 8 Mac 2008 kita sudah pasti perlu sentiasa memperingati sesama kita tidak boleh lupa amanat ini setiap masa jangan leka sekali lagi rujuk kepada Laporan Ketua Audit yang baru dibentangkan di Dewan Rakyat memberi satu pengiktirafan telah memberi satu pengiktirafan yang tertinggi kepada kerajaan negeri Selangor. Tanya pada Kerajaan Negeri Selangor jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain di bawah Barisan Nasional seperti Terengganu, Pahang dan sebagainya jelas mereka jauh ketinggalan di belakang. Pencapaian Pakatan Rakyat bukan saja di Selangor malah juga di Pulau Pinang, Kedah dan Kelantan. Kita wajib soal rakyat wajib tahu masyarakat juga wajib mempersoalkan kenapa semua kerajaan di bawah pentadbiran Barisan Nasional rosak ataupun ketinggalan bagaikan rosak tapi kerana lagi mereka merampas tanah rakyat menyeleweng dana rakyat, saya akan huraikan siapa sebenar, sebenarnya yang jual tanah rakyat, yang rampas tanah rakyat seperti apa yang ditegaskan oleh Seri Serdang. Saya akan bagi satu dua contoh supaya rakyat faham siapa dewan yang mulia ini maklum. Satu contoh yang paling nyata UMNO tidak berani berdepan dengan Kerajaan Pakatan Rakyat maka dengan sifat kemunafikan politik sentiasa menaja persatuan-persatuan kebelakangan ini berbagai NGO muncul, NGO seperti PERKASA, PEKASAM dan sebagainya untuk melakukan kerja-kerja yang boleh mencetuskan ketegangan antara kaum dan syak wasangka dalam masyarakat. Saya minta pada pembangkang yang budiman ini tolong berhentikan kerja-kerja sabotaj ya cara menggunakan NGO, kalau berani tampil depan dengan muka UMNO jangan menggunakan muka NGO. Kalau, saya sedihlah kalau satu hari nanti MCA dan UMNO sudah tidak berani menyatakan yang mereka ini UMNO, mereka ini MCA terpaksa berpuak kepada NGO maka ini satu petunjuk di akhir zaman.

Tuan Speaker, pada hari ini di dalam dewan yang mulia ini saya ingin mendedahkan bukti-bukti atas kemunafikan UMNO Bahagian Kota Raja sambil bersubahat dengan mantan Menteri Besar Sungai Panjang pada PRU 12 yang lalu kerana telah meluluskan sebidang tanah seluas 4 ekar secara percuma. Ini kita Jawatankuasa Padat pun kita

pernah buat pendengaran secara tertutup dan kita mengesahkan untuk makluman dewan yang mulia ini UMNO Bahagian Kota Raja telah dianugerahkan sebidang tanah 4 ekar yang terletak di Shah Alam, Seksyen 25, Taman Sri Muda, Shah Alam semakan membuktikan pegawai pejabat tanah telah menjalankan tugas dengan profesional menerusi laporannya MMKN dukacitanya malangnya MMKN dan mantan Menteri Besar Sungai Panjang dan juga bekas ketua pembangkang yang di kambing hitamkan oleh UMNO sendiri kerana kes mahkamah dakwaan salah guna kuasa dengan Mahligai dan sebagainya. Hari ini saya bukan berniat untuk membincangkan kes beliau tetapi orang yang sama ya UMNO yang mewakili UMNO terlibat dalam merampas tanah rakyat. Maklumat lanjut tanah terlibat adalah Lot 18908, Seksyen 25, Taman Sri Muda, Bukit Kemuning, Mukim Klang antara pemohon terlibat UMNO Kota Raja melalui ADUN Sri Muda ketika itulah bukan sekarang. Sri Muda sekarang baik, yang bernama Dato' Hamzah bin Umar beralamat di No. 27, Jalan Mersing 31, Jalan Seri Andalas, 41200 Klang. Saya yakin semuanya akan terperanjat 4 ekar tanah kerajaan ini ber Lot 18908 ini bukan nombor ekor telah diberikan hak milik kan kepada UMNO Bahagian Kota Raja dengan syarat hanya dikenakan caj berapa caj nominal RM1,000 sahaja. 4 ekar RM1,000, bayangkan pengecualian premium telah diberikan kepada UMNO Bahagian Kota Raja. Untuk maklumat tambahan untuk mengelakkan UMNO daripada dikenakan cukai tanah dan cukai taksiran UMNO juga memaksa Pejabat Tanah keluaran geran hak milik di atas nama Majlis Bandar raya Shah Alam tetapi.

TUAN SPEAKER : Sri Muda bangun.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Sri Muda eh. Sri Muda, ini bukan Sri Muda yang dulu ini Sri Muda sekarang yang baik.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan juga Sekinchan. Sebenarnya Yang Berhormat Sekinchan sebutkan itu cuma satu pada puluhan yang dikesan dan saya nak tanya pada Yang Berhormat Sekinchan adakah Yang Berhormat Sekinchan tahu bahawa dalam DUN Sri Muda juga ada satu tapak Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Tun Tan Siew Tsin yang juga diberikan kepada Ketua UMNO Bahagian Kota Raja. Itu yang disebutkan dalam dewan hari ini dua kelakuan yang tak sepatutnya berlaku telah berlaku. Jadi tolong jelaskan Yang Berhormat.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ya, terima kasih di atas maklumat tambahan daripada Sri Muda ini memang terlalu banyak jika kita nak laporkan satu persatu saya cuma ambil contohlah supaya rakyat faham apa tuduhan mereka kononnya kita Y.A.B. Menteri Besar jual tanah pembohongan bukti tak ada. Ini kita bagi bukti saya tuduh dengan bukti saya tidak mahu memfitnah kerana fitnah dalam Islam itu lebih bahaya daripada membunuh. Saya tidak mahu, walaupun saya bukan Islam. Jadi Tuan Speaker, maka berjajalah UMNO menerusi teknik tipu helah, UMNO Kota Raja

merupakan pemilik sebenar tanah 4 ekar sambil dikecualikan cukai tanah dan cukai taksiran iaitu cukai pintu sehingga hari ini, seandainya UMNO sebagai parti politik yang bermaruah pemilikan tanah ini dilakukan sebelum kerajaan baru ambil alih pentadbiran saya ingin mencabar UMNO sekurang-kurangnya arahkan UMNO Kota Raja mengembalikan ataupun membayar segera premium tanah yang sepatutnya bayar kepada kerajaan negeri, kena bayar. Semua cukai tanah yang patut bayar kena bayar dan cukai taksiran yang sepatutnya bayar wajib bayar kepada Majlis Bandar raya Shah Alam sejak pemilikan itu diluluskan wajib bayar. Jika UMNO tidak berhasrat berbuat demikian saya ingin menyeru rakyat mendesak UMNO serah balik tanah inilah bagi Borang 6A serah balik kepada kerajaan negeri. Ini salah satu bukti harta, tanah rakyat dirampas oleh UMNO. Wajarliah slogan lagi satu projek oleh Barisan Nasional ditukar satu lagi 'Tanah Rakyat Dirampas oleh Barisan Nasional'.

Tuan Speaker, selain daripada itu, satu lagi kes ya sepintas lalu tanah di Seksyen 25, Shah Alam ni tanah mahal-mahal saya juga ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini skandal yang telah dilaporkan dalam Laporan Audit Negara satu ketika dulu ya pada 2008 penswastan pembangunan tapak kuarters Seksyen 20, Shah Alam antara Majlis Bandar raya Shah Alam dan khidmat syarikat dia Khidmat Makmur, khidmat jadi makmur Sdn Bhd. Laporan menunjukkan kepada rekod Majlis Bandar raya Shah Alam bahawa mesyuarat penuh MBSA kali ke empat sesi 1998-2000 pada bulan Oktober 1998 telah meluluskan pembangunan projek itu di antara syarat-syarat majlis adalah seperti berikut:

- a) Membina 3 blok bangunan lima tingkat di atas lot tanah lot 5 PT 508, 80 unit kuarters, luas lantai 902 kaki persegi, 40 unit kuarters 755 kaki persegi dengan kemudahan 3 bilik kesemuanya. Semua kos binaan ditanggung oleh Khidmah Makmor Sdn. Bhd. (KMSB) sepenuhnya. KMSB dikehendaki memulakan kerja dalam tempoh tiga bulan dari tarikh kelulusan pelan bangunan. KMSB tidak boleh sama sekali mencagarkan tanah ini untuk membiayai projek tersebut. Ha nampak tidak boleh pajak atau pun cagarkan tanah tersebut. MCA, Gerakan dan MIC hanya menjadi tukang angguk seperti janggut ikut lagu dalam BN jika MCA, Gerakan dan MIC berprinsip kenapa mereka upaya langsung menyekat ketirisan dan kebocoran serta penyelewengan dari terus berlaku dari dulu, kini dan selamanya. Kenapa MCA, Gerakan dan MIC tidak berani menghalang Datuk Bandar ketika itu untuk menggadaikan sebidang tanah atas nama penswastan di Seksyen 20, Shah Alam akhirnya projek tersebut terbengkalai, ramai pembeli rumah menanggung kesengsaraan, kerugian. Kena bayar ansuran pinjaman rumah tak siap terbengkalai.

Tuan Speaker, dalam kes ini tanah milik MBSA telah dibenarkan gadai kepada Bank Islam sejumlah berapa gadainya, RM18 juta. Dalam syarat tidak boleh pajak, gadai tapi digadai tanpa kelulusan dari Majlis. Sekali lagi jelas UMNO tipu duit rakyat menggadai harta pusaka rakyat. Mujurlah atas usaha dan inisiatif YAB Dato' Menteri Besar Pakatan Rakyat melalui rundingan berhemah projek ini dapat diselamatkan. Hari ini sudah siap sepenuhnya oleh sebuah syarikat penyelamat projek. Akan tetapi jangan kita lupa akan kerakusan telah mengakibatkan MBSA kehilangan sebidang tanah bernilai RM18 juta. Kita kena ingat siapa yang lakukan kerja-kerja hilangkan tanah pajak kepada bank RM18 juta seperti curahkan air di daun keladi semata-mata, kita mesti hentikan semua kepincangan, penyelewengan seperti ini jika tidak negeri kita dalam keadaan bagi pintu tak berpasak, bagai perahu tak berkemudi.

Tuan Speaker, seperti yang sebutkan tadi, kita perlu sentiasa mengingati amanah rakyat jangan bagaikan kacang lupakan kulit oleh yang demikian, saya juga ingin memohon izin saya sedikit mengemukakan teguran kepada kerajaan mudah-mudahan dapat supaya tidak lekalah kerana ada dapat kuasa kita tidak leka dalam usaha melaksanakan tugas-tugas.

Tuan Speaker, saya ingin mengembalikan mengambil kesempatan ini menyuarakan beberapa pandangan untuk menambah baik pentadbiran negeri Selangor. Hanya sedikit teguran, iaitu saya telah didatangi oleh sekumpulan penganut Agama Buddha mengadu anak syarikat kerajaan negeri Selangor sendiri tidak menunjukkan keteladanan yang baik kepada pemaju-pemaju swasta yang lain dalam konteks melaksanakan tanggungjawab sosialnya mengadakan rumah ibadat bukan Islam. Tuan Speaker, saya ingin merujuk kepada 5 Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor, Perkara KN 4-3 Kemudahan-kemudahan Keagamaan, Tempat Ibadat Selain Islam menetapkan kewajipan menyediakan satu tapak bagi 2,600 penganut. Akan tetapi contohnya Persatuan Penganut Agama Buddha Setia Alam telah meluahkan ketidakpuasan hati mereka kerana PKNS sendiri tidak menunjukkan teladan yang baik kepada pemaju swasta untuk menunaikan kewajipan dan tanggungjawab sosial itu.

Tuan Speaker saya difahamkan Ahli-ahli MBSA telah cuba membantu Penganut-penganut Buddha sampaikan kepada pengurusan PKNS dan semua Pengarah PKNS telah mesyuarat sebanyak 2 kali namun alasan yang mendukacitakan yang diberi kononnya telah diberikan kepada pemaju sekitar tapak pembangunan projek PKNS. Dalam konteks ini saya yakin saya ingin menyeru kerajaan negeri mengarahkan semua anak-anak syarikat dapat tunjukkan teladan, contoh yang baik kepada syarikat-syarikat swasta reformasi adalah pelaksanaan janji-janji dan kata-kata. Difahamkan juga dalam kawasan pentadbiran Bandar Raya Shah Alam, PKNS sekurang-kurangnya mempunyai 3 projek besar lagi meliputi kawasan 600 ekar tanah, dukacitanya makluman saya tidak

ada rizab tanah untuk rumah ibadat bukan Islam disediakan ini kita kena ambil perhatian. 3 projek yang dimaksudkan adalah:

- a) 163 ekar di Seksyen 13 Shah Alam di majukan melalui Tetuan Lebar Daun. Siapa Lebar Daun kita sedia maklum.
- b) 343 ekar di Presint 12, Seksyen U13 Shah Alam dimajukan oleh PKNS sendiri.
- c) 222 ekar di Presint 10, Seksyen U13 Shah Alam dimajukan oleh PKNS sendiri.

Tiada disediakan rizab tanah untuk rumah ibadat Bukan Islam. Saya bimbang sekiranya keadaan ini berlanjutan kerajaan negeri sendiri akan kehilangan kepercayaan, kredibiliti kerana anak syarikat sendiri tidak laksanakan dasar kerajaan. Bagaimanapun kita boleh memaksa syarikat swasta buat kerja, sedangkan anak syarikat tidak menunjukkan contoh bagaikan ketam mengajar anaknya jalan lurus. Selain dari kegagalan menunjukkan contoh yang baik kepada pihak swasta, yang lebih saya kluatir dengan ketiadaan tanah rizab rumah ibadat selain Islam akan menyebabkan kepada penganut-penganut mendirikan pusat-pusat...

TUAN SPEAKER : Ya.. Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ok, ok

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Terima kasih. Soalan saya adakah wajib sebagai Pengurus PKNS menerima elaun dan gaji sebanyak RM1.4 juta setahun dan tidak dapat selesaikan masalah khasnya keutamaan agama yang lain.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Baharu

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Kampung Tunku pula, KKB, Kuala Kubu Baharu ya. Terima kasih. Soal gaji itu akan dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sebab saya bukan Menteri Besar tak boleh jawab soal gajilah. Sebab saya nanti terlebih orang kata saya nak jadi Menteri Besar. Ada cita-cita tapi itu lainlah itu takdir Tuhan yang menentukan. Hanya Tuhan yang menentukan. Sungai Pelek, nak cakap ke apa....ok, ok.

TUAN SPEAKER : Pasang mik

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Sekinchan, terima kasih Tuan Speaker. Saya dengar tadi Pusat Kebudayaan China dan India, lantikan terus syarikat-syarikat untuk projek-projek kerajaan negeri, sekarang rumah ibadat Bukan Islam, Sekinchan

mengutuk kuat-kuat kerajaan negeri Selangor tahniah, syabas jadi jawab soalan saya, apakah ini kerajaan yang dikatakan kononnya sebelah sanalah mengatakan *good governance* pentadbiran yang bagus, sila beri penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Sungai Pelek. Tiada kerajaan di dunia ini yang terbaik, tiada. Ya. Tiada satu manusia yang terbaik tak ada mesti ada kelemahan, kerajaan pun ada kelemahan. Saya kena akur ya dan saya sebagai ahli *back venture* bagi pihak kerajaan sebelum ini saya pernah jadi pembangkang. Saya pilih jadi pembangkang saya duduk sebelah sana. Saya pernah 1 lawan 54. Tak lesu macam sekarang 20 lawan 36 tak lesu. Tapi ni lesu. Ini masalahnya tak apa. Walau bagaimana pun, perkara yang tak betul kita kena tegur kerajaan. Sayangkan anak tangan-tangankan, sayangkan bini cubit-cubitkan sikit. Kena tangan-tangankan. Jangan kita asyik bagi bodek. Jangan jadi macam Perdana Menteri Dato' Najib Tun Razak. Wakil Barisan Nasional asyik bodek saja. Cincin pun bodek, bonus pun bodek, lembu banyak pun bodek. Nak kena tegur.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Minta laluan.

TUAN SPEAKER : Sri Muda

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Sebenarnya apa yang dikemukakan oleh Sekinchan secara tidak langsung bahawa pembangkang tidak berfungsi di dalam Dewan Negeri ini. Jadi teguran itu terpaksa dilakukan oleh kita ahli BBC dan adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan itu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Aa.. terima kasih Sri Muda yang *handsome* dikatakan oleh Sri Serdang saya juga setuju. Saya setuju fungsi pembangkang pada sidang penggal kali inilah cukup lesu. Nanti saya akan nyatakan butiran kenapa saya kata lesu dan tidak berfungsi. Walau bagaimana pun, saya mengalu-alukan peranan pihak pembangkang untuk menegur kerajaan negeri dan membagi fakta, hujah yang benar dan teguran yang membina dan ini sebuah kerajaan kita mengalu-alukan peranan pembangkang. Tuan Speaker pusat-pusat beribadat tempat-tempat yang tidak bersesuaian saya kluatir mereka yang tidak diberikan tanah rizab akhirnya mereka akan bina di sini di sana ya.. jadi kemungkinan akan timbul tempat-tempat yang tidak sesuai dan timbul tragedi kekecohan seperti perarakan oleh pihak-pihak tertentu bawa kepala lembu dan sebagainya. Ini kita tak hendak. Ini tak nak jangan biarkan perkara sebegini berlaku. Dan seterusnya Tuan Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini juga isu yang berkaitan juga, pemaju Seksyen U13 Bandar Setia Alam. Saya nak bagi Dewan yang mulia Setia Alam di Shah Alam ni satu bandar yang moden yang dimajukan dengan pesat. Tumpuan demi tumpuan kepada Setia Alam. Tetuan SP Setia juga sedang memohon mengubah pindaan rancangan tempatan 2020 MBSA

yang baru saja tamat tempoh bantahan rasmi pada pukul 4.00 petang, 8 November 2011. Pemaju sedang memohon untuk apa untuk meningkatkan blok ratio pembangunan 1:4 kepada 1:5 bagi *international zone* perniagaan pusat bandar Setia Alam bagi tapak seluas 240 ekar bersamaan dengan 10,494 kaki persegi. Perkara ini boleh rujuk kepada buku daftar Draf Rancangan Tempatan Majlis Bandar Raya Shah Alam Penggubahan 1 (2020) perkara 4 Bilangan 90 muka surat 150. Lebih dari separuh penghuni di kawasan Setia Alam adalah masyarakat China yang beragama Buddha. Permintaan mereka memang sejajar dengan garis panduan dan piawaian perancangan negeri Selangor yang telah diluluskan. Pemakaian di Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 27 Oktober 2010, saya menyeru semua Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan kerajaan negeri Selangor ambil berat tentang perkara ini. Jangan pula apa Ahli Lembaga Pengarah yang suruh mereka sendiri pergi berunding dengan PKNS dengan alasan pelan susun atur telah lulus lebih awal, tidak boleh diterima lagi kerana kawasan ini belum lagi habis dibangunkan. Oleh itu kerajaan wajib beri perhatian yang serius dalam perkara ini. Kita jangan semua sudah diluluskan baru kita nak bantah dan sebagainya agak dah lambat. Sebelum sesuatu nasi menjadi bubur saya minta kerajaan ambil tindakan untuk mengatasi masalah tersebut.

Dan seterusnya dalam usaha kita membangunkan negeri Selangor saya ingin menarik perhatian kerajaan negeri jawatankuasa berkaitan dengan er.....supaya lebih berhati-hati dalam perancangan sistem jalan raya trafik apabila meluluskan permohonan pindaan pelan susun atur pembangunan daripada mana-mana pemaju. Saya nak bongkarkan satu, satu kelakuan ini telah, yang berlaku dengan pindaan susun atur. Negeri Selangor sebagai negeri yang paling maju dalam negara mempunyai tahap ekonomi yang terbaik dalam negara. Pendapatan per-kapita yang tinggi yang membolehkan ramai daripada warga negeri Selangor memiliki kenderaan sendiri ada setengah orang sampai 3 – 4 kereta, 5 kereta pun ada. Keadaan ini telah bertambah lagi terok apabila kerajaan Barisan Nasional Persekutuan gagal menyediakan sistem pengangkutan awam *public transport* yang cekap. Dana-dana awam diseleweng beribu juta ringgit tetapi *public transport* tidak disediakan. Demi kroni seperti kroni seperti dalam skandal PKFZ, *Feedlot* kebangsaan, *National Feedlot* yang bunyinya di seleweng, memalukan seluruh rakyat Malaysia. Akibatnya rakyat Selangor tanggung sengsara atas ketidak keupayaan, ketidakmampuan Kerajaan Pusat dalam pengurusan dana awam dan juga pengangkutan awam. Dan dalam itu apabila sesuatu permohonan mahupun pindaan pelan susun atur, laporan kajian impak *traffic, traffic impact assessment* yang terperinci wajib dikaji dengan mendalam. Jika kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dari gagal dalam soal ini, nasib malang akan menimpa rakyat Selangor yang saban hari menghadapi kesesakan lalu lintas walaupun di depan pintu rumah. Ini di setengah-setengah tempat.

Tuan Speaker, izinkan saya petik satu contoh pemahaman saya, pengetahuan saya yang paling dekat dengan ibu negeri Selangor iaitu Kota Kemuning, Shah Alam. Hanya kurang daripada 10 kilometer daripada Dewan yang mulia ini penghuni Kota Kemuning memohon agar saya utarakan / bangkitkan perkara ini untuk pengetahuan dan tindakan lanjut kerajaan negeri Selangor. Isu pokok adalah dalam pelan susun atur asal kedua-dua kelulusan tahun 2005, pemaju telah disyaratkan oleh MBSA untuk membina sebuah *ramp* ataupun *flyover* berdekatan dengan gerbang Kota Kemuning, terus memasuki ke Persiaran Malaksis iaitu pusat bandar Kota Kemuning.

Walau bagaimanapun malang tidak berbau, saya difahamkan juga pada tahun 2009 MBSA telah meluluskan pembinaan dan ini dikecualikan *flyover* ini tanpa membina laluan alternatif untuk mengatasi peningkatan kesesakan lalu lintas yang kian meningkat setiap hari. Menurut maklumat Persatuan Penduduk Kota Kemuning telah menghantar surat bantahan kepada Majlis Bandar Raya Shah Alam dan Pejabat Dato' Menteri Besar akan tetapi tiada maklum balas diberikan kepada pihak Persatuan Penduduk. Saya amat bimbang pengecualian yang mudah sedemikian akan mewujudkan satu situasi di mana kepentingan awam akan terabai dan keuntungan pihak pemaju terus bertambah. Ini sesuatu yang tidak patut kita galakan, tidak sihat. Semakan tidak rasmi saya agak memeranjatkan di mana alasan permohonan pemaju adalah laluan trafik telah berkurangan. Laluan trafik telah berkurangan. Saya mohon kerajaan negeri dan PBT kaji semula kelulusan ini serentak dengan itu jika hujah laluan trafik telah berkurangan yang melucu ini boleh diterima pakai akan terdapat lebih banyak lagi pemaju akan gunakan alasan yang sama untuk elak, untuk sengaja elak tidak mahu membina sistem jalan raya yang sepatutnya tanggungjawab mereka jika benar trafik berkurangan bagi berbanding dengan beberapa tahun yang lalu. Jadi kita jangan biarkan. Kalau betul kawasan tersebut trafiknya berkurangan kenapa kita hendak, kenapa kita mesti bina jalan raya Kemuning - Shah Alam (LKSA) sudah tidak diperlukan. Kalau kita rasakan trafik ini tak cukup banyak tak perlu buat *highway* di situ. Oleh kerana kesesakan akan baru ada buat *highway* dan sebagainya. Jadi kita tidak boleh sewenang-wenangnya membiarkan, mengecualikan mana-mana pemaju. Kita harus ambil tindakan yang keras terhadap mereka.

Saya menyeru kerajaan negeri melihat semula kesahihan kesulitan ini, jika gagal selesai perkara ini, ramai penghuni akan sengsara dengan kesesakan ini. Dan ini juga akan menyebabkan mereka tidur dalam keadaan tertekan kerana kesesakan lalu lintas.

Tuan Speaker, pada masa yang sama satu lagi isu yang cuba saya ambil kesempatan oleh pihak pembangkang berkaitan laporan ketua polis di mana dalam surat khabar minggu lalu telah dipaparkan tentang kerugian sejumlah lebih kurang RM200 juta yang dialami oleh Kumpulan Darul Ehsan (KDEB) kerana memberi air percuma kepada rakyat negeri Selangor. Kita sedia maklum, KDEB adalah syarikat milik penuh 100% kerajaan negeri. Pakatan Rakyat mendapat mandat daripada rakyat Selangor pada

PRU 12 yang lalu, maknanya mandat kita dari rakyat bukan seperti ada negeri yang mandat kerajaan bukan dipilih oleh rakyat. Tetapi mandat mereka rampas ala lanun daripada rakyat. Saya sebagai rakyat negeri Selangor cukup kagum terhadap usaha dan kepedulian kerajaan negeri pimpinan Y.A.B Tan Sri yang jiwa besar sanggup rugi, sanggup rugi demi rakyat, demi kebajikan rakyat. Ini jelas, ini bukti jelas perbezaan Pakatan Rakyat dengan Barisan Nasional. Kita sanggup rugi demi rakyat. Sementara itu Barisan Nasional juga sanggup rugi, Barisan juga sanggup rugi, mereka sanggup rugi dan habiskan wang rakyat berpuluh-puluh juta ringgit bukan untuk rakyat tetapi untuk suku sakat kroni-kroni mereka. Kita bagi air percuma 20 meter padu untuk rakyat, mereka cuba nak jadi hero, kononnya wang rakyat sudah lesap dan cuba nak pertahankan hak rakyat. Persoalannya bagaimanakah projek-projek bil out, projek yang ternyata menguntungkan kroni, merugikan rakyat seperti yang saya sebutkan tadi Perbadanan Feedlot Kebangsaan yang bernilai RM250 juta dengan lembunya, siapakah yang mendapat daripada lembu-lembu tersebut, tidak lain tidak bukan keluarga menteri. Bagaimana pula dengan projek Konsesi Lebuhraya Utara Selatan, Perjanjian Konsesi Bekalan Air Negeri Selangor dengan Syarikat SYABAS pada ketika itu siapa yang tandatangan, kenapa berat sebelah, saksi wang rakyat sebanyak RM19 juta, RM19 bilion setahun untuk 4 syarikat, kroni penjana kuasa elektrik bebas, IPP dan sebagainya. Ha...ini bukti-bukti yang saya bangkitkan, bagaimana cara mereka lakonkan. Dan di Selangor wang rakyat kita salurkan kepada rakyat, bagi air percuma demi rakyat. Kita rugi demi rakyat.

Tuan Speaker, ingin saya tegaskan sekali lagi kerugian yang dialami oleh KDEB bukanlah disebabkan oleh amaran, salah kuasa, salah guna kuasa, penyelewengan, *build up* atau pun korupsi sebaliknya ialah semata-mata demi rakyat untuk kebajikan rakyat. Walau bagaimanapun, saya cukup yakin terhadap kebijaksanaan, kemampuan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang cukup kenal dengan seorang tokoh korporat sudah pasti beliau mempunyai perkiraan sendiri apabila selesainya rundingan dengan kerajaan negeri yang melalui penstrukturan semula bekalan air negeri Selangor dengan syarikat konsesi SYABAS dan kerajaan persekutuan, KDEB akan memperoleh keuntungan cukup besar kerana didapati terlalu banyak aset-aset air seperti paip air dan sebagainya milik negeri Selangor tidak dikira atau sengaja disembunyikan oleh pimpinan UMNO pada ketika itu ketika perjanjian ditandatangani. Saya difahamkan jumlah aset yang sudah diaudit yang terlepas pandanglah bagi mereka, UMNO selalu bagi tahu terlepas pandang, terlepas pandang (*cakap jawa - motone orak weroh*) tak nampak, berapa 12, RM12 bilion. Oleh itu kerajaan negeri tidak perlu khuatir terhadap kerugian tersebut, malah wajib teruskan kesinambungan bantuan pemberian air percuma kepada rakyat kerana melalui bantuan ini secara langsung sedikit sebanyak akan dapat meringankan bebanan rakyat jelata khususnya di luar bandar yang mutakhir ini dibelenggu oleh masalah hidup yang melampau tinggi.

Tuan Speaker,

TUAN SPEAKER: Sungai Pelek.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Oh... Sungai Pelek

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Sekinchan. Menyebut fasal air percuma 20 *metre cube* RM11.40 sen yang KDEB bagi. Saya ingin memohon sedikit penjelasan apa pandangan daripada Sekinchan sehingga hari ini masih banyak lagi rumah pangsapuri yang belum nikmati air percuma ini. Walhal juta-jutawan yang duduk di banglo-banglo atau semi-d mereka dapat menikmati 20 *metre cube* padu iaitu RM11.40. adakah ini yang disebut-sebut oleh pihak sebelah sana inilah Kerajaan yang adil, yang saksama. Mohon penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Sungai Pelek. Definisi untuk Sungai Pelek dengan saya berbeda. Kerajaan negeri Selangor merakatkan ekonomi. Hasil masuk kekayaan negeri untuk rakyat, maknanya kalau hasil negeri untuk rakyat tidak kira dia kaya, miskin dia rakyat Selangor dia berhak menikmati, maka dengan itu, walaupun dia ada banglo, air percuma tetap kita bagi, Ketua Pembangkang pun kita bagi, timbalannya dan sebagainya pun kita bagi, tanjung Sepat kalau, kita pun bagi kecuali dia tak nak, kena sain surat. Ha.. itu satu.

Yang keduanya, bersoal dengan rumah pangsapuri dan sebagainya meter dan sebagainya itu akan diuruskan oleh EXCO yang berkaitan secara berperingkat, bukan sehari kita dapat menyelesaikan semua masalah. Ha, ini saya cukup yakin pihak EXCO dengan kebijaksanaan kita boleh menyelesaikan. Saya yakin konsepnya tepat Merakatkan Ekonomi Hasil Negeri untuk rakyat Selangorku yang tercinta, ha, ini dia konsep.

Tuan Speaker, menyentuh sedikit tentang proses penstrukturan bekalan air yang terbantut. Kalau kita bicara soal air kita nak tanya jugalah sehingga hari ini antara syarikat kenapa syarikat SYABAS dan Puncak Niaga sampai hari ini tidak dapat selesai rundingan tersebut. Dan saya difahamkan bukan tidak dapat diselesaikan, mesyuarat yang diadakan pun kerajaan persekutuan sebagai satu kerajaan yang kononnya membela rakyat tetapi dalam mesyuarat mereka tidak minat bincang soal kepentingan rakyat Negeri Selangor. Yang mereka utamakan adalah kepentingan suku-sakat kroni SYABAS. Ha.. ini yang berlaku disebabkan itulah *tekan saiiki (cakap jawa)* dengan izin sampai hari ini Tanjung Sepat, Tanjung Sepat tolong jawab, tanjung Sepat ni kawan lama ni tolong jawab, sampai hari ini rundingan tidak dapat diselesaikan, bertahun-tahun kerajaan negeri Selangor bersungguh-sungguh sebab demi rakyat, kita bersungguh-sungguh. Kerajaan pusat juga bersungguh-sungguh demi kroni untuk menggalkan. Jadi saya rasa kita sudah tidak dapat sabar lagi, kita nak mengelakkan

sebab apa rundingan ini, pengambilan semula bekalan air ini tujuan kita murni iaitu nak mengelakkan tarif air di negeri Selangor daripada 71% yang diizinkan oleh Sungai Panjang bersama-sama konco-konconya semua, kalau kita izinkan naik 71% bagaimana rakyat di bawah ini. Maka dengan itu, kerajaan negeri mengambil inisiatif susun semula demi siapa, kebaikan kita semua. Pembangkang pun dapat manfaat. Tapi pembangkang, hai.... (mengeluh) saya pun tak tahulah. Kenalah tolong, beritahu supaya rundingan itu selesai, kenapa nak bantu kroni, kenapa nak bantu Tan Sri, SYABAS bantu lagi bukan sahaja bantu, bagi apa pinjaman *soft loan*, fulus, kasa, bagi duit lagi pun syarikat yang sudah tidak bermaya hampir bankrap, ha itu pun tak betul, kalau kasi kewangan bukan bankrap bukan kepentingan itu boria ketua pembangkang tetapi kerajaan pusat tolong dia, tolong kroni, pekan siapa, pekan rakyat negeri Selangor. Ini wajah sebenar Barisan Nasional. Tanjung Sepat tolonglah beritahu kerajaan pusat janganlah melakukan kerja seperti ini, kalau tidak tiada jalan lain saya rasa Tuan Speaker, ya. Jalinan seperti ini rakyat negeri Selangor kita doakan agar pilihan raya pada PRU Ke 13 akan datang kita tukar tumbangkan Barisan Nasional baru boleh selesai masalah ini (Dewan bergendang).

Tuan Speaker, menyentuh sedikit tentang kejayaan demi kejayaan yang dicapai oleh kerajaan negeri Pakatan Rakyat khususnya dalam konteks pembaharuan reformasi Dewan negeri yang lebih canggih dan inovatif jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain. Malah tidak keterlaluan sekiranya kita mengatakan taraf dan peranan fungsi Dewan Negeri Selangor di bawah pimpinan Dato' Tuan Speaker lebih ke hadapan daripada Parlimen, lebih elok, kemas, canggih daripada parlimen kerana Negeri Selangor sejak 8 Mac 2008 sewaktu berlakunya tsunami politik telah mula menubuhkan jawatankuasa pilihan, jawatankuasa pilihan khas SELCAT, Jawatankuasa PADAT, Jawatankuasa PBT, ABASS, untuk anak syarikat Pihak Berkuasa Tempatan dan boleh membantu memantau dan memperkasakan negeri supaya cekap dan amanah dan efektif.

Perkara ini tidak berlaku pada kerajaan yang lalu. Kerajaan yang lalu hanya satu jawatankuasa PAC. Saya sebagai ahli dalam PAC. Saya tahu kerajaan yang dulu tidak pentingkan jawatankuasa reformasi dalam Dewan. Perbincangan dalam Dewan pun, walaupun Ketua Pembangkang lebih-lebih setengah jam, Timbalan Pembangkang ataupun lain-lain wakil 15 minit, tak ada ruang langsung tapi di bawah Pakatan Rakyat yang secukupnya untuk Ahli-ahli Dewan menyertai perbincangan. Ini perbezaan Pakatan Rakyat dan Barisan Nasional, satu pencapaian yang luar biasa dan pada masa yang sama kita tubuhkan jawatankuasa untuk pantau perkara-perkara ini. Dan

Tuan Speaker, antara desakan dan tekanan rakyat melalui kebangkitan rakyat dalam himpunan BERSIH 2.0, kerajaan pusat melalui parlimen, baru sekarang kita tengok parlimen ada desakan daripada BERSIH 2.0, barulah parlimen akur nak tubuhkan satu

jawatankuasa (*select community*) untuk penambah baik, reformasi, pilihan raya. Selangor dah buat banyak *community* dah, parlimen baru nak buat. Siapa lebih ke depan? Negeri Selangor Darul Ehsan, Selangorku yang tercinta. Ini satu lagi.

Pada masa yang sama kita juga jangan terlalu gembira kerana masih ada satu tugas belum kita laksanakan dengan sepenuhnya. Saya ingin tegaskan di sini juga kepada Y.A.B. Tan Sri bersama EXCO barisannya dalam demokrasi praktis (semangat demokrasi yang sihat) *special of power* wajar dilaksanakan dengan menyeluruh secara holistik. Walaupun kita sudah membuat pembaharuan, reformasi dalam dewan tetapi masih ada satu kecacatan belum kita lakukan, belum kita sempurnakan iaitu Rang Undang-Undang Perkhidmatan Dewan Negeri Selangor iaitu SELESA. Kita dah bincang banyak kali dah. Sampai hari ini belum dilaksanakan. Saya harap perkara ini dapat dipertimbangkan. Laksanakanlah. Ada apa-apa masalah, kekangan, ada kekangan bagi tahu. Ya. Selesaikan. Dalam dunia ini tak ada benda yang tak dapat diselesaikan kalau keinginan, kemahuan itu ada. Pasti dapat diselesaikan. Kalau kita acuh tak acuh, selesa dengan kedudukan, *kelalen kabeh, lali semuo*. *Kelalen* tu lupa Tuan Speaker. Lupa semua, dah duduk EXCO, duduk Menteri Besar, lupa pada tanggungjawab untuk memperkasakan demokrasi, tak tahulah. Saya harap perkara ini dapat dijadikan sedikit iktibar untuk kita teruskan mereformasikan dewan kita sebagai dewan yang terunggul di negeri Malaysia ini.

Tuan Speaker,

Saya ingin meminta sedikit dalam bajet negeri Selangor 2012 di mana Jawatankuasa Tetap Pertanian telah diperuntukkan RM15juta dari Kota Anggerik dan pada masa yang sama saya ingin membangkitkan satu masalah yang selalu berlaku di Sabak Bernam, Tanjong Karang di mana musim-musim kering sering berlaku kekurangan air. Air tak cukup. Bendang kekeringan dan cari air daripada palong. Palong pun kering. Sungai tinggi, air terlalu rendah. Tak boleh masuk palong, petani inginkan / perlukan air tapi air tak cukup. Air percuma bagi kat rakyat, tapi air di palong tak cukup. Air untuk petani kurang. Hujan pun tak turun pada ketika itu maka sering berlaku setiap musim ada. Serius atau tidak? Sekarang ini air terlebih pula sampai banjir sawah. Ini yang berlaku di kawasan ya.

Sekinchan bicara sedikit tentang pertanian. Saya ingin nak mencadangkan supaya EXCO kita pertanian bersama Jabatan Pertanian, bersama Barat Laut kalau boleh mesyuarat dan bincang bagaimana cari penyelesaian khususnya menangani masalah kekurangan air sama ada kita boleh ikut jejak langkah negeri-negeri seperti Taiwan ataupun India di mana mereka menggunakan paip saluran (air bawah tanah) untuk melakukan kerja-kerja rutin pertanian mereka. Paip air ini mungkin tidak digunakan sepanjang masa hanya digunakan ketika kecemasan ketika perlu. Dan satu paip air ini ia bawah tanah akan salurkan setiap keping bendang untuk menyelesaikan masalah

petani. Fikirkan sama ada perkara ini dapat diimplementasikan demi kepentingan para petani.

Dan pada masa yang sama saya juga ingin sentuh sedikit tentang masalah petani di mana baru-baru ini dalam Laporan Audit, Menteri Pertanian kita telah lesapkan RM110 juta wang yang sepatutnya dibagi kepada rakyat kepada petani wang ini untuk insentif peningkatan hasil padi. Tapi telah dilaporkan wang itu tak turun, lesap. Dan ini satu perkara yang cukup serius. Rakyat termiskin ternanti-nantikan insentif ini tapi cara penyalurannya tak sampai. Ini satu pengkhianatan kepada rakyat miskin. Rakyat wajib dapat insentif ini sebab duit ini bukan duit bapak dia. Tidak. Duit ini adalah duit rakyat, wang rakyat. Jadi wajib kita manfaatkan, jaga dengan betul supaya cadangan kita, perancangan kita sampai kepada sasaran, jangan tersasar. Wujud kebocoran, ketirisan, *omong maling colong* (ada mencuri) dan sebagainya lesapkan wang tersebut. Maka dengan itu saya minta Y.B. EXCO panjangkan masalah ini kepada kementerian supaya kalau bolehlah insentif ini tidak perlulah. Tapi insentif ini ditukar kepada subsidi padi. Oleh kerana memandangkan subsidi padi sudah hampir 20 tahun tidak dinaikkan, tidak disemak, sekarang ini 100kg subsidi padi, kerajaan/kementerian bagi RM24.81 / 100kg. Sudah 20 tahun petani dapat. Jadi kita bagilah kenaikan kepada RM50 /100kg supaya wang yang nak dibantu petani ini salur terus kepada petani. Jangan melalui orang tengah. Orang tengah akhirnya tenggelam tengah-tengah. Duit pun lesap. Saya minta ini diperhalusi.

Dan seterusnya tentang saya ingin menyentuh sedikit tentang Belanjawan 2012 yang menekan pentingnya lestari (Pembangunan Lestari) pelancongan di negeri Selangor, saya kagum kerana saya ucapkan tahniah 'Tahun Melawat Negeri Selangor 2011' ini sasarannya / matlamatnya tercapai di mana pelancong-pelancong yang masuk ke negeri Selangor di 10 ikon utama semakin bertambah setiap hari. Inilah akan menambah kegiatan sosial ekonomi. Pada masa yang sama sebentar tadi (pagi) Bukit Lanjan (EXCO Pelancongan) itulah menyatakan DUN Sekinchan adalah di antara salah satu produk pelancongan *eco tourism* yang baru di negeri Selangor. Sekarang ini saban hari khususnya hari-hari kelepasan awam hujung minggu kalau pergi ke Kuala Selangor *jammed* 3 jam. Kerana apa? Ramai yang berpusu-pusu masuk ke Kuala Selangor dan Sekinchan. Tidak lupa Kuala Selangor lah ke Sekinchan. Mereka nak datang melawat dengan bendangnya yang terbentang luas. Lautan bendang yang terbentang luas dan dengan menikmati hasil laut yang segar dan sebagainya. Mereka tertarik dengan rumah burung (bukan dengan burungnya, bukan dengan Sungai Burongnya) tapi rumah burung walit. Saya kena tegaskan di sini. Dan mereka juga tertarik dengan buah-buahan tempatan yang unik dan sebagainya. Maka dengan itu, tarikan pelancongan ini telah menaikkan sosial taraf pendapatan pada petani di Sekinchan. Mereka rata-rata menyatakan kegembiraan tentang lambakan / ramainya pelancong yang masuk. Maka dengan itu untuk memperkasakan pelancongan di Sekinchan

sebagai satu destinasi baru *eco tourism* di negeri Selangor, saya minta Y.A.B sudilah kalau boleh saya cadangkan diadakan lagi satu produk yang baru iaitu muzium mini padi di Sekinchan supaya ramai pelawat / pelancong yang masuk ke Sekinchan, mereka juga dapat memahami kronologinya penanaman padi daripada waktu menanam hinggalah waktu menuai. Dan zaman-zaman dahulu apa peralatan yang mereka guna pakai waktu zaman nenek moyang kita, bagaimana susahnya petani-petani cucuk tanam untuk dapatkan padi sampai ke beras apa yang kita makan sekarang ini. Jadi kalau ada galeri seperti ini, mini muzium seperti ini saya yakin dan percaya ramai lagilah pelancong-pelancong seluruh Malaysia akan masuk ke Sekinchan dan taraf sosioekonomi rakyat di Sekinchan akan dapat ditingkatkan. Minta Y.A.B. Dato' Menteri Besar tolong bagi peruntukan ini kalau ada geran-geranlah. Geran Selangorku ini boleh ditolonglah dalam konteks ini.

Sekinchan sekarang ini sudah jadi *beautiful place* Sekinchan, Sekinchan *also shine*,(bahasa mandarin). Jadi, datanglah ke Sekinchan beramai-ramai. Saya kena juga kerana kita nak merakyatkan ekonomi Sekinchan, merakyatkan ekonomi selaras dengan konsep Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

Jadi, saya juga ingin petik lagi satu perkara sebelum saya habis / menamatkan perbahasan saya pada kali ini. Selama 3 tahun 7 bulan yang disebutkan oleh Sri Serdang dalam dewan yang mulia ini. Kita (Pakatan Rakyat) walaupun dilemparkan tuduhan macam-macam, tidak ada kesepakatan oleh ketua pembangkang tadi tetapi kita telah berjaya melaksanakan program-program yang kita tetapkan. Ini satu bukti kejayaan kita. Tahniah dan syabas.

Dan pada masa yang sama, saya juga ingin memberitahu dewan yang mulia ini bahawa peranan pembangkang ini sudah sampai masa untuk ditingkatkan. Saya bukan nak tuduh pembangkang apa-apa. Tidak. Kerana peranan pembangkang menerusi pengamatan saya (saya ada rekod di sini), kita sebagai wakil rakyat wajib datang ke dewan berbahas, mengikuti sidang dewan dan bukan datang pagi penuh petang empat lima orang. Ini tidak mencerminkan tanggungjawab kita. Dan pada masa yang sama, sebagai pembangkang sama ada kerajaan kita sama-sama wajibnya tanggungjawab memberi input kepada kerajaan untuk kerajaan bangunkan negeri Selangor. Tetapi apa yang saya kesal dan sedih pemantauan saya melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang turut dilantik wakil-wakil dari pihak pembangkang, kehadiran mereka (kehadiran pada wakil pembangkang) saya nak bagi tahu kalau kita periksa SPM, pecutan terakhir tidak lulus. Pecutan macam mana dengan motivasinya Y.B. Gombak Setia dengan motivasinya memecut tapi tak lulus. Sebab apa? Saya bagi tahu, saya bagi *details* sedikit. Supaya saya nak tahu kenapa wajah sebenar pembangkang tidak mahu masuk dalam jawatankuasa ini, sedangkan di parlimen pembangkang menyertai semua jawatankuasa.

Pada tahun ini, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (PAC) yang punya peranan penting yang dilantik oleh dewan untuk menyemak laporan-laporan audit tentang kepincangan salah urus, kelemahan agensi / anak syarikat dan sebagainya untuk memberi cadangan dan sebagai penambah baik supaya *check and balance* dapat dilakukan. Dalam PAC ini ada 7 ahli iaitu 5 daripada kerajaan, 2 daripada pembangkang. Sekarang ini pengerusi kita gilir-gilirkan. Oleh kerana Sungai Burong serik, tidak mahu memegang jawatan tersebut, walaupun kita (Pakatan Rakyat) kita mengatasi kepentingan politik, kita iktiraf wakil pembangkang dalam jawatankuasa tetapi pembangkang tidak berani mengambil cabaran ini. Maka ahlinya adalah Y.B. Kajang, saya sendiri, Y.B. Seri Muda, Y.B. Sijangkang, Y.B. daripada Damansara Utama beliau tidak hadir sepanjang mesyuarat kerana beliau ada kecederaan dan sebagainya. Dah enam kali kita mesyuarat dalam sepanjang tahun 2011 ini. 6 kali kita mesyuarat. Kehadirannya Y.B.Kajang (6 kali), saya (6 kali), Seri Muda (4), Sijangkang (4), Y.B. Damansara Utama (dia uzur sikit, dia tak datang). Tetapi yang tak uzur, yang tak sakit (Sungai Burong dengan burungnya) kosong. 6 kali – 6 kosong. Ini bukan Manchester United lawan Chelsea. Kosong. Gombak Setia, kosong. Y.B. Semenyih – kosong. Kosong.

Jadi, saya nak bagi tahu bahawa dewan yang mulia ini wajah sebenar, kosong. Wajiblah datang mesyuarat, bagi satu input sama-sama kita bangunkan negeri Selangor jadi wakil rakyat. Tapi tidak. Zaman saya jadi pembangkang, datang terus, tak datang, Cuma tak dilantik sahaja. Terima kasihlah walaupun PAC dilantik. Yang lain tidak dilantik. Kalau dilantik saya akan datang walau peranan tak seberapa tapi kita bagi idea, bagi teguran dan sebagainya. Ini dalam Jawatankuasa PAC dan seterusnya.

Ada lagi contoh. Saya bukan nak tuduh. Ada lagi contoh, contoh lagi ada. Contoh dalam PADAT Jawatankuasa pilihan mengenai Pejabat Daerah dan Tanah yang saya sendiri jadi Pengerusi, enam kali bermesyuarat, wakil daripada pembangkang seorang, Sg. Pelek, rakan seperjuangan daripada MCA yang berlainan kiblat. Enam kali dia datang sekali, elok dia datang sekali, dia tak dapat kosong, enam satu Manchester United dengan Manchester City, enam satu. Sekali datang. Dia bagi input, bagus sedikit. Satu. Ok itu untuk PADAT. Duduk-duduk saya nak bagi tau ini input-inputnya. Saya tak tuduhlah. Sungai Pelek tak kerja tapi enam satu. PBT bagi ABASSlah enam kali mesyuarat, wakil daripada yang di pengerusi oleh Y.B. Hulu Kelang, enam kali Kg. Tunku datang semua yang datang kosong Y.B. Ketua Pembangkang Seri Serdang, kosong. Y.B. Jeram, Jeram sekalipun *orak teko kepiye lo* sibuk yo, kosong. Speaker, kosong

TUAN SPEAKER : Speaker tidak kosong.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Oh Speaker tak kosong. Jeram kosong. Speaker tak kosong. Ya, ok, ok.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Eee satu sangkaan yang kurang elok, saya tak nak sebut jahat. Jawatankuasa PADAT apabila saya terima surat untuk mesyuarat kebiasaannya di tangguh-tangguh, tangguh. Tangguh lagi, waktu saya sedia nak hadir tu, tangguh, waktu yang saya ada mesyuarat ada program, jalan. Jangan sebut Sg. Pelek, datang sekalilah dalam ingatan saya sekurang-kurang ada dua kali. Saya boleh buktikan sekali di sini sekali di Pejabat Daerah Sepang. Satu lagi penjelasan saya nak mohon Sekinchan. Sg. Burong datang dengan burung apa maksud dia. Saya tak tahu hormatlah ADUN yang duduk di sana Sg. Burong sebagai seorang yang tua sedikit daripada you dan saya. Apa maksud itu. Sg. Burong dengan burungnya. Mohon penjelasan. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya bagi Sg. Pelek Sg. Pelek dalam jawatankuasa peranan Sg. Pelek ada yang lebih daripada yang lain. Dia ada bagi, dia ada datang tapi enam satu atau enam dualah lebih kurang. Mungkin satu di Pejabat Sepang, Sg. Pelek datang. Soal Sg. Burong tu soal kawasanlah. Soal kawasan jadi tak ada apa-apa masalah. Kalau Sg. Burong tak marah, Sg. Pelek kita tak pelek kita tak pelek langsung. Jadi kita tak ada masalah banyak. Kita tidak cuba nak singgung siapa, tidak. Tuan Speaker, sebagai Ahli Dewan, kita mintalah bagi laksanakan tugas kita sama-sama dalam jawatankuasa. Kadang-kadang kita nampak bermesyuarat tapi tak nak datang sudah dilantik. Waktu pilihanraya kempen mati-matian minta sokongan rakyat tapi apabila diberi mandat diberi tugas tanggungjawab, tak mahu datang tak mahu menyertai. Ini bukan satu peranan yang sewajarnya. Maka dengan itu saya haraplah dapat kita sama-sama dapat menggembleng tenaga untuk membantu kerajaan negeri Selangor supaya lebih maju ke hadapan membantu rakyat dan akhir sekali Tuan Speaker, saya menyokong bajet belanjawan 2011 ini. Sekian. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Bharu.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Terima kasih Tuan Speaker, kerana beri peluang untuk saya ambil peluang dalam perbahasan belanjawan 2012. Berkenaan Pihak Berkuasa Tempatan, seperti yang tuan sedia maklum, bahawa fungsi utama PBT dalam menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan perbandaran, bagi kesejahteraan kebajikan dan kualiti hidup rakyat yang baik di kawasan pentadbiran mereka. Manakala dalam konteks perkhidmatan awam “*Good Governance*” dengan izin ialah pengurusan yang profesional dan mempunyai akauntabiliti dalam erti kata yang lain perkhidmatan awam yang boleh menyelenggarakan peraturan-peraturan mengekalkan *standard* dan daya saing bagi memastikan akauntabiliti dari segi kewangan dan pentadbiran ini sangat penting untuk mendapatkan keyakinan sektor swasta. Banyak kepincangan serta tadbir urus berlaku di Selangor sejak diperintah oleh Pakatan Rakyat hingga menyebabkan hak serta kebajikan rakyat di negeri itu terabai. Isu-isu yang melingkari PBT-PBT di Selangor menyebabkan PBT dilihat tidak fokus dengan asas dan fungsi penubuhannya. Bahkan sesetengah isu gagal ditangani

dengan berkesan dan mencabar kredibiliti mereka sebagai penyelia perkhidmatan perbandaran yang berwibawa.

Projek yang tidak dilaksanakan, penyata kewangan kerajaan negeri dan pengurusan jabatan agensi Selangor 2010 jelas menunjukkan tadbir urus Kerajaan Negeri Selangor gagal terutama di pihak Berkuasa Tempatan tiada hala tuju yang jelas banyak membazir dan kebajikan rakyat terabai. Akibat ketidakcekapan dan tidak tahu pengurusan tadbir juga dasar pencapaian dalam pembangunan dalam RMK Ke-9 bagi tempoh lima tahun iaitu 2006 hingga 2010 hanya sebanyak 1,108 iaitu 77.1 % daripada 1,437 projek yang diluluskan telah siap dan sedang dilaksanakan. Ini bermakna sebanyak 329 projek belum dilaksanakan. Saya ingin mengetahui mengapa dan apakah masalah yang menyebabkan sebanyak 329 projek yang telah diluluskan masih belum dilaksanakan mengikut tempoh yang berikut diberikan. Bilakah sebanyak 329 projek yang belum dilaksanakan boleh dimulakan dan dapat disiapkan.

Pemberian projek secara rundingan terus. Pembabitan 2010 yang dijalankan juga mendapati kebanyakan projek yang dilaksanakan di PBT telah dilaksanakan secara rundingan terus tanpa proses sebut harga-harga walau pun *profile* projek ini tidak memenuhi kriteria seperti yang ditetapkan. Kaedah rundingan terus yang dilaksanakan pula tidak teratur kerana menepati syarat yang ditetapkan dalam garisan panduan perolehan secara rundingan terus. Di Majlis Perbandaran Selayang contohnya telah didapati projek pembangunan kecil 2008 telah dibuat tanpa melalui MPS terlebih dahulu tetapi bil diserahkan kepada MPS untuk membuat bayaran. Terdapat juga pembayaran satu projek menggunakan dua peruntukan yang berbeza menunjukkan kawalan peruntukan yang tidak cekap di mana prestasi bagi peruntukan yang diluluskan tidak dapat di ukur dengan secara terus. Lebih mendukacitakan terdapat di beberapa PBT seperti MPS, PBT Kuala Selangor dan PBT Hulu Selangor proses bayaran yang dibuat kurang teratur dan ada yang mengambil masa melebihi satu tahun untuk diselesaikan. Inikah yang dikatakan tadbir urus yang cekap atau adakan mendapat campur tangan dalam pemberian projek-projek kepada pihak-pihak tertentu khususnya kepada Ahli-ahli Majlis menyiapkan banyak projek dilaksanakan secara rundingan terus tanpa sebut harga.

Penjual Rumah Rakyat. Rakyat juga ingin mendapatkan penjelasan seperti dalam laporan Audit 2010 mengapa penjualan rumah rakyat tidak menggalakkan kerana hanya 22 unit daripada 222 unit yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya telah dijual. Ini bermakna sebanyak 200 buah rumah rakyat masih belum dijual. Apakah kerajaan sekarang tidak mempunyai kepakaran atau tidak tahu untuk meningkatkan usaha promosi penjualan rumah rakyat atau pentadbiran sekarang asyik berpolitik sedangkan terdapat ramai rakyat yang memerlukan rumah.

Aktiviti bangunan Teater Diraja Shah Alam. Satu lagi perkara yang menjadi bualan dan keresahan rakyat Selangor khususnya

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Minta laluan Kajang, Tuan Speaker

TUAN SPEAKER : Ya bagaimana, sila Kajang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih kepada KKB. Kajang ingin bertanya di bawah ICU projek-projek pembangunan ya, yang ada peruntukan dan dibina tanpa pengetahuan PBT dan juga Pejabat Daerah dilangsungkan dan tidak ada sebut harga, tidak ada pemantauan dan juga ada kontrak-kontrak yang diberi kepada Pengerusi JKKKP ka dan juga daripada Parti-parti Barisan Nasional. Bagaimana penjelasan pihak BN untuk perkara-perkara yang berlaku ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Terima kasih. Saya rasa itu bukan satu tuduhan yang betul semua projek yang dibina oleh ICU akan melawat bersama dengan PBT kalau projek yang tidak diberitahu kepada PBT maka projek akan ditolak. Aaa itu yang jawapan saya. Kalau tak percaya tanya PBT mana satu projek kita tidak dimaklumkan kepada PBT. Kita maklumkan bermakna dia disetujui oleh PBT.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE : Dia dimaklumkan selepas siap projek, sebelum itu tidak ada.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Tolong tanya PBTlah. Kalau *you* kata tak ada, bermakna *you* jarang turun ke PBT ni. Aktiviti Bangunan Teater Diraja Shah Alam, satu lagi perkara yang menjadi bualan dan keresahan rakyat Selangor khususnya penggiat seni mengapa bangunan Teater Diraja Shah Alam di bawah Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menjadi gajah putih. Pengauditan jelas menunjukkan bahawa bangunan teater telah siap pada 6 Ogos 2008 dan mendapat sijil menduduki bangunan pada 21 Oktober 2008 belum digunakan malah hasil daripada pengauditan Arkitek sebagai "*independent checker*" dengan ingin mendapati bangunan teater adalah dalam keadaan wajar diguna. Rakyat ingin tahu kenapa Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) melalui pejabat EXCO Hal Ehwal Wanita Sains Teknologi dan Inovasi didapati tidak menyediakan pelan pemasaran serta pengisian aktiviti walaupun telah hampir empat tahun beliau menjadi EXCO Portfolio berkenaan. Jadi apakah yang perlu ditunggu lagi dan berapa banyak lagi proses rundingan demi rundingan yang pernah diadakan untuk melaksanakan perkara di atas.

Tuan Speaker, perkara ini berlaku kerana kerajaan negeri Selangor dipengaruhi oleh pemimpin yang tidak cekap. Inilah padahnya apabila menggunakan khidmat penasihat yang bernilai RM1.00. RM1.00 sahaja kalau kita pakai konsultan RM1.00 cuba bayangkan RM1.00 nilai konsultan apakah dia punya kepakaran. Yang mana tidak

membawa apa-apa keuntungan kepada kerajaan negeri Selangor malah wang dan hak rakyat menjadi korban untuk agensi sempit politik mereka.

Penyalah kuasa Iklan. Laporan Audit Negara pada tahun 2010 telah membuktikan bagaimana cekapnya Pejabat Menteri Besar menggunakan kuasa mengarah dua *billboard* Majlis Daerah Hulu Selangor yang sepatutnya dipasang dengan iklan tentang pelancongan tetapi sebaliknya digunakan untuk mempromosi Tabung Warisan Anak-anak Selangor (TAWAS) dan kempen air percuma. Kedua-dua iklan tersebut di pasang di Mini Stadium Kuala Kubu dan di laluan Pekan Rasa ke Kuala Kubu. Inilah yang dikatakan tadbir urus kerajaan negeri Selangor lebih bersih berbanding daripada kerajaan negeri yang ditadbir oleh Kerajaan BN. Kepimpinan YAB selaku ketua pentadbir di negeri Selangor umpama Guru kencing berdiri murid kencing berlari. Kepimpinan seperti inilah yang perlu dicontohi oleh rakyat.

Kadar sewa rumah di Selangor juga naik dan tidak ada sekata, sistem pembayaran cukai tanah yang tidak jelas dan mengelirukan juga membuktikan bahawa tadbir urus kerajaan negeri Selangor secara *marble* dan tidak diurus dengan baik. Sistem pembayaran cukai tanah di Selangor tidak jelas dan mengelirukan selagi tidak selesai bayaran, maka geran tidak akan diberi.

Penurunan cukai pintu sukarkah menurunkan cukai pintu rumah kediaman sebanyak 20% yang di janji di biyai 12 dan juga cukai premis perniagaan sebanyak 10%. Janji yang ditimang-timang setakat ini hanya air 20 meter padu pertama kalau 20 meter dengan nilai RM11.40 tidak cukup untuk setengah jam buat *coki parking* pun. Janji ini menjelaskan kes PBT yang seharusnya terus mengukuhkan sumber kewangan bagi membiayai perkhidmatan mereka. Kerajaan negeri juga secara tersembunyi untuk menambah kewangan PBT dengan menaik denda RM20.00 kalau bayaran lewat. Dulu di zaman Barisan Nasional kami caj RM2.00 sahaja bagi cukai yang lewat dibayar mulai 1 Mac 2009. Mereka mengambil kesempatan terhadap rakyat yang terpaksa untuk membayar cukai ataupun kepada golongan orang-orang yang miskin yang tidak mampu membayarnya umpama gajah masuk kampung kalau pohon tidak tumbang rumput layu juga. Orang yang berkuasa dapat membuat sesuka hari kepada orang yang lemah. Memang seronok mencanangkan gula-gula untuk memikat rakyat, namun apabila kuasa ia tidak dapat dilaksanakan pelbagai alasan dan dalih boleh diberikan. Manusia jujur tidak akan mudah berjanji jika tahu tidak mampu menunaikan. Yang aneh orang yang sama membentangkan bajet bayaran itu adalah penasihat ekonomi negeri Selangor. Sukar sangat untuk beliau yang dijaguhkan sebagai tokoh antarabangsa menjadikan Selangor negeri kebajikan inilah orang terbaik yang diberikan oleh rakyat tapi buktinya tidak memanfaatkan yang tidak diadakan. Pilihan raya PBT. Polemik pilihan raya PBT juga bagai kambing menanduk bukit. Tanduk patah bukit.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat. Batu Caves bangun.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih. Sebelum masuk pemilihan PBT saya nak tanya Yang Berhormat Kuala Kubu apakah sejumlah 500 juta yang telah mengalir kepada rakyat dalam bentuk program-program rakyat dan ekonomi sebelum ini dianggap sebagai sesuatu yang pernah dilakukan oleh Barisan Nasional. Apakah janji kita hanya 20 meter padu air percuma sedangkan kita ada berbelas program yang saya rasa Yang Berhormat Kuala Kubu lebih prihatin dengan membaca dengan lebih teliti. Minta pandangan Yang Berhormat.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Saya rasa Batu Caves telah lupa bahawa kerajaan pusat bukan sahaja kita memberikan subsidi dalam segi kebajikan bahawa di kawasan saya daerah Hulu Selangor sudah lima ribu dua ratus penerima kebajikan dan setiap bulan kerajaan pusat belanjakan RM1.3 juta. Itu adalah satu kebajikan bermakna sumbangan daripada kerajaan pusat kepada rakyat. Apa itu sebelas ringgit empat puluh sen kalau nak dibandingkan.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Kuala Kubu. Yang saya tanya jelas. Janganlah anggap program merakyatkan ekonomi ini air percuma yang selalu di ratib oleh Barisan Nasional yang sebelum ini air percumalah sajalah program merakyatkan ekonomi sedangkan kita ada program-program lain, program kesihatan wanita, TAWAS, Skim Mesra Usia Emas. Soalan saya mudah, adakah Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini ada lakukan benda ini di peringkat kerajaan negeri. Kita bincang negeri. Nak buat *comparison* boleh atau perbandingan. Itu saja Yang Berhormat.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Okay saya ingat saya tak nak jawablah. Kerana pada dulu itu saya bukan wakil rakyat. Kalau nak tanya - tanya orang veteran. Saya penggal pertama. Jangan soal fasal kerajaan dulu o.k. Ia nya dilihat membazirkan sumber dan menghilangkan fokus terhadap perkara-perkara yang lebih penting. / nak teruskan masa tak cukup. Pilihan raya PBT akan lebih politikkan daripada menilai *core business* ia itu menjaga kesejahteraan kualiti hidup dan kemajuan penduduk bandar. Ia juga akan meningkatkan perbelanjaan wang rakyat akan membazir begitu saja. Ia lebih elok jika disalurkan untuk projek dan program kesejahteraan rakyat. Akibat kegelojohan dalam menentukan calon-calon Ahli majlis ada Ahli majlis di Ampang Jaya yang di lantik tetapi mempunyai rekod jenayah samun dan juga kongsi gelap. Ahli majlis yang dilantik pula sebuk melobi kerja-kerja kontrak sehingga ada Ahli Majlis menggunakan kepala surat EXCO Kerajaan Tempatan untuk mendapatkan tender dan akhirnya di pecat. Penyalahgunaan peruntukan untuk kempen ISA. Kerajaan negeri sanggup untuk meluluskan peruntukan sebanyak RM600,000 daripada kantung kerajaan negeri untuk membiayai kempen politik mereka bagi menghapuskan akta keselamatan dalam negeri ISA. Penyalahgunaan wang rakyat oleh kerajaan negeri Selangor dengan membelanjakan RM600,000 untuk membina papan iklan bagi menjayakan kempen mansuhkan ISA kesemua 56 kawasan DUN di negeri Selangor

namun penuh kepentingan parti tertentu. Penyalahgunaan kuasa ini dilakukan oleh sebuah kerajaan yang diterajui oleh sebuah parti politik yang kononnya memperjuangkan integriti, ketelusan dan keadilan untuk rakyat. Hakikatnya peruntukan itu boleh digunakan untuk membantu dan membela rakyat terutamanya melaksanakan banyak janji yang belum di tunai seperti yang dilaungkan pada pilihan raya umum yang lalu. Saya dan rakan BN mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Perdana Menteri kita kerana dia telah berani mencabar atau menghadapi cabaran dengan memansuhkan akta ISA tanpa membelanjai satu sen daripada wang rakyat. Peruntukan jalan MARRIS. Saya mengucapkan terima kasih di atas penjelasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya nak terus. Mengenai usul peruntukan jalan MARRIS yang dibangkitkan didalam media perdana dan alternatif baru-baru ini dengan nada yang sangat yakin Menteri Besar telah pun memaklumkan bahawa dalam MARRIS yang ada dalam negeri Selangor diurus mengikut tapak kelola yang ditetapkan oleh Perbendaharaan. Kewujudan akaun amanah penyelenggaraan jalan-jalan negeri di sah oleh Tan Sri Menteri Besar dalam kenyataan akhbar bertarikh 18 Oktober 2011. Soalnya kenapa dalam isu peruntukan pembaikan jalan raya seolah-olah adalah kecenderungan Menteri Besar untuk menyalah kerajaan persekutuan. Sebagai contoh pada tarikh 6 hari bulan Julai 2011 Menteri Besar telah kata dan saya kod. Memandangkan beberapa usaha kerajaan negeri menentukan prasarana-prasarana negeri Selangor ini mampat dan kita juga terdapat kekurangan peruntukan dari kerajaan persekutuan dalam bentuk membetulkan dan membaik jalan-jalan raya dan sistem perparitan. Kerajaan negeri akan melihat semula bagaimana sebahagian kecil daripada *research* tersebut digunakan dalam program pembaikan pemulihan sistem prasarana negeri Selangor. Dengan nada sedemikian besar dalam tahun 2009 ditambah lagi pada tahun 2010 apakah ia masih lagi tidak mencukupi. Apakah ini soal peruntukan yang tidak cukup atau kelemahan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan EXCO sendiri menyusun prioriti bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikan jalan raya di Selangor ataupun lebih dana MARRIS mahu digunakan kepada program-program lain yang di anjur oleh kerajaan negeri. Ini yang rakyat peduli ada lebih sebanyak RM55 juta masuk tabung amanah. Adakah yang menyakitkan hati rakyat kualiti jalan di Selangor semakin teruk dan tidak diurus dengan baik. Bagaimana dengan lubang dan lompongnya. Kebanyakan jalan di Selangor ini demikian banyaknya lubang dan lompong dalam pentadbiran Menteri Besar Negeri Selangor pada ketika ini. Dua kenyataan dibuat ketika Julai dan Oktober. Ini banyak berbeza. Bulan Julai Yang amat Berhormat Menteri Besar memaklumkan peruntukan persekutuan tidak cukup. Namun selepas pendedahan di medan media alternatif mulalah mengatakan yang peruntukan itu ujud namun ada *utilized* dengan izin kita harap Menteri Besar lebih konsisten dengan jawapan yang tidak mudah untuk menyalahkan pihak lain dalam hal pengurusan dana MARRIS hari ini. Alam Flora. Tuan Speaker, satu lagi perkara yang menjadikan bualan dan keresahan rakyat adalah

tindakan kerajaan negeri menghentikan perkhidmatan pembersihan yang selama ini dilaksanakan oleh Alam Flora. Dalam kenyataan yang dibuat oleh kerajaan negeri adalah diputus bahawa Alam Flora hanya bertanggung jawab atas pelupusan sampah manakala Pihak Berkuasa Tempatan ditugaskan untuk melakukan kerja-kerja pembersihan. Rakyat mahu tahu dan mendapat penjelasan apakah tindakan di secara khusus dilaksanakan bagi memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor kroni yang bagi mendapatkan manfaat ekonomi. Apakah Menteri Besar pernah mengambil kira pandangan FOMCA mengenai isu ini yang secara jelas mengatakan kerajaan negeri hendak memastikan hanya kontraktor yang mempunyai peralatan yang cukup dan struktur tadbir yang diurus dengan baik perlu diberi lesen. Kerajaan negeri juga hendak sentiasa memantau prestasi mereka bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang tinggi dan baik diberikan kepada para pelanggan. Masyarakat umum juga perlu memastikan Pihak Berkuasa Tempatan daerah perlu mempunyai kapasiti yang cukup dan baik dari segi sumber-sumber peralatan seperti *carter air*, *washing hose* serta lori penyapu jalan dan lain-lain. Apakah semua kriteria-kriteria ini akan benar dipatuhi atau lantikan kontraktor hanya berdasar pendekatan *no who* dengan izin. KKB juga menuntut agar senarai kontraktor yang bakal dilantik diletakkan secara *transparent* terbuka dan juga tanggungjawab di dalam laman web kerajaan negeri. Barulah kerajaan ini adalah *life to expectation* dengan izin wujud *freedom of information*. Boleh dewan ini dapat komitmen Menteri Besar berkenaan perkara ini. Kesimpulan nya pada hari ini apabila rakyat Selangor membandingkan apa yang dilakukan oleh kerajaan yang dahulu dengan apa yang dilaksanakan oleh kerajaan sekarang tentulah mereka boleh berfikir yang mana satu baik. Ternyata tiada apa yang dibanggakan sepanjang tiga tahun lebih Pakatan Rakyat menerajui Selangor seperti arang habis besi binasa pekerjaan yang sia-sia melainkan pelbagai isu dan kemelut yang menggesa rakyat dan gagasan bangsa banyak janji pilihanraya umum lalu. Kerajaan negeri gagal memimpin PBT bagi mematuhi keperluan kualiti hidup rakyat. Mereka memerlukan infrastruktur, penyelenggaraan persekitaran sosial terhadap kesihatan dan kebersihan yang baik. Seterusnya mengukuhkan kewangan dan fokus kerajaan amat diperlukan. Kelemahan ini akan menjejaskan tahap kualiti , dah habis *one minute*. Terhadap kualiti yang mesti diberi oleh PBT kepada rakyat. Sebaliknya falsafah yang diberi berprinsip gagasan satu Malaysia rakyat diutamakan adalah lebih relevan kerana ia menjurus kepada kesejahteraan rakyat di samping memajukan ekonomi negara. So sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan bajet kerajaan negeri Selangor bagi tahun 2012 ini. Saya telah mengamati perbahasan kita pada pagi dan petang hari ini dan saya mempunyai satu perasaan seolah-olah teks dan ucapan, teks ucapan yang disampaikan oleh wakil Barisan Nasional sebenarnya dari segi dalam bahasa

sangat bagus sehingga mereka tidak dapat mengambil soalan dan menjawab soalan daripada ADUN-ADUN Pakatan Rakyat. Saya kurang pasti adakah benar bahawa teks ucapan ini sama ada ditulis oleh mereka sendiri atau ditulis oleh tukang-tukang tulis teks ucapan. Kalau ia ditulis oleh tukang teks ucapan, saya menyeru ADUN-ADUN Barisan Nasional untuk meletak jawatan minta yang menulis teks ucapan itu untuk menjadi ADUN dan membahas di sini dan menjawab soalan kami di sini.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat. Kuala Kubu Baru. Soalan.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Terima kasih Tuan Speaker. Ini adalah satu sangkaan ataupun perangai seorang pemimpin daripada Pakatan Rakyat. Mereka sentiasa pandang rendah kepada semua Ahli-ahli Dewan termasuk pemimpin tempatan termasuk rakyat kerana keegoan daripada tuan-tuan dan puan-puan di sebelah sana. Kami juga dipilih oleh rakyat sama dengan awak. Kalau awak cuba nak kritik, nak bulikan wakil rakyat dipilih oleh rakyat maka kita mohon rakyat jangan undi Pakatan Rakyat di PRU akan datang biar jatuh kerajaan Pakatan Rakyat. Sekian terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya tengah maklum balas dari Yang Berhormat KKB tapi saya tak tahu soalan apa yang nak ditanya. Cuma saya ingin menjawab satu saja iaitu soalan saya ialah ataupun hujah saya ialah kalau Yang Berhormat sejiwa sehati dengan teks ucapan itu sepatutnya Yang Berhormat boleh menjawab soalan. Yakin dengan teks ucapan kamu ambil soalan daripada Pakatan Rakyat ADUN-ADUN yang lain dan menjawab secara terus terang.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Adakah saya menjawab soalan. Ada bagi peluang. Habis soalan kadang-kadang *you* tanya itu tak betul-betul.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya belum habis lagi, saya telah mengikuti perbincangan daripada Yang Berhormat, ADUN pembangkang. Tadi saya tanya tahun berapa agaknya kerajaan negeri Selangor akan bankrap. Dahulu kata enam bulan, masih ingat semua kata enam bulan, enam bulan sejak Mac 2008 kalau enam bulan sejak 1 Jun 2008 apabila kerajaan negeri Selangor melaksanakan dasar program air percuma, enam bulan, tetap-tepat bulan dua belas tiga puluh satu hari bulan Kerajaan negeri Selangor akan bankrap. Tapi sampai sekarang, tukar pula kata 2012 pada akhir ucapan kata plak 2013, 2014. Jadi mana satu yang benar. Maksud saya ialah faktanya tidak ada faktanya tidak ada, kerana teks ucapan itu tidak sejiwa dan sehati dengan apa yang mereka laksanakan, itu perbincangan saya, kalau memang ada kebernasan, memang ada kebenaran, memang ada fakta dan kenyataan ambil soalan jawab, Yang Berhormat jawab, bila..

TUAN SPEAKER : Baik-baik, Yang Berhormat sila duduk, masa sudah menunjukkan 4.30 maka saya menangguhkan sidang dewan sehingga esok, 11 November 2011 jam 9.30 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 4.35 petang)